



NEGERI PULAU PINANG

# PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEDUA  
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI  
YANG KEEMPAT BELAS**

**13 OKTOBER 2020 (SELASA)**

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG**

# PENYATA RASMI

## MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

13 OKTOBER 2020 (SELASA)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	4 - 5
<b>SOALAN-SOALAN LISAN</b>	
Soalan No. 10 – Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang)	6
Soalan No. 11 – Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen)	10
Soalan No. 12 – Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz)	13
Soalan No. 13 – Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng)	15
Soalan No. 15 – Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil)	18
Soalan No. 16 – Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim)	21
Soalan No. 17 – Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad)	23
Solan No. 18 – Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)	25
<b>PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH YAB. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)</b>	26
<b>PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2021 DAN USUL PEMBANGUNAN TAHUN 2021</b>	
Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	27
Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	51
<b>DEWAN DITANGGUHKAN</b>	

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>DEWAN DISAMBUNG SEMULA</b>	
Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	62
Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	71
Ahli Kawasan Bertam (YB. Khalil Mehtab Bin Mohd Ishaq) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	75
Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	80
Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	85
Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	92
Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	97
Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	102
Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	105
<b>DEWAN DITANGGUHKAN</b>	

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 13 Oktober 2020 (SELASA)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Persidangan  
Dewan Sri Pinang,  
Jalan Tun Syed Sheh Barakbah  
**Pulau Pinang.**

BIL	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
13.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
17.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
18.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
19.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
20.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
21.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah

BIL	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
22.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
23.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
24.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
25.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
26.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
27.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
28.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
29.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
30.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
31.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
32.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
33.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
34.	YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
35.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
36.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga
37.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
38.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
39.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
40.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang

#### TIDAK HADIR

Bil.	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
1.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak

#### AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Abdul Razak Bin Jaafar	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Norazmi Bin Mohd Narawi	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Dr. Mohamad Farazi Bin Johari	Pegawai Kewangan Negeri

#### TURUT HADIR

- Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
 Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.**

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

**Timbalan Setiausaha Dewan:**

“Bacaan Doa”.

**Setiausaha Dewan:**

Soalan lisan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum ini, ingin sekali lagi saya nak memperingatkan kepada semua supaya diminta untuk mematuhi SOP-SOP yang telahpun ditetapkan. Ahli-ahli Yang Berhormat diminta juga untuk memakai pelitup muka sewaktu berada di dalam Dewan Persidangan ini. Baik bertanya ataupun menjawab. Kepada semua yang hadir ke dalam perkarangan Dewan juga diminta mematuhi segala SOP yang telahpun ditetapkan memandang kita sedang bersidang dalam zon merah. Sesi soalan lisan, saya mempersilakan Yang Berhormat Air Itam.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):**

Terima kasih. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 10.

10. Kejadian tanah runtuh di tapak pembinaan projek Bukit Kukus pada 19 Oktober 2018 yang telah meragut 9 orang pekerja maut.
  - (a) Apakah status kes kejadian tersebut?
  - (b) Apakah inisiatif kerajaan bagi mengelakkan kemalangan seperti ini berlaku lagi?
  - (c) Bilakah projek ini akan selesai dan dibuka untuk kegunaan awam?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker dan juga kepada Yang Berhormat Air Itam dan semalam apabila saya bangun, saya tanya satu soalan, sama ada boleh atau tidak dan saya setuju dengan saranan daripada Yang Berhormat Dato' Speaker supaya kita mematuhi SOP. Pematuhan SOP itu yang terpenting sepertimana dinyatakan oleh Ketua Menteri saya dalam ucapan beliau, tidak ada vaksin sekarang. Patuh SOP kerana keutamaan kita adalah keutamaan keselamatan dan keutamaan kesihatan rakyat Negeri Pulau Pinang. *Thank you very much, Dato' Speaker. I will proceed with my mask on.*

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Air Itam kerana tanya satu soalan berkenaan semua tahu, ada satu kejadian tanah runtuh di tapak pembinaan projek Bukit Kukus pada tahun 2018 iaitu 19 Oktober yang telahpun menyebabkan sembilan (9) orang pekerja meninggal dunia. Dan kita ditanya apakah status kes tersebut dan apakah hal tuju kita untuk elakkan dia. Itu pokok soalan dia.

Dato' Speaker, untuk makluman semua, status terkini bagi kes tanah runtuh di tapak pembinaan projek Bukit Kukus yang telah berlaku pada 19 Oktober 2018 ialah syarikat kontraktor telah didapati bersalah atas kecuaian dan diambil tindakan mahkamah oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ataupun DOSH. Denda yang dikenakan dalam kes itu, Dato' Speaker ialah RM35,000.00 kepada syarikat kontraktor yang tersebut. Selain daripada itu, Dato' Speaker, pengarah projek syarikat kontraktor tersebut juga telah dikenakan denda iaitu sebanyak RM35,000.00. *So the company and also the director.*

Dato' Speaker, bagi mengelakkan kemalangan ini daripada berulang, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah mengambil beberapa langkah iaitu seperti berikut:

- (i) Mewajibkan kontraktor utama melantik jurutera perunding bertauliah bagi mereka membentuk, menyelia dan menyediakan pelan pembinaan untuk kerja-kerja tanah sementara di tapak.
- (ii) Memastikan Jurutera Perunding dan Jurutera Perunding Pemeriksaan bebas. *That's important. Independent checkers.* Perlu mengawasi, menyelia dan mengambil tindakan sewajarnya demi keselamatan orang awam, harta awam dan juga persekitaran.
- (iii) Dato' Speaker, memastikan semua laluan air semula jadi di tapak mesti dikaji, dikekalkan dan disalurkan tanpa menjelaskan aliran yang sedia ada. Seterusnya,
- (iv) Membina longkang dan parit sementara terlebih dahulu di kawasan-kawasan yang melibatkan kerja-kerja pemotongan serta penstabilan cerun.
- (v) Memastikan semua kerja-kerja mitigasi terutama yang melibatkan kerja-kerja penstabilan cerun perlulah disegerakan.
- (vi) Memantau peranan kontraktor utama, jurutera perunding utama dan jurutera perunding pemeriksaan bebas perlu lebih pro-aktif, perlu lebih pro-aktif, itu penting Dato' Speaker, di tapak demi keselamatan orang awam, harta awam dan persekitaran dan akhirnya,
- (vii) Menyediakan jadual penyelenggaraan sistem perparitan dan kolam enapan sementara di tapak.

Dan juga untuk jawapan kepada yang Berhormat Air Itam, projek pembinaan jalan ini kita jangka akan kalau boleh disiapkan untuk kegunaan awam pada pertengahan tahun depan kerana projek ini ada tiga (3) sektor yang dibuat oleh Majlis Bandaraya dan dua (2) pihak swasta, yang kepada kita dan satu (1) pihak swasta kita *on time*, jadual seperti jadual. Satu lagi kita hendak pastikan dapat juga ikut jadual supaya bulan Mei ataupun Jun tahun depan, kita dapat lihat ia dibuka dan diguna oleh orang awam. Sekian.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):**

Soalan tambahan saya.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):**

Yang Berhormat Datok Keramat, terima kasih atas jawapan. Soalan tambahan saya. Apakah status bagi pemilik tanah selain yang diuruskan oleh MBPP? Dan juga kerja pembersihan dan tindakan keselamatan di kawasan tersebut sepatutnya diuruskan oleh pihak mana? Ini adalah kerana keadaan di tapak projek Bukit Kukus memang kelihatan seperti terbiar dan tidak diurus dengan baiknya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih atas soalan tambahan tadi. Yang Berhormat Air Itam, sebelum saya jawab mungkin saya beri sedikit *context* Dato' Speaker. Apabila saya akhir jawapan saya tadi, ada tiga (3) bahagian dalam projek ini iaitu bahagian pertama oleh MBPP, Dato' Speaker, is 3.3 kilometer daripada Lebuhraya Thean Teik dan Bukit Jambul termasuk sambungan

bertingkat di Bukit Kukus ke Jalan Tun Sardon yang bernilai RM275 juta bermula pada 14 Januari 2016 dan kita jangka siap tahun depanlah sepetimana saya nyatakan.

*I think the reason why to put this in context is to let everyone know the jadual kerja so that you would understand in relation to your question YB. Air Itam....(dengan izin), kerana sekiranya ia belum selesai maka soalan YB. itu begitu penting, kita perlu pastikan ia dipantau. Especially dari segi kebersihan dan keselamatan dan sebagainya.*

*For the first part yang saya nyatakan oleh MBPP tadi, kita dapat bahwasanya, kemajuan kerja di tapak actually for MBPP's part, Dato' Speaker, (dengan izin)...is 92.5%. That is the peringkat oleh MBPP, yang adalah satu status yang begitu baik. Tahniah kepada Datuk Bandar saya yang juga berada, tadi ada di sini. Thank you very much and we hope it will be completed in due time.*

Yang kedua, adalah daripada satu syarikat swasta yang lain. Yang adalah berpanjang 1.4 kilometer. Now this, this section, bahagian ini kita lihat kemajuan kerja adalah cuma pada 18%. Dan kita harap ia juga dapat disiapkan dengan secepat mungkin. Selain daripada MBPP yang kita jangka siap pada tahun depan, kita lihat kepada seksyen atau bahagian kedua ini adalah dalam tahun 2024. Itulah laporan yang kita dapat tetapi sepetimana saya nyatakan, walau apapun, apabila MBPP siapkan bahagian dia, ia dapat digunakan oleh orang awam.

Yang ketiga juga oleh bahagian swasta yang mana juga adalah dalam lingkungan 20% dan kita harap juga ia dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Air Itam, ingin saya nyatakan bahwasanya kita melalui Pihak Berkuasa Tempatan di bahagian Pulau iaitu MBPP dan semua jabatan lain, kita senantiasa memantau tapak kerja di ketiga-tiga bahagian, Dato' Speaker. All three places. I've given three section so MBPP actually, (dengan izin)....is actually monitoring all three section untuk pastikan kerja itu terurus, selamat dan mengikut piawaian apa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Siasatan. Kes ini sememangnya telah diputuskan oleh satu Jawatankuasa Siasatan.

Dato' Speaker, ingin saya peringati semua, so kita di pihak Kerajaan Negeri melaksanakan syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa itu yang mana saya perincikan tadi. Dan kita sekarang sememangnya, I agreed with YB. Air Itam, perlu kita lihat untuk pantau untuk pastikan keselamatan di tapak itu sememangnya kita utamakan. Sekian, terima kasih.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Soalan tambahan. Soalan tambahan Dato' Speaker, satu. Terima kasih Dato' Speaker. YB. Datok Keramat, tadi saya terkejut dengan keputusan mahkamah yang hanya menghukum kontraktor yang kecuaian itu, yang telah menyebabkan sembilan (9) kematian tetapi hanya diminta untuk bayar hukuman didenda RM35,000.00. Adakah Datok Keramat rasa hukuman itu setimpal dengan sembilan (9) nyawa yang telah mati?

Dan juga saya juga ingin tahu tentang pemantauan dan penguatkuasaan yang telah dijalankan ke atas tapak-tapak projek seperti ini kerana apa yang saya tanya dalam soalan bertulis saya, dalam satu tahun 2019, kita hanya ada enam (6) kali penguatkuasaan atau pemantauan yang dijalankan ke atas tapak-tapak projek dan ini satu angka yang begitu mengejutkan juga. Saya ingin tahu adakah penguatkuasaan itu dibuat secara berkala atau spotcheck atau lebih ketat lagi supaya boleh memastikan kontraktor atau projek-projek itu dipantau dengan lebih rapi lagi, terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Machang Bubuk. Thank you for the question. Jawapan saya begitu senang sembilan nyawa sememangnya tidak berharga RM35,000 kepada syarikat, sememangnya tidak berharga RM35,000 kepada pengarah dan saya hendak

berikan amaran kepada semua syarikat dan semua pengarah syarikat yang tidak bertanggungjawab menyebabkan keselamatan pekerja mereka teraniaya, *let me make that very clear Yang Berhormat Machang Bubuk, there is no compromise on the safety like I said of the people were working on the ground, nine (9) life would taken....(dengan izin) and the fine was total of the RM65,000 if you do the calculation, berapa? Tak cukup RM10,000 pun satu orang punya nyawa betul ka.*

Memang saya setuju dengan Yang Berhormat Machang Bubuk keadaan perundangan kita meski pun di peringkat negeri dan lebih-lebih lagi di peringkat Persekutuan. Sememangnya perlu dilihat semula, kita boleh pinda dan di peringkat persekutuan ada banyak perundangan yang boleh kita lihat semula, kita boleh pinda ataupun perundangan baharu boleh digubal. Sekarang kita ada tujuh (7) orang di sini yang boleh minta pihak Persekutuan memperketatkan perundangan itu, boleh atau tidak, setuju atau tidak? Saya nak tanya satu-satu bangun boleh tanya, yes or no....(gangguan)

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Apa nama....(gangguan). Duduk, duduk..balik ke jawapan saja.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Jawapan saya memang ia perlu dilihat semula, di peringkat negeri kita akan lihat tetapi di peringkat Persekutuan pun boleh dan saya setuju dengan Machang Bubuk yang juga akan, saya harap dia juga akan bincang dan bisik dengan rakan-rakan tujuh (7) kita di situ untuk tanya Kerajaan Persekutuan samada ia boleh dibuat atau tidak, itu nombor satu berkenaan perundangan samada ia setimpal atau tidak, pada saya memang tidak tetapi kita sebagai eksekutif Dato' Speaker, sebagai Ahli-ahli Perundangan juga apabila kita pergi ke mahkamah kita ada Penasihat Undang-Undang di sini, kita ini terikat dengan undang-undang sedia ada itu sahaja. Perlu kita ikut undang-undang. Kalau undang-undang begitu tidak betul saya sebagai EXCO saya akan nyatakan tak kira betul jadi perlu ada pindaan dan saya akan nasihat supaya itu dibuat Dato' Speaker untuk kes ini kerana ia memang, *if you look it, I think it is very unfair...(dengan izin) it is very unfair nine (9) life taken from the price of RM65,000 I think very unfair so we must take action either on our level or Federal level and I quite show be would see something especially here at Penang...(dengan izin).*

Untuk soalan kedua tentang pemantauan kepada Yang Berhormat Machang Bubuk, sememangnya seperti mana saya nyatakan tadi pemantauan akan terus berlaku dan kita lihat, *of course sometimes tenaga kita bukan mencukupi, kita tidak boleh berada di situ sekaligus untuk semua tempat. Not only this case but many other places for your information Yang Berhormat Machang Bubuk, we have always to save continuously monitor but let me just inform Dato' Speaker one more thing, sememangnya kita lihat ada beberapa kawasan. I think your area Yang Berhormat Machang Bubuk, I've come down to ground with you especially certain area they were doing the illegal dumping and so forth just to give the perspektif Dato' Speaker.*

Kita hendak lihat bagaimana ada satu cara lain untuk buat pemantauan dan *I think* satu dari pendekatan yang kita ada sekarang adalah untuk kita meletakkan number one, CCTV. *We have tried to put what do we call 24 hours security Dato' Speaker...(dengan izin), kita ada security 24 hours di situ but that also security 24 hours can only one particular spot at one particular time for 24 hours and cannot be at entire, some areas are acres, acres big, I think Machang Bubuk attach to that so we look other race Dato' Speaker...(dengan izin) and one of the for the CCTV cameras can be put operational dan kita connect kepada agensi seperti PDRM other one the latest one Dato' Speaker for your information we have discuss that we must and also look at drone and we can monitor that entire area at any one particular time and we look into that and we are looking at the hot spot bagaimana kita boleh laksanakan ini di situ....(gangguan).*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Pengkalan Kota sila.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya soalan nombor 11.

11. Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).

- (a) Apakah usaha dan inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan RIBI tidak akan diroboh sewenang-wenangnya seperti di Negeri Kedah?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Ya, terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Pengkalan Kota telah tanya satu soalan berkenaan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) iaitu apakah usaha dan inisiatif yang telah diambil untuk Kerajaan Negeri untuk pastikan RIBI tidak akan diroboh seperti di negeri lain yang disebut negeri Kedah. Baru-baru ini kita ada lihat di mana kita lihat juga Professor Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II juga telahpun banyak membuat kenyataan terhadap apa yang berlaku di sini berbanding dengan itu di negeri Pulau Pinang Dato' Speaker, kita sentiasa utamakan keharmonian rakyat termasuk memastikan isu mengenai semua rumah ibadat termasuk Rumah Ibadat Bukan Islam di Pulau Pinang diuruskan secara berkesan dan antara inisiatif yang kita ambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan RIBI tidak diroboh sewenang-wenangnya di Pulau Pinang adalah seperti berikut: Nombor satu, Dato' Speaker, kita telah wujudkan satu Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Khas Hal Ehwal Bukan Islam dan Jawatankuasa Penyelaras RIBI untuk memastikan isu-isu yang melibatkan RIBI diuruskan secara berkesan.

Nombor 2, Dato' Speaker, Kerajaan Negeri kita telah juga tetapkan bahawasanya di setiap pembangunan baru di Pulau Pinang termasuk untuk RIBI perlu mendapat kebenaran dan kelulusan daripada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MBPP dan MBSP. Ini adalah untuk pastikan bahawasanya semua RIBI yang dibangunkan itu patuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan untuk kesejahteraan rakyat dan nombor tiga Dato' Speaker, kita juga Kerajaan Negeri pada tahun sudah iaitu 2019, *I think the earlier 2019* kita telah putuskan bahawasanya semua tindakan penguatkuasaan terhadap mana-mana Rumah Ibadat Bukan Islam ini diambil cuma selepas mendapat keputusan daripada Jawatankuasa Tanah Negeri di mana Jawatankuasa Tanah Negeri perlu diberi nasihat oleh Jawatankuasa Penyelaras RIBI tersebut.

*So the prosedur is like this Dato' Speaker, if there any aduan terhadap mana-mana RIBI tokong Cina, kuil India, gereja even the Sikh Gudwara if any complaint yang berlaku dia punya prosedur ia perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelaras RIBI yang saya pengerusikan ia perlu dirujuk di situ di mana kita akan cuba sedaya upaya Dato' Speaker untuk selesaikan isu ini kerana ia adalah isu sensitif tapi kita ada prosedur di Pulau Pinang kita ada prosedur ini dan saya rasa percaya semua akan setuju, ini prosedur yang baik supaya kita akan elakkan perobohan sewenang-wenangnya dan sebagainya akan mencetuskan banyak kemarahan di kalangan rakyat Pulau Pinang so itulah apa yang kita buat dan setakat ini Dato' Speaker saya gembira nyatakan bahawasanya banyak kes yang telah datang ke kita dan banyak kes kalau tidak semua kita sudah cuba selesaikan, itulah pendekatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey, silakan soalan pokok Yang Berhormat Pengkalan Kota.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Soalan tambahan, terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih juga jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Datok Keramat memang padatlah dan menerangkan tentang macam mana Kerajaan Negeri ini menjaga kepentingan khususnya Rumah Ibadat Bukan Islam ini.

Jadi soalan saya adalah berhubung dengan SOP di mana kita difahamkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan dan PKPP ini SOP-SOP telah ditetapkan melalui Majlis Keselamatan Negara dan Kerajaan Negeri bagi memastikan sektor-sektor yang berkenaan dapat memulihkan dengan cepat khususnya di dalam era pasca pandemik COVID-19 ini.

Jadi persoalan saya apakah hala tuju atau perancangan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan lagi SOP-SOP yang berkenaan ini agar ia dapat dijadikan lebih berkesan, terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat nampaknya tidak berapa sangkut dengan soalan pokok yang ditanya, sila mengambil perhatian kalau nak tanya pun tanya yang bersabit dengan soalan yang tertera dalam soalan lisan sahaja nanti...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*I think because it is important now, unfortunately Dato' Speaker, COVID-19 so every question it should be some relevant and reference to COVID-19...(dengan izin). While we talk about RIBI tidak akan diroboh sewenang-wenang kita juga mesti lihat bagaimana kita pastikan keselamatan mereka yang datang ke RIBI ini and infact kita nak beritahu kepada Dato' Speaker since, sekarang di Malaysia kita ada 65 agensi dan Kementerian yang ada SOP tersendirinya untuk sektor-sektor tersendirinya. Di bawah RIBI ia di bawah Kementerian Perpaduan, infact and SOP in particular Dato' Speaker, just a quite one because to look into it and for your information di bawah Jawatankuasa Keselamatan Negeri saya diminta untuk bertanggungjawab atas SOPlah yang perlu dilaksanakan di Pulau Pinang dan untuk RIBI ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan.*

*I think a few quickly di RIBI kita tak galakkan lebih dari 70 tahun untuk masuk dan kurang dari 12 tahun untuk masuk mesti ada social distancing which is normal lazim SOP dan sebagainya tetapi kita sememangnya juga mendengar keluhan dan apa yang dinyatakan oleh mereka yang hendak pergi untuk mengunjungi RIBI-RIBI ini seperti juga masjid same isu nothing different. Banyak yang hendak pergi ke tempat rumah ibadat mereka untuk sembahyang terutamanya mereka warga emas tetapi apabila kita ada macam ini 70 tahun dan atas tak boleh Pulau Pinang kita kata boleh, cuma kalau semua SOP lazim yang lain dipatuhi, tidak ada suhu badan yang tinggi, boleh social distance dan sebagainya.*

*So we in Penang kita prihatin kepada golongan itu juga very important and I think Yang Berhormat Pengkalan Kota ask a very important question because yesterday Dato' Speaker, I want just to say one thing,....(gangguan).*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey, sila ringkaskan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

141 kes didapati di Penjara Reman Pulau Pinang dan saya sokong sepenuhnya Ketua Menteri saya yang telah memohon kepada Kementerian supaya satu EMCO diadakan di kawasan Penjara Reman dan juga di kawasan kuarters, saya sokong sepenuhnya, saya ingat semua di sini boleh sokong betul atau tidak, terima kasih and thank you very much.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):**

Soalan tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):**

Terima kasih Dato' Speaker, saya mohon penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Datok Keramat atas isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Kota ini. Bagaimana Kerajaan Negeri melihat atau pun apakah langkah-langkah yang diambil terhadap rumah ibadat bukan Islam yang tidak patuh syarat-syarat atau pun tidak patuh garis panduan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana saya kira tidak ada mana-mana kerajaan yang akan meruntuhkan rumah ibadat ini sewenang-wenangnya. Ini berdasarkan data yang saya ada di sana terdapat lebih daripada atau pun terdapat 69 buah Rumah Ibadat Bukan Islam yang dibina secara haram di atas tanah...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Peraturan mesyuarat.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):**

Jadi, saya hendak mohon apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan supaya garis panduan itu dipatuhi supaya kita meraikan dan menghormati semua. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, dia menyatakan rumah ibadat bukan Islam dibina secara haram, saya minta ditarik balik. Itu menyakitkan hati penganut agama lain. Peraturan Mesyuarat 46 (17) tidak boleh menyatakan dibina secara haram.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):**

Dibina secara haram dengan maksud tidak mendapat kelulusan awal, itu maksud binaan haram.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Setuju.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, ada kuil yang dibina masa British dahulu, masa itu tidak ada PBT.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):**

Dibina secara sah yang mendapat kelulusan itu saya tidak pertikaikan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya sudah faham soalan itu.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):**

Cuma saya nak penjelasan lagi, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi melihat garis panduan atau pun syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT ini dipatuhi.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Datok Keramat, cuba jawab yang ringkas sudah.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih kepada rakan saya Ahli Kawasan Penaga, *question* yang betul tetapi cuma saya hendak nyatakan di Negeri Pulau Pinang mana-mana rumah ibadat walau pun bukan Islam ataupun Islam sama juga mungkin ia dibina tak ikut garis panduan tetapi jangan cakap secara haram, itulah apa Ahli Kawasan Bagan Dalam nyatakan.

Saya harap Ahli Kawasan Penaga sila tukar fikiran kita apabila kita sebut pada rumah ibadat, mana-mana punya rumah ibadat. Yang penting seperti mana saya nyatakan tadi kita ada Jawatankuasa ini yang tiada di dalam mana-mana negeri lain dalam Malaysia, Pulau Pinang satu-satunya yang ada yang akan datang pada kita. Menjawab soalan Ahli Kawasan Penaga, *it's a very good question, the process like I said*, kita akan cuba mendamaikan mereka untuk atasi dan tangani masalah tersebut. Salah satu *avenue* yang kita ada, langkah yang kita buat kita akan tawarkan mereka tanah yang lain supaya mereka boleh ditempatkan semula, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana RIBI ini dalam komuniti saya kita ada satu komuniti yang boleh agihkan tanah yang kita ada untuk mana-mana RIBI dan tanah ini datang daripada pemaju yang tidak dapat sediakan tapak di kawasan pemajuan mereka dan mereka dikehendaki melalui syarat MBPP ataupun MBSP untuk beri satu tanah dan tanah itu akan masuk kepada senarai kita untuk ditawarkan kepada mereka ini.

Tadi Ahli Kawasan Penaga ada nyatakan 69, saya akan *check, please let me know*, sekiranya ada kita hendak dan akan cuba selesaikan masalah ini *because at the end of the day this is a very a sensitive issue and I think all of us will agree...(dengan izin)* YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri *that we all work together, we all work together to settle this issue*. Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. YB. Ahli Kawasan Bayan Lepas, silakan.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir bin Aziz):**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya nombor 12.

12. Apakah perkembangan terkini Penang International Halal Hub (PIHH) Development Sdn. Bhd. setelah 12 tahun beroperasi?
- Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengadaptasikan Industri 4.0 dan era digital ekonomi tambahan lagi untuk menghadapi pandemik COVID-19?
  - Sila terangkan kejayaan-kejayaan sepanjang PIHH Development diwujudkan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain):**

YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Ahli Kawasan Bayan Lepas mengajukan soalan tentang apakah perkembangan terkini Penang International Halal Hub. Penang International Halal Hub Development Sdn. Bhd. (PIHH) telah ditubuhkan pada April 2008 dengan objektif (dengan izin)...*to coordinate industri halal and kefahaman tentang halal*. Ini inisiatif yang awal yang dimulakan oleh YB Ahli Kawasan Air Putih mantan KM. Sekarang Penang International Halal Hub Development Sdn. Bhd. (PIHH) telah melalui *rebranding...(dengan izin)* kepada nama baru Penang Halal International (PHI) dan logo pun dah logo baru.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan apakah langkah-langkah yang diambil oleh PHI untuk mengadaptasikan Industri 4.0 dan era digital ekonomi terutamanya untuk menghadapi pandemik COVID-19. Seperti mana semua sedia maklum pada Ogos 2018 Perdana Menteri pada masa itu telah mengumumkan tentang Industri Forward ataupun inisiatif Industri 4.0 supaya negara terus memacu kemajuan teknologi dan supaya kita tak tertinggal dalam arus pertumbuhan pembangunan teknologi dunia. Oleh itu, pada Ogos 2018 saya masa itu dilantik sebagai Penggerusi PIHH Development Sdn Bhd memulakan inisiatif digital pada PIHEC Mac 2019. Penang International Halal Expo and Conference (PIHEC) pada Mac 2019 adalah bertemakan *Digitalization and the Halal Industry* dan tajuk conference

pula ialah *The Global Halal Block Chain Conference* supaya semua industri bersedia menggarap ilmu teknologi 4.0, digital ekonomi dan juga perniagaan atas talian (e-commerce).

PHI pada waktu tempoh COVID-19 telah mengambil inisiatif membantu usahawan bagi meringankan beban mereka yang terkesan akibat wabak ini. Penang Halal International telah menjalankan kerjasama dengan Food Panda, pada masa itu *lockdown* di mana orang ramai tidak boleh keluar, Penang Halal International dengan Food Panda telah bekerjasama di mana *business* yang ingin memasarkan F&B mereka, boleh melalui PHI boleh mendapatkan caj diskaun khas daripada mereka terus kepada Food Panda yang lebih menjimatkan.

Di samping itu juga dengan peruntukan YAB. Ketua Menteri sebanyak RM500,000.00 kepada Shopee satu syarikat platform e-commerce terbesar di Asia Tenggara dimana, Penang Halal International (PHI) menjadi pentadbir kepada pengurusan bersama Shopee maknanya usahawan-usahawan Pulau Pinang mereka *upload* barang mereka dengan Shopee. So setakat ini kita ada 5466 *merchants* yang telah berdaftar dengan Shopee dan di bawah Shopee juga kalau kita masuk, kita *download* Shopee di bawah *buy Malaysia* kita akan dapati Penang dia ada dia punya *own Penang e-Mall*, maknanya usahawan Pulau Pinang yang berdaftar dengan Shopee, duduk dalam Penang e-mall.

Ini antara usaha kita untuk supaya usahawan-usahawan kita di waktu COVID ini tidak ketinggalan ataupun keupayaan mereka mengedar atau memasarkan barang fizikal tidak terhad, so dengan Shopee ini mereka memasarkan barang mereka secara *online* secara atas talian dan ini satu cara untuk mengatasi ketidakupayaan untuk memasarkan secara fizikal.

Dan seterusnya PHI sejak pengurusan baru pada bulan Mei yang lepas kita telah bersama-sama JAKIM memulakan kursus-kursus pensijilan halal yang setakat ini 160 orang usahawan telah mengikuti kursus tersebut dan di samping itu juga dengan kerjasama Shopee kita adakan latihan-latihan kepada usahawan supaya mereka bersedia ada *readiness* untuk memasarkan barang-barangan mereka secara atas talian bersama Shopee. Setakat ini 160 usahawan / *merchants* yang telah dilatih dengan Shopee.

Seterusnya ialah oleh kerana PIHEC tidak dapat diadakan pada hujung tahun ini kita akan adakan ekspo secara virtual, seperti yang telah disebutkan tadi, apakah langkah-langkah mengadaptasikan Industri 4.0 kita akan adakan satu virtual ekspo yang dinamakan International Inspirasi Khatijah mengambil sempena isteri Rasullullah S.A.W, Khatijah seorang usahawan. Kita mulakan virtual Eksposo Inspirasi Khatijah yang mana kita *soft launch* akan diadakan pada 19 November 2020 dan *actual* kita akan adakan pada 18, 19 dan 20 Disember 2020. Ini ialah supaya produk-produk kita, ia melibatkan fesyen, kosmetik halal farmasuetikal, *jewellery* yang mana melalui virtual expo ini kita dapat mengetengahkan *merchant* kita di peringkat antarabangsa.

Apakah kejayaan-kejayaan Penang Halal International? Soalan kedua, PIHEC telah menjadi satu jenama antarabangsa, Penang International Halal Eksposo and Conference dah menjadi jenama antarabangsa dan sekarang ini tahun lepas kita banyak mengadakan misi dagang ke banyak negara. Cuma tahun ini kita tidak dapat teruskan dan InsyaAllah pada tahun depan kita percaya kita akan dapat menembusi pasaran-pasaran seperti di Dubai Expo yang diadakan tahun depan juga Japan Summer Olimpic tahun depan dan di beberapa buah negara lagi. Itu lah yang dapat saya senaraikan setakat ini.

## **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, ya silakan Ahli Kawasan Bayan Lepas.

## **Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

Terima kasih Yang Berhormat EXCO, soalan tambahan. Soalan tambahan saya sejauh manakah penglibatan usahawan Bumiputera berbanding dengan usahawan bukan Bumiputera yang terlibat dengan PHI ini untuk pengeluaran produk-produk. Maksud saya,

saya ingin melihat perbandingan usahawan-usahawan bumiputera dan bukan Bumiputera yang terlibat dengan PHI ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain):**

Diperingkat nasional 65% bagaimanapun saya akan mendapatkan maklumat ini semasa penggulungan nanti.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ya silakan, Ahli Kawasan Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya bangkitkan isu ini banyak kali dalam setiap kali ucapan saya, saya bangkitkan isu ini berkaitan dengan penyediaan gelatin halal, gelatin ini penting untuk membuat kuih dan sebagainya.

Adakah di peringkat PHI ini ada industri yang sedemikian yang menyediakan gelatin halal yang pastinya halal kerana sekarang kita import daripada China dan sebagainya mungkin begitu meragukan dari segi halal. Adakah diperingkat PHI mengambil inisiatif untuk menyediakan gelatin halal 100% untuk kegunaan *local* ataupun untuk kita eksport keluar.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain):**

Ya, YB Ahli Kawasan Sungai Dua, setakat ini kita tengah meneroka ada beberapa buah pihak yang telah bertemu dengan kita untuk kerjasama ke arah ini dan masih di peringkat *exploratory*...(dengan izin).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mhd Ishaq):**

Soalan tambahan. Dengan izin YB. Speaker, YB Ahli Kawasan Batu Maung sejak tahun 2019 difahamkan PIHH yang sekarang ini dijenamakan sebagai PHI telah menandatangani beberapa memorandum persefahaman ataupun MoU dengan beberapa pihak yang berkepentingan antaranya Excel Global Sdn. Bhd., Islah Ventures Sdn. Bhd., Chengdu Restaurant Industry Associations, China, Dubai Airport Free Zone, Dubai, Halal International Taiwan di Taiwan, PT Modern Industrial Estate Indonesia dan USM. Soalan saya, berapakah MoU yang telah berjaya termeterai ataupun terlaksana dan berapa pula jumlah pelaburan yang telah dibawa ke Negeri Pulau Pinang oleh PHI, terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain):**

Terima kasih YB. Ahli Kawasan Bertam, sepertimana yang disebut MoU itu telah kita meterai pada tahun 2019, tahun yang lepas follow up daripada itu kita tersangkut sebabkan oleh COVID walau bagaimanapun kita masih lagi berunding dengan agensi yang terlibat dalam MoU tersebut melalui webinar. Kita masih berurusan dengan mereka dan seperti Dubai Airport Free Zone Area, Halal International Taiwan dan juga pihak Indonesia cuma setakat ini kita adakan webinar dengan mereka untuk bersedia selanjutnya bekerjasama dan kita berharap COVID ini berakhir dengan cepat supaya kita dapat menggerakkan inisiatif halal dengan agensi-agensi ini, terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan seterusnya, dipersilakan YB. Ahli Kawasan Air Putih.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya nombor 13

13. Sila nyatakan status projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sebanyak RM800 juta dan pengendalian perkhidmatan feri Pulau Pinang yang dikhaskan akan diberhentikan pada tahun depan selepas diadakan perbincangan dengan Menteri Pengangkutan.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih YB. Dato' Sepaker dan terima kasih YB. Ahli Kawasan Air Putih atas soalan mengenai status projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat, status projek menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang daripada kapasiti *6.5 million passengers per annum* (MPPA) kepada 12 MPPA kini telah mendapat kelulusan Pelan Kebenaran Merancang serta kelulusan pelan bangunan daripada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Namun begitu, buat masa kini kerja pembinaan fizikal di tapak masih belum dijalankan. Berdasarkan pada laporan bulanan projek, setakat 25 September yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri, pihak MHB masih dalam proses mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk pematuhan terhadap kelulusan yang telah diperolehi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai cadangan pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) untuk menangguhkan semua projek menaik taraf lapangan terbang di Malaysia bagi melaksanakan National Airports Strategic Plan (NASP) yang dijangka siap pada tahun 2023. Setakat ini, perincian mengenai laporan ini masih belum dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri.

Berhubung dengan pengendalian perkhidmatan feri, satu sesi perbincangan di antara Kerajaan Negeri dan pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia telah diadakan pada 27 Ogos bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengangkutan di Pulau Pinang termasuk perkhidmatan feri. Melalui perbincangan tersebut, Kerajaan Negeri telah dimaklumkan bahawa Penang Port Sdn. Bhd (PPSB) akan memulakan proses pengambilalihan semula pengurusan perkhidmatan feri daripada pihak Rapid Ferry.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah memohon pihak MOT untuk mengemukakan pelan perancangan keseluruhan kerja-kerja naik taraf serta pengoperasian feri kepada Kerajaan Negeri terlebih dahulu memandangkan perkhidmatan feri merupakan salah satu mod pengangkutan awam yang penting kepada seluruh rakyat negeri ini. Lanjutan daripada itu, pihak MOT melalui pihak Penang Port Commission akan mengadakan sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri setelah model perniagaan atau *business model* perkhidmatan feri yang baharu disediakan oleh pihak PPSB dan mendapat persetujuan Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Tanjong Bunga, berkaitan dengan perkhidmatan feri dan juga projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Saya nak mula tentang perkhidmatan feri, di mana buat kali pertama dalam sejarah perkhidmatan feri, perkhidmatan diberhentikan. Sesuatu yang amat memalukan kerana telah menjelaskan dan juga memudaratkan bukan sahaja penumpang-penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini tetapi juga telah menjelaskan imej perkhidmatan feri yang telah mempunyai sejarah, kesinambungan sejarah yang begitu lama tapi secara tidak langsung juga mencemarkan imej Negeri Pulau Pinang. So dengan keadaan sedemikian, apakah jaminan yang kita boleh dapat daripada pihak Kerajaan Persekutuan supaya perkhidmatan feri tidak akan diberhentikan kerana bila saya membangkitkan perkara ini dalam ruang lobi Parlimen, dengan Pengerusi Prasarana yang baru iaitu Yang Berhormat daripada Pasir Salak. Beliau ada menyatakan bahawa mereka tidak ada wang yang mencukupi untuk menjalankan perkhidmatan feri dan Prasarana bersedia memberhentikan perkhidmatan feri sekiranya tidak ada dana yang mencukupi. Ini sesuatu yang agak luar biasa kerana semasa saya masih menjadi mantan Menteri Kewangan, kami pun sudah ada satu rancangan untuk memastikan operasi perkhidmatan feri dapat diteruskan kerana ia adalah sesuatu perkhidmatan yang begitu ikonik. Saya rasa pun dipersetujui oleh semua Ahli Dewan

Undangan Negeri tanpa kira parti politik, yang harus dikekalkan....(**Ahli Dewan menepuk meja**) dan....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cuma, Yang Berhormat, tanya soalan.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Ya, ya. Saya nak bagi sedikit latar belakang supaya perkara ini dapatlah, perkara ini penting Yang di-Pertua.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan tambahan.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Ya, ya. Ini perkara penting Dato Yang di-Pertua, saya harap bagi lah sedikit kelonggaran. Dan ini adalah satu skim perkhidmatan di mana operasi perkhidmatan feri akan dipindahkan daripada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang kepada PPSB dengan bayaran wang yang sepatutnya dilaksanakan pada awal tahun ini. Mungkin kerana COVID atau mungkin kerana pertukaran kerajaan yang baharu menyebabkan rancangan ini dilambatkan. Tetapi tidak ada sebut dalam rancangan awal ini bahawa perkhidmatan feri diberhentikan.

So di sini saya harap bahawa Pihak Kerajaan Negeri boleh bertegas dengan Kementerian Pengangkutan juga Prasarana bahawa perkhidmatan feri tidak boleh dihentikan dan jaminan bahawa ia akan diteruskan supaya PPSB dapat mengambil tanggungjawab selain daripada menguruskan operasi Pelabuhan Pulau Pinang tetapi juga memastikan operasi perkhidmatan feri dapat diteruskan.

Dan berkaitan dengan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, saya juga ingin dapat kepastian bahawa projek ini akan dijalankan kerana ia telahpun disebutkan tadi oleh Yang Berhormat bahawa ia akan dimasuk dalam satu kajian *master plan* yang akan dapat disiapkan pada Tahun 2023. Dan kalau begitu, ini bermakna projek pembesaran hanya akan dilaksanakan yang paling awal ialah 2023. Sungguhpun, Pelan Pembangunan, Kebenaran Merancang, semua telah diluluskan. Boleh kita dapat satu kepastian ia akan juga diteruskan kerana sungguhpun pihak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah menyatakan perkara ini tapi kita tidak dapat jaminan bahawa ia akan diteruskan termasuk untuk tahun depan kerana ini yang terakhir Dato' Yang di-Pertua, apabila Belanjawan 2021 dibentangkan, peruntukan pun telah diumumkan dan sekiranya tidak diteruskan, kita nak dapat kepastian sama ada Belanjawan 2021 juga akan masuk dalam projek sedemikian kerajaan kalau tidak, pasti projek ini juga akan terhenti begitu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Yang Berhormat Air Putih. Kerajaan Negeri sebenarnya amat setuju dengan pendapat Yang Berhormat Air Putih dan sejauh mana Kerajaan Negeri, sudah tentunya juga menginginkan agar perkhidmatan feri tidak dihentikan. Malah, semasa pertemuan di antara Yang Berhormat Ketua Menteri dengan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, perkara ini telah pun ditegaskan kepada pihak Kerajaan Persekutuan. Namun begitu, dan selepas daripada pertemuan tersebut, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pun ada menyusuli dengan mengutuskan sepucuk surat kepada Menteri Pengangkutan yang bertarikh 8 September. Namun begitu, masih belum ada apa-apa maklum balas secara rasmi daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan tidak pernah ada jaminan, apa-apa jaminan daripada Kerajaan Persekutuan bahawa perkhidmatan feri tidak akan dihentikan.

Jadi dari pihak Kerajaan Negeri pun kita mahukan supaya ada satu jaminan atau pun assurance daripada Kerajaan Persekutuan untuk memastikan perkhidmatan feri tidak tergendala mahupun semasa projek penaiktarafan dan sebagainya, saya rasa adalah penting Kerajaan Persekutuan memberi jaminan tersebut untuk memastikan kesinambungan sesuatu

perkhidmatan yang amat bersejarah sepermula Yang Berhormat Air Putih mengatakan tadi, sebenarnya telah beroperasi sejak tahun 1894 lagi.

Yang Berhormat Speaker, mengenai soalan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Sebenarnya pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang pun telah minta kepada Kerajaan Persekutuan agar mengecualikan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang daripada laporan atau kajian National Airports Strategic Review yang ingin dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Ini adalah kerana projek pembesaran Lapangan Terbang Pulau Pinang sebenarnya telah diluluskan terdahulu pada Tahun 2019. Malah, semua kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan sudah pun diberikan dan sepatutnya projek ini boleh berjalan pada awal tahun ini tapi malangnya telah berlaku pandemik dan terpaksa ditangguhkan. Namun begitu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya mahukan projek ini diteruskan tanpa menunggu sebarang kajian kerana umum mengetahui bahawa kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Negeri Pulau Pinang sudah pun mencecah sehingga 8 juta *passengers per annum* iaitu melebihi daripada kapasiti yang dibina iaitu 6.5. Maka, nak buat *review ke*, tak mau buat *review ke*, saya rasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang berpendapat, Lapangan Terbang Antarabangsa Negeri Pulau Pinang mestilah dibesarkan dan kalau kita ikut perangkaan dan penambahan jumlah penumpang setiap tahun, *of course* sebelum berlakunya COVID, dia sememangnya akan mencecah 9 juta dalam waktu yang akan datang.

Jadi, Kerajaan Negeri pun berkongsi harapan Yang Berhormat Air Putih agar Kerajaan Persekutuan boleh memberi jaminan ke atas kedua-dua perkara ini. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Soalan seterusnya, soalan 14 di mana telahpun dijawab bersamaan dengan soalan 7 semalam. Maka, saya persilakan soalan no. 15.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Dengan izin Dato' Speaker. Soalan saya no.15

15. Mohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyatakan status terkini Industri Akuakultur di Penaga.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

*Bismillahirrahmanirrahim.* Status terkini bagi Zon Industri Akuakultur (ZIA) Penaga masih di peringkat penyediaan EIA Jadual-2 yang merangkumi laporan *Fisheries Impact Assessment* (EIA), *Terms of Reference* bagi laporan EIA Jadual-2 ini dijangka siap pada suku pertama Tahun 2021 setelah tergendala susulan PKP. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan kepentingan tanah paya bakau dan keperluan untuk mengekalkan kawasan tersebut. Kerajaan Negeri juga mengambil berat akan usaha untuk pengekalan kawasan paya bakau yang sedang dirancang. Berikut adalah pandangan-pandangan teknikal yang telah pun dimajukan kepada saya.

Ulasan teknikal Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada 5 Jun di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyatakan berdasarkan kepada keputusan pada 27 Mac National Coastal Erosion Study yang telah dibentang pada 27 Mac 2018 bahawa anjakan terbaharu bagi kawasan hutan paya bakau adalah berdasarkan kategori hakisan pantai berkenaan bermula dari garisan air pasang tinggi ke kawasan darat. Had anjakan berdasarkan kategori hakisan adalah 60 meter bagi kawasan hakisan yang mengalami hakisan kategori 1, 30 meter daripada kawasan hakisan kategori 2 dan seterusnya.

Maknanya, di bawah kategori yang baharu yang diluluskan pada 2018 sebarang pembangunan perlu 60 meter dari hujung paya bakau *towards in land*. Maknanya bermula dari sini maknanya tidak boleh *touch the* paya bakau. Ini berdasarkan ulasan JPS. Saya juga telah menerima 7 surat daripada Persatuan Nelayan di kawasan projek ZIA pada 9 Jun 2020 dari Persatuan Nelayan Kawasan Seberang Perai yang telah dimajukan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan disalankan kepada saya yang menyatakan keputusan beberapa

siri Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kawasan Seberang Perai yang telah mengusulkan bantahan terhadap projek ini daripada 16 unit nelayan dan telah mendapat sokongan sebulat suara kerana satu, ialah faktor banjir dan tsunami, pencemaran air paya bakau dan laut tempat nelayan menangkap ikan...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, Yang Berhormat, di sini, jawab pada soalan yang ditujukan dengan tepat.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Status terkini saya telah mendapat macam saya kata tadi EIA menunggu keputusan EAI 2021 *first quarter* tetapi *at the same time* kita mengambil kira semua ulasan teknikal yang telah diberi oleh JPS dan Jabatan Hutan dan juga surat-surat yang telah dihantar oleh tujuh (7) unit nelayan kepada saya pada 9 Jun 2020.

Jadi sebagai contohnya daripada Unit Nelayan Pengkalan Sena, Unit Nelayan Sungai Tembus Paya Bakau, Penaga, Kuala Muda dan juga Butterworth. Jabatan hutan juga telah menghantarkan ulasan pada 11 Oktober 2020 berdasarkan ulasan bertarikh 2019 yang menyatakan mereka cuba akan sentiasa menyokong terhadap usaha untuk mewartakan hutan paya laut yang terdapat di Penaga sebagai hutan simpanan kekal.

Seterusnya saya juga melihat kepada Mesyuarat MMK Pertanian pada 14 Mei 2020 dan Mesyuarat PAC pada 9 Oktober 2019 yang telah menjemput Pakar Ekologi Hutan Bakau USM untuk menyampaikan ulasannya. Sekian terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan dari YB. Permatang Pasir dulu.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Okey, terima kasih jawapan daripada YB. EXCO. Daripada jawapan tersebut saya dapat buat satu *inference* bahawa masih tidak ada pendirian yang tetap di pihak Kerajaan Negeri tentang projek ZIA ini. Sedangkan projek ini ialah projek yang telah dirancang sekian lama untuk pembangunan industri perikanan di Negeri Pulau Pinang, jadi soalan saya tambahan ada dua. Yang pertama apakah *stand* yang serius yang tegas di pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini tentang kedudukan ZIA. Ada ke arah nak meneruskan projek ini ataupun ke arah membatalkan projek ini?

Dan soalan tambahan yang kedua, jika tidak mahu meneruskan, apakah langkah-langkah alternatif yang ingin diambil oleh Kerajaan Negeri ataupun yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri dalam mengembangkan industri akuakultur kerana kita tahu industri akuakultur ialah industri baharu yang mampu untuk mengembangkan dan merangsang ekonomi perikanan terutamanya membantu nelayan meningkatkan pendapatan mereka. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, sila.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Kerajaan Negeri sekarang menunggu keputusan EIA Jadual Dua seperti yang saya sebutkan tadi yang merangkumi *Fishery Impact Assessment Terms of Reference* jadual dan EIA Laporan Dua yang dijangka siap pada suku pertama 2021.

Buat masa ini, maknanya kita menunggu keputusan EIA. Tapi kita mengambil, saya mengambil pendapat dari *in terms of* dari segi cara kerja, saya mengambil maklum apa yang telah disyorkan dalam Mesyuarat PAC pada 9 Oktober iaitu memanggil pakar untuk memberi ulasan teknikal dan juga mengambil pandangan-pandangan yang telah diberi secara teknikal oleh Jabatan Hutan dan juga JPS dan juga daripada nelayan sendiri di kawasan tersebut.

Saya telah berbincang, kami telah berbincang dengan PENKUA Pengerusi Projek ZIA alternatif-alternatif tetapi maknanya setakat ini kami masih menunggu keputusan *the latest meeting* yang kita buat ialah kami menunggu keputusan EIA. Kita dah tengok beberapa tanah yang mungkin lebih sesuai untuk dijadikan projek ini sekiranya EIA tidak diluluskan maknanya kita *try to* cari jalan yang lain di beberapa tempat yang lain sebagai contohnya saya telah juga mengusulkan kepada tanah di Sungai Semilang di Kuala Juru iaitu 87 ekar tanah pertanian yang mungkin sesuai di situ sebab ia tak ada paya bakau dan juga guna teknologi lain itu kita berbincang tapi yang paling utama ialah kita menunggu keputusan EIA, terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Satu lagi, sila YB. Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang di-Pertua Dewan , untuk makluman saya ada satu soalan sebab projek ZIA ini telah dibincangkan lama, dulu projek ini dimulakan zaman Yang di-Pertua Dewan, EXCO Pertanian kemudian diteruskan oleh saya projek ini. Kalau dengar pada pandangan tadi Yang Berhormat Penanti ada dua (2) pandangan yang berbeza nak tunggu EIA tapi Yang Berhormat Penanti terangkan itu macam Yang Berhormat Penanti tak nak buat, kalau Yang Berhormat Penanti tak nak buat dan itu pentadbiran kerajaan negeri jelaskan dalam Dewan ini sebab, EIA itu juga makan kos, kalau tak salah saya hampir RM800,000 yang perlu dibelanjakan untuk buat EIA sahaja.

Jadi daripada teruskan tunggu EIA buat keputusan semua, kalau tak nak cakap tak nak. Sebab sekarang ini kalau Yang Berhormat dengar ucapan Ketua Menteri semalam antara penyumbang terbesar peningkatan produktiviti pertanian tahun lepas 2019 adalah pada sektor akuakultur. Saya setuju dengan Yang Berhormat Permatang Pasir Mantan *Chairman LKIM*...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, teruskan soalan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang setuju bahawa projek akuakultur ini harus diteruskan dan kalau diteruskan perancangan di Pulau Pinang dibuat bagaimana? Kalau Yang Berhormat sebut tadi laporan PAC, Yang Berhormat Pengerusi PAC, memanglah Yang Berhormat tak setuju. Masa Yang Berhormat pengerusikan PAC Yang Berhormat menjemput Pakar Ekologi itu, jadi sekarang ini...(gangguan) saya nak tanya Yang Berhormat Penanti...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Yang di-Pertua Dewan saya nak betulkan Pengerusi PAC adalah Ketua Pembangkang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Tapi Yang Berhormat Penanti yang panggil, boleh sahkan dengan Ketua Pembangkang, betul Ketua Pembangkang?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Betul.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan. Tolong jangan lari dari soalan tambahan, pendekkan kalau tak ada saya tak izinkan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Soalan saya Yang Berhormat Penanti masih nak teruskan pendirian Kerajaan Negeri atau Yang Berhormat Penanti nak bagitahu Kerajaan Negeri jangan teruskan projek ini itu yang kita nak tahu. YB. Speaker. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Pendirian Kerajaan Negeri ialah kita menunggu keputusan EIA dan kita juga melihat kepada sebab EIA adalah di bawah Kementerian yang sama dengan Kementerian Alam Sekitar dan juga JPS. Saya sebagai EXCO yang bertanggungjawab, kita perlu juga melihat kepada ulasan yang diberi oleh pihak JPS dan kos yang diberi iaitu RM87 juta untuk pembaikan hakisan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Kalau EIA setuju, Yang Berhormat setuju tak?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat biar EXCO jawab. Nanti kalau tak setuju boleh bawa dalam sesi perbahasan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya rasa, saya EXCO yang lepas kita sekarang saya EXCO di sini saya perlu mengambil kira kita mengikut proses prosesnya ialah kita menunggu keputusan EIA *next year* dan juga kita juga menerima pandangan daripada orang-orang yang terkesan iaitu unit-unit nelayan di situ yang mereka telah menghantar surat *official* pada Kerajaan Negeri. Dan juga maklum balas daripada Jabatan Hutan dan juga daripada JPS sendiri berkenaan dengan garis panduan baru yang telah diluluskan pada 2018. Dan saya bukan Pengurus PAC, Pengurus PAC ialah YB. Sungai Dua...(gangguan). Itu adalah keputusan Pengurus PAC untuk menjemput sesiapa pun datang.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, saya persilakan Yang Berhormat Sg. Aceh.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Terima kasih Yang di-Pertua, soalan saya no. 16.

16. Berapakah jumlah mereka yang dilaporkan kehilangan pekerjaan sepanjang tempoh pandemik COVID-19?

**YB Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih YB Sungai Acheh. Berdasarkan laporan oleh pihak majikan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Pulau Pinang jumlah pekerja yang dihentikan secara pemberhentian tetap atau sukarela semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan oleh pandemik COVID-19 adalah seramai 5,443 orang dengan pecahan mengikut bulan seperti berikut :

Jadual 1 : Bilangan pemberhentian pekerja mengikut bulan yang dilaporkan kepada JTK Pulau Pinang semasa tempoh PKP:

Bulan	Jumlah Pemberhentian (orang)
Mac	122
April	1,494

Mei	275
Jun	1,542
Julai	1,184
Ogos	290
September	536

Jadi jumlah adalah 5,443 ini lah statistik kita dapat daripada JTK Pulau Pinang.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Soalan tambahan,

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Terima kasih yang Berhormat Perai daripada jumlah tersebut apakah alternatif Kerajaan Negeri untuk golongan-golongan ini mendapat peluang pekerjaan yang mungkin daripada syarikat lain yang membuat penawaran untuk kekosongan perjawatan sama ada mungkin kita boleh Kerajaan Negeri selaraskan dengan syarikat-syarikat ini untuk *road show* di setiap daerah supaya 5,443 ini yang berdaftar mungkin ada yang tidak daftar mungkin ada syarikat tidak ada permit untuk kita bantu mereka ini dalam pandemik COVID-19.

**YB Timbalan Ketua Menteri II:**

YB. Sungai Acheh tidak tanya saya peluang pekerjaan yang ada. Saya tidak ada angka sebab soalan ini satu soalan saja tapi saya boleh katakan di Dewan ini saya rasa peluang pekerjaan ini mungkin dekat 4,000. So satu segi kita dapat penganggur 5,000 lebih hingga bulan September, di segi yang lain ada peluang pekerjaan tapi saya tak masuk di sini sebab satu soalan saja.

Soalan yang berikut adalah apakah tindakan-tindakan oleh Kerajaan Negeri supaya kita berlawan COVID-19 mewujudkan pekerjaan baru dan sebagainya. Kita ada beberapa langkah walaupun saya rasa JTK bukanlah di bawah Kerajaan Negeri, ini di bawah Kerajaan Pusat tapi dengan agensi- agensi yang terdapat di Pulau Pinang seperti CAT, kita mewujudkan *job matching* supaya CAT dengan laman web ini mana-mana majikan bolehlah program kepada CAT bahawa mereka akan menghentikan pekerja ini tak selalu berlaku sebab kadang majikan ini mungkin dia mahu rahiaskan pemberhentian kerja, ataupun pemberhentian boleh dikatakan *voluntary retirement* dan sebagainya. So jadi CAT ini membuat satu peranan yang penting sebab *job matching* pemadanan pekerjaan.

Di samping itu kita juga adakan mesyuarat dari masa ke semasa bulan COVID-19 sampai sekarang bahawa kita dapat pandangan daripada pelbagai pihak termasuk JTK, Kesatuan Sekerja MTUC, Malaysian Employers Federation dan juga beberapa agensi supaya bagaimana kita akan tangani masalah COVID-19 yang membawa kepada pengangguran ini.

So di samping itu juga kita wujudkan pelbagai program dan saya rasa Ketua Menteri telah dalam ucapan beliau katakan apakah langkah-langkah yang kita ambil supaya untuk buat program-program mitigasi supaya Pulau Pinang ini tidak dilanda dengan serius akibat COVID-19 dan juga melalui agensi-agensi seperti PDC kita beri bantuan kewangan kepada

mereka membuat *business* yang kecil dan sebagainya. Banyak program yang kita jalankan dan pengangguran apakah kini statistik saya ingat antara mungkin 4.5% ke 5% rendah kalau banding dengan negeri-negeri lain termasuk Wilayah Persekutuan dan sebagainya.

Jadi pendek kata Kerajaan Negeri ini memang bersedia tangani masalah COVID-19 dari segi wujud pekerjaan dan juga meningkatkan pelaburan sehingga hari ini menunjukkan bahawa pelabur-pelabur asing ini memang yakin dengan eko sistem Pulau Pinang. Mereka yang pergi Kedah juga lari ke Pulau Pinang dan sebagai itu.

Jadi menjawab kepada ini, saya rasa Pulau Pinang ini saya katakan kita bersedia untuk melawan ini COVID-19 dari segi impak kepada pekerjaan peluang-peluang pekerjaan. Jadi, kita terus akan memantau keadaan dan kita juga beberapa program ataupun macam melalui MMK mewujudkan supaya kita memantau situasi ini di Pulau Pinang.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Persilakan Telok Ayer Tawar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB Mustafa Kamal bin Ahmad):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 17.

Soalan 17.

17. Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan dirancang bagi membantu usahawan-usahawan yang terkesan akibat COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tujuh belas.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain):**

Dato' Yang di-Pertua, minta dengan izin untuk membuka *mask*. Yang Berhormat Telok Ayer Tawar terima kasih atas soalan yang diberikan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi membantu usahawan yang terkesan akibat COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Antara langkah-langkah jangka pendek yang kita telah laksanakan ialah memberi pengecualian penyewaan kepada penyewa usahawan makanan dan minuman di Kompleks Gerai Bukit Tengah di bawah seliaan PDC sepanjang April, Mei dan Jun. Seterusnya PDC pada dasarnya meneruskan pemberian pengecualian penyewaan pada bulan Julai, Ogos dan September 2020 dan akan membuat penilaian pada perniagaan penyewa usahawan samada akan teruskan pengecualian dari bulan ke bulan sehingga Disember 2020.

Kedua ialah menyalurkan bantuan *one-off* RM500 kepada penjaja-penjaja kecil di Pulau Pinang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. 14,012 peniaga dan penjaja berlesen mendapat manfaat ini, 3,103 penjaja/pengerai yang meniaga dalam kompleks-kompleks makanan persendirian dan seterusnya 5,666 penjaja penggerai yang mempunyai *tagging* dan berdaftar dengan PBT. Seterusnya ialah sebanyak 4 juta lebih yang disalurkan kepada di bawah Pakej Rangsangan 2.0 kepada petani, RIBI, persatuan penjual suratkhabar dan sebagainya.

Seterusnya meluluskan pengecualian bayaran sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan PBT di bawah bantuan Rakyat Pulau Pinang Fasa 1.0 dan 2.0 bagi tempoh empat (4) bulan termasuk pasar-pasar awam, lot-lot kedai dan sebagainya. Melalui bantuan Fasa 2.0 tersebut, Kerajaan Negeri telah meluluskan pengecualian bayaran sewa bagi tempoh tambahan tiga (3) bulan iaitu bulan Mei, Jun dan Julai 2020 yang melibatkan unit-unit kedai di bawah pengurusan Kerajaan Negeri termasuk PBT. Keseluruhan bantuan berkaitan pengecualian bayaran sewa diluluskan melalui dua (2) fasa tersebut melibatkan tempoh selama empat (4) bulan.

Seterusnya menawarkan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan ataupun disebut Skim PEKA PKS yang dilancarkan pada April 2020 secara atas talian. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM30 juta sebagai dana dalam Skim PEKA tersebut. Dan bantuan ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu Industri Kecil dan Sederhana dan usahawan sektor pembuatan. Pemohon yang layak mendapat pinjaman sehingga RM50,000 iaitu sektor pembuatan. Yang selebihnya di sektor lain boleh mohon bantuan pinjaman sehingga RM20,000. Pinjaman ini telahpun dilepaskan dan pemohon yang berjaya mereka mendapat enam (6) bulan moratorium dan membayar balik bulan November ini mereka mula membayar balik.

Seterusnya memberi penangguhan pembayaran Skim Pinjaman Harapan selama tiga (3) bulan SPH mulai bulan April hingga Jun 2020. Seterusnya menjalankan program kerjasama seperti yang saya sebutkan tadi adalah agensi Kerajaan Negeri, Penang Halal International dan Food Panda ini untuk membantu usahawan F&B (*Food & Beverage*) supaya menggunakan khidmat *delivery* untuk produk makanan mereka. Dan juga saya sebut tadi ialah memulakan inisiatif perniagaan atas talian e-dagang, (*e-commerce*), melalui kerjasama Kerajaan Negeri dengan Shopee di mana di bawah Shopee ada Penang e-Mall khas untuk *merchant* di Pulau Pinang yang ditadbir oleh PIFI.

Seterusnya kursus-kursus latihan digital. Oleh kerana kita di era digital ekonomi sudah jadi keperluan dan sudah menjadi wajib setiap perniagaan untuk masuk ke *platform e-commerce*. Di tahun lepas kita dah latih (1060) usahawan di untuk menguasai ilmu pemasaran atas talian. Tahun ini mulai sebaik sahaja selepas COVID -19mulai bulai Julai kita dah latih hampir 600 usahawan.

Seterusnya satu program pelan pasca moratorium baru-baru ini telah diadakan pada 12 dan 13 September dengan kerjasama Bank Negara. Kita mengadakan program taklimat pelan pasca moratorium supaya mereka yang mendapat pinjaman bank sama ada individu ataupun perniagaan berkunjung kepada 17 buah bank yang berada di sana yang adakan di Raia Hotel Bayan Lepas bulan lepas 12, 13 September untuk mereka berunding dengan pihak bank dan agensi-agensi pinjaman yang ada bagaimana menjadual semula pinjaman mereka.

Seterusnya kita juga berkerjasama baik dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri dan dan Pusat untuk terus melengkapkan ilmu keusahawan dan digital melalui agensi PDC, PWDC, MPC, NCER dan lain-lain lagi. Digital Penang undi syarikat Kerajaan Negeri juga mempunyai program *Digital Coach* dan *Digital Promoter* untuk membantu usahawan-usahawan kita menguasai ilmu digital ini.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat. Yang Berhormat. Saya baru perasan Yang Berhormat tidak pakai pelitup muka.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain):**

Saya mohon izin tadi Yang di-Pertua.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan tambahan, Bertam.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):**

Dengan izin Dato Speaker. Yang Berhormat Batu Maung. Soalan saya apakah jenis bantuan yang boleh disalurkan kepada peniaga-peniaga kecil yang tidak ada lesen perniagaan ataupun tidak ada lesen perdaftaran SSM yang jenis peniaga kais pagi makan pagi yang terkesan akibat COVID-19 dan PKP ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain):**

Setakat ini Kerajaan negeri melalui Zakat Pulau Pinang memberi bantuan one off RM1,000 ringgit kepada peniaga-peniaga ini. Mereka ini yang bukan berlesen sama ada berlesen atau berlesen mereka mendapat RM1,000 itu yang di bawah Kerajan Negeri setakat ini lah.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Saya persilakan Pulau Tikus.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Dato Yang di-Pertua, soalan saya nombor 18.

18. Apakah solusi bagi gelandangan yang tiada maklumat pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Negara serta yang mempunyai rekod jenayah dan adakah Kerajaan akan menawarkan gelandangan kursus pemulihan akhlak dan pendidikan kemahiran hidup?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih kepada Yang di-Pertua. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa menjalankan operasi bersepada secara berkala dalam usaha untuk menangani masalah gelandangan ini. Dalam menjalankan fungsi ini, JKM terikat kepada Akta Orang Papa 1977 dan tidak akan menangani kes gelandangan tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Sebolehnya JKM akan merujuk kes tersebut kepada Jabatan Pendaftaran Negara ataupun Jabatan Imigresen Malaysia atau PDRM dan tindakan akan diambil menggunakan peruntukan undang-undang di bawah bidang kuasanya.

Kursus pemulihan akhlak dan pendidikan kemahiran hanya disediakan kepada gelandangan warganegara sahaja. Menggunakan peruntukan Akta Orang Papa 1977, gelandangan yang telah mendapat perintah mahkamah akan dimasuki Institusi Bina Diri untuk mendapat penjagaan, perlindungan dan pemulihan. Kes gelandangan yang merujuk kepada institusi tersebut mesti berumur di antara umur 18 sehingga 59 dan tidak menghidap sebarang penyakit berjangkit dan tidak mempunyai keluarga atau waris yang sanggup menerima gelandangan tersebut ini.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Soalan tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Menurut jawapan yang saya terima untuk soalan bertulis kepada soalan yang lebih kurang sama tentang gelandangan di kawasan Butterworth. Dinyatakan bahawa hanya tambahan 13 kes sahaja yang diselamatkan di Daerah Seberang Perai Utara oleh JKM. Tetapi Yang Berhormat Sungai Puyu, jumlah gelandangan di Butterworth khususnya di Pekan Butterworth itu sudah bertambah sejak pembukaan Penang Sentral dan beratus daripada mereka penagih ada, ada yang pelarian daripada luar negara yang hilang kerja. Cukup ramai.

Dan kita nampak seolah-olah sejak PKP ini, kita tidak nampak ada satu tindakan daripada JKM untuk menyelamatkan mereka ataupun menghantar ke pusat-pusat pemulihan. Pihak Polis pula telah melepaskan tangan bila mereka adalah penagih, Polis kata AADK perlu ambil tindakan. Dan AADK akan bagitau kalau mereka penagih berulang kita tidak boleh

membantu mereka. Ini menimbulkan pelbagai masalah sosial yang berkaitan macam ada daripada mereka yang terlibat dalam kes-kes kecurian dan ..(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bagan Dalam, soalan?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Dan apakah tindakan yang konkret daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menyelesaikan masalah gelandangan ini khususnya di pekan Butterworth itu sendiri yang menampakkan semakin banyak daripada mereka dan *they contributing the social illness in the area*. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ya, terima kasih. Tindakan penyelamat gelandangan ada dua (2) cara. Satu, berjadual. Satu daripada aduan. Dan untuk kes-kes di Bagan khasnya dekat dengan di Sentral ada kes-kes penagih dadah kebanyakkan baru dilepaskan daripada Penjara. Pada mulanya mereka duduk di bawah *overhead bridge* selepas itu memang ada orang sewa seunit rumah kedai untuk mereka dilindungi di sana. Saya nak ucapan ribuan terima kasih kepada ADUN daripada Bagan Dalam di mana dalam perbincangan untuk selesaikan masalah ini. Dia rela keluarkan peruntukan untuk sewa lagi satu tingkat untuk mereka supaya mereka dapat lindungi diri mereka semasa MCO. Saya ucapan terima kasih.

Dan bila kita kata menyelamat, selalunya kes-kes tertentu ini kita terselamat mereka nasihat pada mereka, berhubung dengan keluarga mereka untuk selesaikan masalah-masalah mereka. Hanya yang tidak ada rumah, hanya yang ada satu orang saja itulah masalah gelandangan. Ini juga telah terbukti apabila JKM menjalankan operasi di KOMTAR di mana keseluruhannya kami telah selesai kes-kes mereka daripada 37 hanya tiga (3) yang tidak ada rumah, Kerajaan Negeri juga sewa rumah untuk mereka. Itulah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk tangani masalah ini langsung.

Untuk pada masa akan datang Kerajaan Negeri telah bagi peruntukan untuk membina satu *Night shelter* di Jalan CY Choy dan ini akan dijangka siap pada Ogos tahun 2021 dan berharap bahawanya pada satu hari bulan Januari tahun 2022 dapat memulakan untuk mereka duduk di sana. Sana dia ada ruang untuk 80 gelandangan dan jika mahu *expand* boleh sehingga 140 orang. Sekian terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telahpun tamat selaras dengan Sub Peraturan 26 (7) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak di atas meja ahli yang bertanya dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**YAB. Ketua Menteri:**

Selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan?

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya mohon menyokong.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 13 Oktober 2020 hari Selasa dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang. Ahli-Ahli Berhormat yang bersetuju katakan "Ya".

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya"

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Usul dipersetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat maka sekarang kita berada di dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2021 dan juga Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2021.

Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa yang ingin mengambil bahagian dahulu. Sila Ketua Pembangkang. Peringatan juga, masa perbahasan perlu jaga-jaga.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin Wassalatu. Wassalamu 'Ala-Asyarafil Anbiya'e Wal. Mursalin Saidina Muhamadin Wa'alala Alihi Wasahbihi Ajma'in.*

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Padang Kota, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat, rakan-rakan Pembangkang, wakil-wakil Jabatan, Ketua Jabatan, wakil-wakil Media seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang di Dewan yang dirahmati Allah sekalian. *Alhamdulillah*, Syukur ke hadrat Allah SWT dengan dengan izin limpah rahmat Inayah-Nya kita dapat sama-sama hadir pada kali ini.

Dalam kita nak meneruskan tugas dan tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan, wakil rakyat untuk menyelesaikan dan membahaskan isu berkaitan rakyat. Sudah pasti kita ada pelbagai pandangan dan juga cadangan yang perlu diambil kira oleh pihak kerajaan dalam memastikan setiap masalah dan isu-isu rakyat dapat diselesaikan dan *Alhamdulillah* saya juga bersyukur kerana kali ini ramai sikit pembangkang *the more the merrier* dan lebih ramai dan mungkin kita ada lebih banyak pandangan-pandangan dan idea yang boleh kita utarakan untuk kita sama-sama menyelesaikan masalah dan juga isu-isu.

Di kesempatan ini juga kita mengambil kesempatan untuk memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana kita masih lagi dilindungi dan diberikan lindungan oleh Allah dalam bencana COVID ini dalam masalah COVID-19. Walaupun kita berada di dalam gelombang yang ketiga, tapi *Alhamdulillah* di Pulau Pinang kita masih lagi dalam kawalan walaupun semalam kita dikejutkan dengan kes yang begitu tinggi iaitu 141 semalam dan jumlah di Pulau Pinang lebih 172 dan COVID telah melanda kita selama 210. Hari ini genap 210 hari kita mengalami dan menghadapi PKPP dan *Alhamdulillah* kita di Pulau Pinang tidak terlibat dengan PKPB dan PKPD. Di setengah kawasan terlibat dengan masalah ini, dan semalam saya juga bersama dengan Yang Amat Berhormat Padang Kota bermesyuarat dan kita sama-sama mengambil keputusan dalam jawatankuasa untuk memastikan supaya rakyat di Pulau Pinang tidak terkejut apabila kita tidak ada tindakan. Kita bukan membela-kangkan Kerajaan Pusat, kita bagi cadangan untuk Kerajaan Pusat melihat apa yang perlu dibuat kerana kita

melihat di kawasan itu saja yang berlaku jadi kita tetapkan di kawasan dalam penjara dan juga kuarters sahaja yang terlibat PKP atau PKPP kita nak perketatkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, COVID telah memberikan satu kesedaran kepada kita bahawa ini merupakan satu peringatan dan segala bentuk musibah dan bencana datangnya daripada Allah SWT mengikut kita yang beragama Islam, dia merupakan satu peringatan atas apa yang telah berlaku, atas apa yang kita lakukan. Ini perlu kita sama-sama kita fikirkan dan Alhamdulillah di Pulau Pinang saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menyediakan peruntukan yang begitu banyak untuk membantu rakyat Pulau Pinang RM155 juta yang telah disediakan untuk kemudahan dan membantu rakyat yang menghadapi tekanan hidup susah, tidak ada pekerjaan, hilang pekerjaan, tidak dapat mencari makanan, tidak dapat bermiaga dan sebagainya. Ini telah ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan juga memberikan sumbangan yang begitu banyak bagi meringankan bebanan rakyat.

Dalam kita menghadapi COVID juga, kita juga perlu sedar bahawa COVID telah memberikan satu kebaikan kerana kita di peringkat masyarakat dan juga kepimpinan telah bersama-sama bersatu padu dalam kita memerangi COVID ini. Satu *team* yang begitu kuat yang baik di semua peringkat telah melahirkan satu kesedaran kepada rakyat bahwa kita perlu bersama-sama menghadapi COVID dalam keadaan negara kita ditimpa bencana COVID ini. Jadi kita telah jadi satu *team* yang kuat, *InsyaAllah* tidak mengira parti dan sebagainya dan kita melihat lebih penting kita memerangi COVID dan menyekat penularannya daripada kita mementingkan parti dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato Speaker, COVID telah sampai ke penghujungnya, hampir sampai ke penghujungnya tapi selepas 26hb bermula di Kedah sebelum itu lagi. Sivagangga kluster yang mula keluar Sivagangga dan juga Tawar. Ini kluster yang mula meningkat mula merebak selepas kita dan Kedah dalam zon hijau, Pulau Pinang tapi hijau selepas kluster Sivagangga dan juga Tawar dia merebak di Pulau Pinang juga ada kluster Tawar dan selepas itu berlaku Pilihanraya Negeri di Sabah dan kita sebagai manusia biasa, saya juga manusia biasa, pemimpin-pemimpin juga manusia biasa kita ada kelemahan dan sebagainya. Kita perlu menghadapi Pilihanraya Negeri dan kita turun saya tak turun lah saya tak pergi, kawan-kawan saya ada pi, belah sana pun ada pi jadi kemungkinan di Sabah peringkat awal tidak ada kes yang begitu banyak, selepas penamaan calon banyak daripada Filipina dan juga daripada Indonesia masuk untuk, mungkin untuk mengundi dan sebagainya jadi kes meningkat pada peringkat awal yang cuma dalam penjara tahanan di Lahad Datu selepas itu dia merebak dan banyak juga kluster-kluster yang timbul daripada Sabah dan saya mewakili rakan-rakan yang terlibat memohon maaf pada semua rakyat di Pulau Pinang di atas kelemahan-kelemahan yang berlaku, kita mengaku kelemahan ini.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Minta penjelasan, so saya ingin tanya kepada Sungai Dua, adakah setuju bahawa Kerajaan Negeri berputus menarik balik usul pengisytiharan kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di bawah Perkara 14(A) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang buat kali ini?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Minta ulang semula. Ulang-ulang.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Cuma nak tanya pandangan adakah Yang Berhormat Sungai Dua bersetuju Kerajaan Negeri menarik balik yang usul pengisytiharan kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di bawah Perkara 14(a) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang buat kali ini?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih KOMTAR, saya dah bersedia untuk mempertahankan rakan-rakan kerana ini merupakan satu tindakan ataupun perkara yang ada undang-undang yang ada perkara dalam segi undang-undang yang boleh kita pertahankan dan saya juga bersyukur kerana perkara ini tidak ditarik balik ataupun tidak jadi diusulkan kerana mungkin atas alasan COVID.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Minta penjelasan Ketua Pembangkang. Yang berhormat Ketua Pembangkang saya ingin saya rasa hairan kerana adakah Ketua Pembangkang menyokong lompat parti?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Adakah Ketua Pembangkang sokong budaya lompat melompat?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat boleh saya?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat masa untuk perbahasan terhad.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya nak tolong Yang Berhormat.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kalau Yang Berhormat izinkan semua untuk buat penjelasan nanti saya hadkan masa.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Silakan

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua, sebenarnya soalan Pulau Tikus itu patut ditujukan kepada Yang Berhormat Air Putih dengan Yang Berhormat Ketua Menteri sebab bila Yang Berhormat Port Dickson keluar kenyataan dua minggu sudah. Yang Berhormat Ketua Menteri dengan Yang Berhormat Air Putih terus keluar kenyataan sokong kalau ada Ahli Parlimen yang nak lompat untuk tubuh Kerajaan yang baharu jadi Yang Berhormat Pulau Tikus.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Saya nak tanya ini adalah pendapat Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya nak bertanya pendapat ini adalah pandangan, saya nak tanya pandangan, pandangan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat semua duduk, tadi Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya tak pernah lompat parti, yang berlaku Yang Berhormat Ketua Menteri ambil keputusan untuk pecat saya.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Apa proses tak ada proses.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seberang Jaya sila duduk.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Pecat adakah anda meletak jawatan atau dipecat?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seberang Jaya sekali lagi saya minta untuk duduk, yang lain semua duduk.

**YAB. Ketua Menteri:**

Saya mahu penjelasan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya izinkan.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Seberang Jaya kata sebenarnya saya minta dia letak jawatan ataupun dipecatkan jadi dia pilih letak jawatan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Itu untuk EXCO Yang Berhormat betul. Saya setuju saya setuju Yang Berhormat Ketua Menteri, yang saya sebut ini tentang kedudukan saya sebagai ADUN ini keputusan Majlis pimpinan Pakatan Harapan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah sudah diberi penjelasan sudah, Ketua Pembangkang sila

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Itu yang saya tak mau masuk usul.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Seberang Jaya tarik balik kata Ketua Menteri sokong lompat melompat. Tak pernah Ketua Menteri menyatakan beliau sokong lompat melompat dia kata *I welcome the statement by Datuk Seri Anwar that's all.*

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Tak ada sebab Yang Berhormat *its written in the news paper* Yang Berhormat Ketua Menteri mengalu-alukan kalau dapat membentuk Kerajaan hari ini Yang Berhormat Ketua Menteri mengalu-alukan kalau Yang Berhormat Port Dickson dapat membentuk kerajaan ini Kerajaan Negeri mengalu-alukan itu lompat parti lah.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Itu bukan lompat parti.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Itu pandangan Ketua Pembangkang, saya tanya pandangan apakah pandangan Ketua Pembangkang?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk. Sudah semua duduk, Seberang Jaya pun duduk, sekali lagi saya bagi Ketua Menteri beri penjelasan dan saya nak henti di sini.

**YAB. Ketua Menteri:**

Ada bezanya sebab di Negeri Pulau Pinang ada Undang-Undang Anti Lompat Parti di Persekutuan masih tak ada.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Ketua Pembangkang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Okey saya terus cuma nak jawab sikitlah Pulau Tikus. Okey, saya terus. Cuma hendak jawab sikit Pulau Tikus. Pendirian saya tentang lompat parti. Saya memang tidak suka lompat parti. Saya orang yang ada pendirian untuk berpegang kepada satu parti. Saya tidak suka lompat parti tapi kita berkait balik pada undang-undang. Undang-undang di Negeri Pulau Pinang. Ada enakmen dia dan enakmen itu tidak selaras dengan Pusat.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak pa ini telahpun dalam proses.

**YAB. Ketua Menteri:**

Itu isu yang boleh diputuskan oleh mahkamah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tunggu 26 haribulan dulu.

**YAB. Ketua Menteri:**

Hormati proses perundangan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey, jadi terima kasih. Perlembagaan kita, ahli-ahli yang terbabit *shall we cared* tetapi mereka tidak pilih *we cared*.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah, sudah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey. Saya teruskan Yang Berhormat Dato' Speaker. Sungai Dua mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan dalam membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 dan juga Usul Anggaran Perbelanjaan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Baru hendak masuk?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Baru hendak masuk. Dan juga Usul Anggaran Perbelanjaan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah sepuluh minit. Sila.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Dato' Yang di-Pertua. Apa yang saya lihat bajet ialah perkara yang cukup penting dalam keadaan pasca COVID. Rakyat tertunggu-tunggu apa bajet yang akan dibentangkan oleh Kerajaan Negeri dalam melihat dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang akan diperolehi selepas bencana COVID ini.

Rakyat juga melihat bajet sebagai satu tempat untuk melihat peluang-peluang pembangunan ekonomi untuk rakyat bawahan. Saya tekankan di sini bajet perlu menjurus kepada semua kaum, semua pihak bukan hanya menjurus kepada peringkat atasan, peringkat syarikat-syarikat besar dan sebagainya. Kita melihat pembahagian ekonomi, kesejahteraan rakyat adalah perlu tumpu di peringkat bawahan bersama-sama. Kita tidak

mahu projek-projek yang besar tetapi rakyat tidak mendapat nikmatnya. Rakyat tidak mendapat pembahagian yang betul...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Dato' Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 13(a) ini menuduh soal ahli lain mempunyai niat yang tidak baik. Ini sepatutnya ditarik balik.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya tidak kata apa pun. Saya cuma...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Minta di tarik balik. *Not accurate.* ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tidak betul tegur, bagi tahu jawapan ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Saya minta tarik balik kalau *you have said is not fair then you is wrong.*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pulau Tikus duduk. Ketua Pembangkang sila.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey yang ketiga, bajet juga penting untuk melihat bentuk bantuan dan sumbangan yang akan disalurkan kepada rakyat. Bajet juga melihat daripada mana sumber pendapatan atau hasil. Jadi ini perlu dijelaskan dalam bajet. Yang penting tadi kita hendak lihat bajet yang menyeluruh yang memberi perhatian kepada semua termasuk kebijakan, yang penting projek untuk usahawan peniaga-peniaga kecil perlu dimasukkan dengan cara tepat dalam bajet. Boleh cerita projek Ekonomi tetapi petani penjaja, peniaga kecil tidak ditekankan dalam bajet-bajet yang disediakan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Habis?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya mengulas sedikit tentang pencapaian Bajet Tahun 2020 hingga September. Pertamanya tentang ekonomi digital dan penyediaan infrastruktur digital. Saya melihat bahawa aset Kerajaan Negeri untuk melaksanakan 5G adalah satu perkara yang cukup baik. Perkara yang penting dan yang perlu dilaksanakan. Apa yang penting juga kita juga kena melihat keburukan dan kelemahan daripada 5G ini. Kebaikannya banyak tapi juga ada kelemahan-kelemahan yang perlu kita lihat bersama. Jadi, kelemahan ini perlu kita kaji bukan hanya kita hendak menyediakan 5G untuk kebaikan rakyat dan juga perlu melihat kelemahan-kelemahan dan keburukaninya.

Satu lagi perkara saya minta sangat di beri perhatian di kawasan saya di Sungai Dua, Tasik Gelugor ada banyak lagi kawasan yang tidak ada internet, tidak ada kemudahan liputan. Jadi kalau boleh diberikan tumpuan sedikit di kawasan-kawasan luar bandar ini yang masih lagi tidak mencapai kemudahan internet.

Kedua, Pembangunan Modal Insan Berkemahiran Tinggi. Ini pencapaian yang tahun 2020 masih lagi tertumpu kepada golongan-golongan tertentu pihak-pihak tertentu. Masih perlu dijelaskan kepada kita berapa ramai yang telah dilahirkan pecahan daripada kursus yang dibuat oleh PSDC, syarikat swasta, NCER sebab saya tidak nampak hasilnya lagi. Kursus hebat-hebat tapi hasilnya masih belum kita nampak dan pecahan orang yang dapat ini pun kita tidak nampak tidak banyak memihak kepada masyarakat ataupun rakyat, anak muda di kawasan kampung.

Ketiga tentang program kesihatan pada tahun 2020. Cuma tumpu kepada PENBAR dan juga Mammogram. Jadi kalau boleh kita hendak melihat berapa banyak perbelanjaan yang telah dibuat di atas PENBAR ini dan juga Mammogram. Inilah saja projek di bawah kesihatan yang dilaksanakan tahun 2020.

Keempat, Memelihara Agama Islam Sebagai Agama Rasmi. Peruntukan RM60juta tahun 2020. Seperti yang kita ketahui saya pun sudah tanya soalan lisan, soalan bertulis peruntukan RM60.05 juta ini termasuk perbelanjaan mengurus emolumen, mahkamah, Jabatan Agama, Majlis dan sebagainya. Peruntukan hanya 30% untuk pembangunan. Untuk pembangunan pendidikan, pembangunan masjid surau dan sebagainya hanya 30% daripada RM60.05 juta dan ini saya rasa perlu dipertingkatkan tidak termasuk emolumen.

Dari segi perbelanjaan sektor pertanian tahun 2020, RM4.94 juta telah diperuntukkan untuk pertanian cuma mendapat faedah kepada 9,943 orang. 6,600 orang adalah mereka yang mengikuti kursus di peringkat pengembangan. Cuma baki saja melaksanakan projek pertanian. Saya rasa agak sedikit perlu dipertingkatkan lagi bilangan petani, nelayan, penternak untuk kursus-kursus atau untuk program-progaram pertanian bagi tahun yang akan datang.

Bagi Bajet 2021, tahniah kepada YAB. Padang Kota yang telah membentangkan bajet. Cuma saya ingin megupas sedikit tentang bajet ini. Pertama, bajet masih lagi defisit RM403.80 juta meningkat daripada tahun 2020. Bajet menyaksikan perbelanjaan jumlah wang agak besar dalam sejarah Kerajaan Negeri khususnya dalam perbelanjaan mengurus iaitu RM909.82 juta lebih tinggi daripada bajet tahun 2020.

Perbelanjaan pembangunan 2021, RM294.10 juta bertambah sebanyak RM24.76 juta banding dengan bajet 2020, RM269.34 juta. Ke semua bajet pembangunan kepada jabatan meningkat kecuali Pejabat Kewangan Negeri, JKR dan beberapa jabatan lain yang ada sikit penurunan. Diharapkan penurunan ini tidak menjelaskan pelaksanaan aktiviti dan projek untuk rakyat bagi tahun 2021. Bajet masih lagi tiada tambahan sumber hasil cuma bergantung kepada cukai langsung, cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Minta celah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Ya.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Ya Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang nyatakan tadi hasil tidak ada punca hasil lain selain daripada cukai dan sebagainya. Adakah Ketua Pembangkang setuju dengan cara Kerajaan Persekutuan pintu belakang yang baru ini yang mengekang geran-geran pusat daripada capai kepada Kerajaan Negeri?

Dulu masa Air Putih jadi Menteri Kewangan kita dapat RM100 juta untuk naik taraf untuk Projek Cabel Car, Penang Hill tetapi dibatalkan sejurus Kerajaan pintu belakang ambil alih. Adakah geran daripada persekutuan tidak setimpal dengan apa yang *contributed by the Penang height in the way of income tax in the way of various taxes...*(dengan izin).

Adakah Ketua Pembangkang setuju dengan cara menghukum negeri Pakatan Harapan sebegini oleh Kerajaan sebelum ini yang jadi Barisan Nasional dan juga Kerajaan Perikatan Nasional? Nama saja lain tetapi *the habit is same. Thank you.*

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Jawapannya saya tidak boleh bagi pasal bukan peringkat parlimen.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Setuju atau tidak? Setuju atau tidak dengan cara menghukum Kerajaan Negeri Pakatan Harapan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Dia mungkin ada alasannya. Mungkin?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Alasan apa? Alasan politik.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Mungkin COVID - belanja untuk COVID.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Alasan politik.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Mungkin alasan COVID tidak boleh salurkan duit. Jadi bajet lebih perlu untuk COVID-19.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Persekutuan tidak ada duit lagi. Minta penjelasan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Minta sambungkan. Sudah pun hampir setengah jam.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Dato' Speaker, saya belum dapat penjelasan lagi. Setuju atau tidak cara menghukum Pulau Pinang ini walau pun kita merupakan penyumbang

**Ahli Kawasan**

Mohon mencelah.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Penyumbang cukai antara terbesar di Malaysia.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Mohon mencelah. Tunggu pembentangan untuk Bajet 2021 pada 6 November 2020.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Tetapi yang diluluskan oleh kerajaan yang terdahulu pun dibatalkan ditarik balik. Adakah setuju dengan cara begini?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah, sudah. Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya hendak bantu sikit sebab saya hendak jawab. Pada ketika itu *priority has changed* baru ini ada COVID ditangguhkan

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Seberang Jaya dulu pro Pulau Pinang sekarang pro Putrajaya.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Rujuk kenyataan saya. Saya sebut memang perlu ada pembangunan, tapi baru ini ada COVID.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seberang Jaya cukup.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Tetapi ini yang diluluskan ditarik balik mana boleh....(gangguan)

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seberang Jaya sila duduk.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey saya sudah jawab tadi.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ketua Pembangkang, saya hendak peringatkan sudah pun 30 minit.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey saya sudah jawab tadi mungkin...(gangguan). Mungkin kerana belanja COVID perbelanjaan yang tinggi jadi mungkin hold semua, bukan Pulau Pinang sahaja mungkin negeri lain pun ada yang kita tangguhkan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Contoh, contoh.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Rakyat Pulau Pinang, kena *Penang first* lah.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah sudah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey, saya teruskan ulasan mengenai Bajet 2021. Pertama tentang menyemarakkan potensi Industri Pelancongan dan Warisan. Bajet 2021 hanya menfokus potensi pelancongan dan warisan dengan norma baru di kawasan tertentu sahaja. Saya melihat kawasan tertentu tidak fokus kepada contoh di kawasan George Town kawasan penganjuran George Town Festival peruntukan RM2 juta. Peruntukan untuk Bukit Bendera dan lain-lain tapi kalau boleh fokuskan sedikit di kawasan-kawasan lain di kawasan Seberang Perai kawasan yang ada potensi. Masukkan dalam senarai untuk dibangunkan kawasan yang berpotensi untuk pelancongan bukan di kawasan tertentu.

Kedua, menjana hasil guna tanah yang optimum. Ini kebaikan kepada Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri akan mendapat hasil tambahan 50 juta lagi hasil daripada sempadan perbandaran masuk penilaian lain dan cukai tanah dan sebagainya. Tapi ia akan membebankan rakyat. Kita kena lihat menjana hasil guna tanah yang optimum akan membebankan rakyat di Pulau Pinang. Walau pun dia duduk dalam taman tetapi dia juga kena membayar cukai yang lebih tinggi.

Ketiga, meluaskan capaian telekomunikasi. Jadi kita harapkan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat memastikan ketersediaan jalur lebar bertaraf 5G ke seluruh Pulau Pinang. Jangan tertumpu di kawasan bandar di kawasan pekan sahaja kena terus sampai ke

kawasan-kawasan luar bandar supaya masyarakat di luar bandar juga boleh menikmati 5G yang akan dilaksanakan.

Keempat, peluang pekerjaan kemahiran dan ekonomi golongan muda. Saya masih tidak nampak dalam Bajet 2021 disentuh berkaitan peluang pekerjaan yang diwujudkan. Tak banyak, tak ditunjukkan dalam Bajet pun bahawa peluang pekerjaan diwujudkan. 10,000 peluang pekerjaan 5,000 jadi perlu ditunjukkan dalam Bajet, supaya orang boleh yakin bahawa Bajet itu boleh memberi ruang pekerjaan kepada rakyat yang memerlukan kerja, yang dibuang kerja dan sebagainya.

Bajet 2021 juga tidak tertumpu kepada golongan muda belia. Tak banyak peruntukan yang disalurkan kepada golongan muda yang begitu ramai di Negeri Pulau Pinang. Hampir-hampir 30-40 peratus golongan bawah 40 yang menjadi, mereka yang paling ramailah dalam *hierarchy* masyarakat golongan muda. Tumpuan hanya diberikan kepada PYDC sebanyak RM1.0juta untuk PYDC laksanakan program-program PYDC, *Penang Youth Development Corporation... (dengan izin)*.

Tapi masyarakat golongan muda di bawah apa yang dia nak buat, dia juga mungkin nak berorganisasi, dia juga nak berpersatuan, anak muda di kampung juga nak berpersatuan, dia nak masuk belia dan sebagainya. Apa salahnya kita masukkan juga Pertubuhan Belia, SYO, MAYC dan sebagainya ke dalam peruntukan yang nak dibajetkan, nak dimasukkan dalam bajet kepada anak-anak muda ni. Saya tak nampak, semua PYDC-PYDC sahaja.

Dari segi kebajikan, Bajet 2021 saya amat berterima kasih dan juga mengalu-alukan penyediaan bantuan ekonomi saksama yang dinaiktaraf kepada AES kepada BAES, dan juga JKM. Dan juga dari segi penggunaan kadar pendapatan perkapital baharu, dan juga yang pentingnya dimasukkan agenda mewujudkan peluang pekerjaan melahirkan modal insan. Kalau kita masukkan, pastikan ianya dilaksanakan. Bukan hanya sekadar kita masuk, tetapi tidak dibuat, tidak dilaksanakan.

Agenda menunjukkan peluang pekerjaan kepada golongan-golongan miskin ni, orang-orang susah ni. Melahirkan modal insan berkemahiran. Bukan dia, tapi anak-anak dia kita kena bagi peluang untuk berkemahiran. Mungkin dia susah kerana anak dia juga tidak ada kemahiran, tidak ada pendidikan yang tinggi. Tapi, tumpukan kepada apa yang disebut dalam Bajet. Agenda menunjukkan peluang pekerjaan, dan juga melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan meningkatkan kebolehpasaran. Itu perkara yang ada dalam Bajet, yang perlu dilaksanakan.

Bukan hanya sekadar kita menyediakan bantuan ekonomi saksama, bantuan JKM, tetapi kita tidak melihat cara nak selesaikan masalah. Naik taraf ekonomi dan bagi peningkatan pendapatan isi rumah. Ini ada dalam Bajet, tetapi dia fokus kepada SME, IKS *Purchase Sederhana*. Kalau boleh fokuskan juga macam yang disebut oleh Bertam tadi. Penjaja, peniaga kecil yang berada dikampung, pengusaha-pengusaha kecil, IK, (IAT) Industri Asas Tani, yang tidak ada peluang untuk dia mendapat lebih banyak bantuan dan juga galakkan.

Fokus banyak, tapi persoalan jawapan soalan bertulis fokus pada SME. (*SME*) *Small Medium Entrepreneur*. Orang ni mungkin dah berjaya, mungkin dah dah separuh berjaya. Kita kena lihat rakyat yang lebih bawah, tingkatkan pendapatan rakyat yang lebih bawah. Yang dah usaha, tapi tak pi ke mana lagi. Tak boleh sampai ke tahap yang boleh dia berdikari sepenuhnya. Jadi fokus tu kena masuk dalam bajet. Tak boleh hanya fokus kepada SME dan sebagainya. Depa ni mungkin dah berjaya, tapi perlu kita tambahkan untuk golongan-golongan yang sedemikian. Seterusnya bajet... (gangguan).

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Penjelasan. Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saranan Ketua Pembangkang supaya penjaja dan juga peniaga kecil, diambil kira dalam bajet ini, saya sokong. Tetapi janganlah pula katakan SME, ni boleh dilepas pandang. SME ni salah satu tonggak utama,

perusahaan di Pulau Pinang. Dan dalam SME ni, berapa orang pekerja yang kalau seorang satu company SME ni ada 50 orang pekerja, kalau syarikat itu lingkup, bermakna 50 orang akan hilang pekerjaan. Adakah Ketua Pembangkang mahu keadaan seperti ini? Kata yang ini, baru satu SME. Katakan 50 SME...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Apa yang akan berlaku. Adakah Ketua Pembangkang mahu keadaan seperti ini. SME perlu disokong juga.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):**

Okey, saya tak kata SME tak diterus. Dah ada dalam Bajet pun. Cuma tambahkan nanti, untuk kemudahan peniaga kecil. SME tu, dah ada kemudahan banyak disediakan oleh kerajaan, tempat kilang disediakan, khidmat nasihat dan sebagainya. Disediakanlah, dah sedia ada dan ada pekerja di bawah depa, kita faham. Cuma penekanan kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha kecil. Seterusnya kesihatan dan kesenangan rakyat.

Jadi saya nampak tahun ini tidak ada bajet baharu, tidak ada PENBAR, tidak ada Mammogram dimasukkan. Cuma disebut dua (2) klinik baharu di Barat Daya dan juga Seberang Perai Selatan. Dan ini perlu dilihat semulalah, dari segi kesihatan dan kesenangan rakyat.

Peningkatan pembekalan rumah mampu milik. Pembekalan rumah mampu milik masih diteruskan, dan jawapan yang saya terima yang saya terima daripada jawapan bertulis, ia telah disediakan hampir 30,000 RMM, 30,000 lebih RMM(A), 20,000 lebih kot RMM(B) dan juga C. Lebih kurang 50,000 lebih jumlah ketiga-tiga yang masih lagi belum mencukupi, dan perlu dipertingkatkan.

Yang pentingnya saya nak tekankan di sini, banyak kali dah saya tekankan tentang masalah ni. Macam mana kita nak tambah rumah RMM(A) dan (B) ni, sebab RMM(C) ni pun Rumah Mampu Milik (C) pun, ada sebahagian rakyat tak mampu nak beli. RM250,000.00, RM300,000.00, memang rakyat tak mampu. Yang kerjanya, gaji cuma RM3,000.00. Suami isteri RM4,000.00, dia tak layak ambik RMM(A), dia mungkin boleh ambil (B) ataupun (C). Tak mampu nak beli, Jadi kalau boleh, kita cuba fikir Datok Keramat macam-mana kita nak tingkatkan.

Kalau boleh Kerajaan Negeri tumpukan untuk bina rumah (A) dan (B) ni, selain daripada kita serah kepada swasta. Kadang-kadang bila kita serah kepada swasta ni, dia kadang-kadang menimbulkan masalah. Pelaksanaannya kadang-kadang agak perlakan, dia lambat siapkan. Dia siapkan rumah yang lebih lebih tinggi harga dulu, *low cost* dia tak buat lagi. RMA tak buat lagi, jadi kadang-kadang timbul banyak masalah, kepada orang yang nak beli rumah, yang tak mampu nak beli rumah mahal, yang tak mampu nak beli rumah yang lebih tinggi harganya.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Dengan izin, Dato' Speaker. Mungkin saya cepat saja nak.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cepat dan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Ya.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kalau boleh rumusan dalam penggulungan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*The gulung because you ask me 20 million to sold, so my answer just reply now A, B and C.* A adalah Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah ialah B, C adalah mampu milik yang lain sehingga RM300,000.00. Sememangnya kita terus dengan A dan B. Saya hendak peringati semua, Negeri Pulau Pinang negeri satu-satunya yang masih kekal harga rumah mampu milik A iaitu kos rendah pada RM42,000.00. Rumah Kos Sederhana Rendah B, pada RM72,500.00. Lain negeri sudahpun naik kepada RM60,000.00 dan RM100,000.00 masing-masing. Kita masih kekal, *and this is Penang di mana kita ada kekangan tanah.*

Saya setuju dengan Dato'. Yes, especially now dengan COVID, apabila ekonomi semua terjejas. saya sudah nyatakan ada keperluan untuk lebih rumah mampu milik terutamanya kos yang lebih rendah. No. 1, kita ada *House Ownership Campaign* kita telah kurangkan harga daripada RM300,000.00 kepada RM270,000.00, daripada RM250,000.00 di bahagian Seberang kepada RM225,000.00.

Tetapi jangan lupa juga Dato' Speaker, dalam kategori C Rumah Mampu Milik C, ia saya apabila saya nyatakan had *selling* dia iaitu pada asal RM300,000.00 di bahagian Pulau, RM250,000.00 di bahagian Seberang, *that is the selling price preCOVID, now it has reduced. But please be reminded* Dato' Speaker, di dalam kategori C, kita juga ada 150,000 punya unit Dato' Yusuf, Dato' daripada Sungai Dua.

*Thank you very much, is very important. I agree with you but the important thing I want to ask and now even there on the other side* kita punya ada rakan-rakan yang mungkin dalam GLC dan sebagainya, yang juga saya tahu ada satu dua yang mungkin dalam GLC yang perlu perkasaan perumahan dari segi pusat. Saya nak tau, apa-apa plan atau tindakan kita di Pulau Pinang. Dahulu sampai sekarang kita tunggu, kita buat sendiri. Sekarang kita sudah-sudah beralih ke sana, saya nak tau apa tindakan.

We are PERDA dan sebagainya. Kita sedia untuk bantu tapi apakah kita akan buat projek sebegini? Kita lihat bagaimana PRIMA telah gagal sehingga Kementerian KPKT, Yang Berhormat Zuraida terpaksa bayar pampasan kepada pemaju kerana pergi janji mereka bagi mereka tanah di tempat yang tak boleh dijual dan sekarang rakyat perlu bayar pampasan kepada mereka. *The question is* apakah pusat akan bantu juga, jangan kata pada kita saja. Kita sememangnya kita ada sasaran. Ketua Menteri dalam ucapan telah nyatakan setuju dengan cadangan saya, supaya sasaran dalam Visi Pulau Pinang2030 asal 180 ribu unit itu, kita pertingkatkan kepada 220 ribu unit. Itu yang kita buat. Apa yang di sana buat, saya nak tahu?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey. Ketua Pembangkang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya peruntukan 5 minit lagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Banyak lagi.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cepatlah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):**

Okey. Seterusnya tentang bajet jugak Bajet 2021. Kurang fokus kepada pembangunan rohani dan spiritual dan juga dari segi keselamatan ketenteraman awam. Jadi cuma yang ada, saya tengok CCTV. Penyediaan CCTV, itu tentang keselamatanlah. Tapi dari segi

pembangunan rohani dan spiritual juga perlu dimasukkan, diberi penekanan melihat kepada keruntuhan moral dan sebagainya yang berlaku begitu hebat sekarang ni, kita perlu fokuskan kepada pembangunan rohani dan spiritual.

Bajet juga kurang fokus kepada perniagaan dan baik pulih alam sekitar. Tak nampak Bajet langsung dalam pembaikan dan pemulihan alam sekitar. Jadi banyak masalah yang telah berlaku dari segi bukit dan sebagainya jadi perlu dilaksanakan pembaikan pemulihan alam sekitar.

Dari segi melestarikan pertanian masih lagi peruntukan yang tak begitu besar RM5.65 juta, untuk pembangunan pertanian. RM3 juta untuk penternakan, jadi ini perlu, walaupun dah ada peningkatan tapi kalau boleh kita pertingkatkan supaya bekalan makanan dan juga penternakan ni boleh membekal kepada rakyat Negeri Pulau Pinang dengan adanya projek-projek yang mungkin lebih moden dan lebih bersistem mengurangkan gunatanah, mungkin boleh melaksanakan projek yang lebih baik.

Seterusnya tentang isu-isu sedikit, isu-isu di Pulau Pinang. Pertamanya adalah berkaitan dengan alam sekitar. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sering mengucapkan *Cleaner, Greener, Penang*. Tapi apa yang saya lihat, kelestarian alam sekitar dan mampan kurang diberi penekanan. Kurang, bukan tak bagi penekanan. Kurang, kena faham ayat saya. Terutamanya dari segi projek tambakan laut, tambakan laut ni dia merosakkan alam sekitar, pantai dan kawasan-kawasan ekosistem, ikan dan sebagainya. Itu satu projek yang merosakkan alam sekitar. Kedua, projek tambakan laut...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Minta penjelasan. Minta penjelasan. Merosakkan alam sekitar. Adakah projek-projek tambakan laut, telah dibuat di dalam negeri-negeri barisan Nasional juga?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya tau.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Kalau begitu, cakap dekat mereka juga.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tahun 1997, dimulakan projek tambakan laut.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Kalau kamu ada fakta, cakap kat fakta.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Lepas tu.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Cakap kat mereka juga. Jangan hanya cakap kepada kita di Pulau Pinang. Kena adil, kepada Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tahun 97, memang Kerajaan Barisan Nasional...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Adil kepada Pulau Pinang, boleh tak. Kamu wakil rakyat Pulau Pinang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tapi kalau kerajaan sekarang, tak mau buat.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jangan ganggu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Mungkin tak boleh buat.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tak payah diteruskan. Dulu tahun 97 untuk apa buat BORR dan sebagainya. Lepas tu tahun 2002 baru mula balik, baru mula penambakan Sri Pinang dan sebagainya. Kalau kita boleh *stop*, kita *stop* ja lah kalau dah tak setuju. Ini diteruskan. Itu saya sebut tentang alam sekitar.

Kedua, tentang tambakan laut di kawasan Butterworth juga akan diteruskan. Jadi, saya ingat projek tambakan laut Butterworth ini pun akan menimbulkan masalah kepada alam sekitar, kuala nelayan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Minta laluan. Dato' Ketua Pembangkang, yang projek di Butterworth di *Raystons* itu dipersetujui oleh Kerajaan sebelum ini, di mana UMNO adalah sebahagian daripada Kerajaan tersebut. Dan ia diteruskan sekarang sebab perlukan status Penang Port untuk memperluaskan operasi Penang Port. Tapi, masalahnya Penang Port kaut untung berbilion, tetapi tidak mau beri subsidi untuk meneruskan perkhidmatan feri di Butterworth. Itu yang perlu dibangkitkan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Ya lah. Ada kaitan dengan feri pula hang. Okey, tak apalah kalau diluluskan zaman Barisan Nasional, bila sampai Kerajaan yang baharu difikirkan tak payah buat. Kita hentikanlah. *Stop* lah. Kalau kena bayar, kita.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Minta laluan. Ketua Pembangkang bila BN buat, kamu puji. Bila PH buat, kamu hentam. Adakah itu betul? Adakah itu cara Ketua Pembangkang membangkang secara adil.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Pembangkang macam tu lah. (*Dewan ketawa*). Hangpa pun bangkang dari pangkal, bangkang macam-macam. Hak pelik-pelik, semua bangkang.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Ini bukan *constructive* pembangkang. Membangkang saja.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ketua Pembangkang, saya izinkan yang lain.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tak payah masuklah.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ha. Bagi cepat.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Yang ketiga tentang isu tambakan laut juga, isu PSR, tak payah sebut panjanglah. Itu yang berkaitan dengan alam sekitar, tambakan laut, PSR, Lebuhraya, PIL 1, itu semua ada kaitan dengan alam sekitar yang perlu dilihat dan dikaji sepenuhnya. Tak boleh main-main kita nak buat, walaupun ada EIA tapi kena penuhi hasrat, penuhi syarat yang ditetapkan oleh EIA, oleh alam sekitar 72 syarat kena penuh betul-betul, baru boleh buat. Tak boleh kita nak buat saja, esok dia rosak. PIL tu banyak masalahnya dari segi sosio, sosial, gangguan sosial dan sebagainya banyak berlaku. Ini perlu kita lihat bersama-sama. Perlu tengok balik. Kalau nak buat juga, kena cari jalan yang paling baik. Tidak mengganggu alam sekitar, tidak merosakkan alam, tidak mengganggu masyarakat dan sebagainya.

Keempat tentang isu pembotakkan bukit dan pencerahan hutan. Juga tentang alam sekitar. Cakap tahun 2013 lagi, Bukit Botak di mana? Di Relau, sebelah ni botak. Sekarang dah sebelah sini pun botak lagi, habis. Ini yang menyebabkan banjir, menyebabkan berlaku macam-macam bila bukit tu dah botak. Jadi pihak Majlis pun dah ambil tindakan, tapi tak selesai. Tak selesai masalah. Masih lagi berlaku, tanam durian pula sekarang ni di Kawasan Bukit Botak ni. Jadi ini perlu dilihat bersama-sama. Saya beri peringatan, kita tengoklah. Nak selesai masalah macam mana, tentang isu bukit, isu alam sekitar. Kita nak tinggal...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Kita nak mati, nak mati....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Nak mati. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Ketua Pembangkang kononnya daripada negeri-negeri Perikatan Nasional tak pernah banjir macam ni. Boleh cakap kat Pulau Pinang saja.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey, saya tak bagi dah. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

*First thing, tak dak. Tak dak solution. Kita dah bawa solution, kamu bangkang. This is the thing.*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pulau Tikus, kalau tak dibagi laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Kita nak mati. Semua orang nak mati. Nak tinggal alam ni, bagilah orang-orang, anak-anak kita, cucu kita tau ni pokok ni. Ni kawasan ni. Jangan sampai tak kenal padi, pokok padi. Macam orang Singapura, minta maaf. Dia mai tempat saya, dia tanya pokok padi yang mana? Pokok beras hat mana? Dia ingat pokok padi tu sama lain pada pokok beras. Itu berlaku.

Di Singapura, tak dak dah kawasan-kawasan yang banyak macam ni. Ni kita nak tinggal alam ni, bagilah pembangunan yang mampan, yang orang dulu boleh tengok, orang akan datang boleh tengok kawasan-kawasan semula jadi. Alam sekitar.

Isu tambakan sawah, masih berlaku. Ini juga berkaitan dengan alam sekitar. Sawah padi, masuk surat PAC. Bagi *paper* kertas dekat buku, dekat Dewan, kita minta hukuman dia tinggi, tindakan bersepada untuk sekat sawah tambakan sawah. Masih berlaku. Habis tanah-tanah sawah, mai tambun. Dia mai hari Ahad, dia tambun dengan lori habis rosak. Masih berlaku lagi tanah sawah, dulu 15,000 hektar sekarang tinggal 10,000. Kawasan sawah padi yang dalam pengairan, dalam skim dah berkurangan.

Projek kuari di kawasan Teluk Bahang, saya tengok dalam *google maps* masih lagi ada berlaku. Masih dok berjalan lagi walaupun memang pihak Majlis Bandaraya akui dia memang satu kuari yang haram, yang tak sah, yang takdak lesen. Tapi boleh berlaku, daripada tahun 2012, 2013 sampai sekarang. Dekat dengan empangan pun, cukup bahaya. Pencemaran sungai, juga pencemaran yang berlaku. Sungai, sungai tempat saya dengan najis babi, najis khinzir, babi la kata senang.

Jadi, kawasan ternakan babi di kawasan Kepala Batas. Tapi dia mai ke kawasan Tasek Gelugor. Tasek Gelugor yang jadi mangsa ni. Enakmen 2016, Enakmen Ternakan Babi 2016 dah lulus dalam Dewan ni. Saya tak mau. Saya tak mau layan...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dato' Ketua Pembangkang. Dato'. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Lulus 2016....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dato' Sungai Dua, sila percepatkan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Apa tindakannya....(gangguan). Apa tindakan yang kita buat. Tangguh lagi sampai 2022, untuk sistem tertutup. Cepatkan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Sungai Dua. Ketua Pembangkang, sikit saja. Tak ganggu. Boleh. Yang ini, Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyatakan tentang Sungai Kerek ialah yang sambung dekat Sungai Perai. Baru-baru ini ada juga tunjuk perasaan oleh beberapa orang yang kawan baik dengan Dato' Ketua Pembangkang, orang-orang daripada PAS menyalahkan Kerajaan Pakatan Harapan seolah-olah ini adalah masalah diwujudkan oleh kita.

Tetapi Kerajaan Pakatan Harapan pada tahun 2016 sudah meluluskan Enakmen, sebelum itu Barisan Nasional, 50 tahun masalah itu sudah ada. Tetapi yang disalahkan adalah Pakatan Harapan yang memberi kebenaran, pada asalnya adalah Barisan Nasional. So, isu ini tidak sepatutnya dipolitikkan oleh rakan-rakan Ketua Pembangkang iaitu Parti PAS yang cuba memainkan isu ini, sensitifkan isu ini.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Untuk mewujudkan permusuhan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey. Saya bangkitkan isu ini, isu Sungai Kereh. Dah 40 tahun, memanglah kata 40 tahun berlaku penternakan babi di kawasan Kampong Selamat dan juga di Valdor, 166 penternak yang ada, yang ada penternak babi ini. Dan yang masuk, yang bersetuju untuk masuk sistem tertutup ini baru dalam 60. 60 orang itu, yang ditangguhkan mungkin. Ditangguhkan. Jadi kita harap, Enakmen dah ada, peraturan perlesenan pun dah

ada, jangan tangguhlah sampai 2022. Tangguh banyak kali dah, 2018 tangguh, 2019, 2020. Ini tangguh lagi sampai ke 2022, baru nak laksanakan, kuatkuasakan dan sebagainya.

Ini masalah. Benda ni dah ada Enakmen, jalankan. Jalankan terus, MBSP pergi saman yang mana yang buang *direct* ke sungai, saman. Saman dengan saman yang tinggi, kompaun yang tinggi tak boleh kompaun macam tadi RM30,000.00....(gangguan).

**YAB. Ketua Menteri:**

Cuma satu penjelasan. Enakmen itu walaupun digubal 2016, digazetkan 2020. Dalam Enakmen itu memberi tempoh peralihan dua (2) tahun. Itulah 2 tahun yang diberikan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tak apalah, kita dah minta depa, depa daftar awal. Minta penternak ni daftar nak masuk. So, sekarang kita *extent* lagi. Kalau boleh segerakan lah, sebab tak tahan dah. Kalau tuan-tuan duduk di situ pun, saya minta nanti kalau boleh air minuman tu ambil air tu. Minta PBA ambil air tu, pam masuk di Sungai Dua gunakan untuk minuman. Sanggup minum, tak sanggup minum. Saya tengok YB. Norlela kira seekor babi ni, dia buang air ni, berak ni 7 kilogram sehari. Kalau ada 3,000 ekor, kali la berapa kilo hat tu dia buang terus ke sungai. Masalah....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Balik ke isulah. Balik ke isu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Jadi, kalau boleh kita tengok baliklah. Kita minta Kerajaan Negeri beri perhatian serius tentang ni, tentang isu penternakan khinzir ni.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya mohon laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tak dak dah. Gulung. Gulung.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Tak, nak tanya kepada Seberang Jaya lah. Sebab Enakmen tu diluluskan 2016 kan, tapi peraturan hanya siap 2000, 2019..(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seberang Jaya, tak perlu. Penanti, sila duduk.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat. Saya....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

No. No.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang di-Pertua, dia sebut saya, saya kena bangun.....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya....(gangguan). Sesi perbahasan sudah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya kena bangun, Yang Berhormat....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti, nanti, nanti.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya tak ada peluang menggulung.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dato' Pembangkang. Saya tak izinkanlah. Last.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey, seterusnya. Tentang pembangunan projek....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Masuk yang terakhir.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Banyak lagi. Saya baca sekali lalu saja. Tentang pembangunan Projek Mega, ini isu Kerajaan Negeri Pulau Pinang. 1, tadi alam sekitar. Kedua, tentang permohonan Projek Mega. Jadi saya nampaklah di peringkat Kerajaan Negeri, banyak projek-projek mega yang dilaksanakan. Projek Besar, projek yang harganya kadang billion, nilai kos, nilai projek contohnya Projek *Green City*. *Green City* ni projek yang mahal, tak dak orang boleh beli *aih*.

Kalau saya pun tak boleh beli rumah tu, dengan eluan dok ada ni, dengan pencerun pun tak dak, tak banyak mana tak mampu nak beli rumah yang mahal macam tu. Jadi kalau boleh Projek Mega ni kita, kita kurangkan untuk keperluan. Tapi kita perbanyakkan projek untuk rakyat. Untuk rakyat, tapi kerajaan, pemaju ka sebagainya ada untung sikitlah, tak lah untung banyak. Tapi banyakkan projek-projek yang bukan mega, yang boleh memberi keuntungan kepada pihak-pihak tertentu tapi, merugikan rakyat.

Keempat, tentang projek pertanian saya dah sebut tadi.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Banyak dah sebutlah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Pembinaan gerai-gerai tempat meniaga. Jadi saya nampak banyak lagi tempat-tempat yang boleh kita dirikan gerai-gerai penjaja dan sebagainya. Kalau boleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai, Pulau Pinang khasnya di Seberang Perai lah, cari tempat-tempat yang sesuai yang mungkin tanah kerajaan, tanah Majliskah ataupun tanah Kerajaan Negeri, kita bangunkan tempat-tempat kompleks untuk meniaga.

Tak payahlah nanti kita, kita nak runtuh bangunan, runtuh gerai dan sebagainya. Depan pun nak cari makan, peniaga kecil, penjaja ni orang yang cari makan. Saya menghormati golongan ni. Susah, tapi dia usaha untuk cari makan. Dia hidup susah tapi dia cari, dia meniaga juga. Tapi dia tak dak tempat. Saya kadang-kadang bagi payung untuk dia meniaga. Bagi payung, bagi meja. Saya kata nampak orang Majlis mai, hang lari lah. Jangan tunggu.

Tapi bila Majlis mai memang dia kena kompaun, kena rampas barang-barang. Jadi pihak Majlis sediakan alternatif, pilihan untuk depa ni. Ada tempat untuk dia meniaga, bagi ruang untuk dia meniaga. Tempat yang sesuailah. Yang boleh meniagalah, jangan bagi tempat yang tak dak orang lalu. Dia nak meniaga macam mana. Jadi pembinaan dan penyediaan gerai-gerai perlu disediakan. Isu...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terakhir.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Sejarah pembukaan Pulau Pinang ini juga dibangkitkan oleh kawan saya. Kalau boleh, kita kaji balik sejarah pembukaan Pulau Pinang. Siapa yang buka Pulau Pinang dan sebagainya, sebab saya pergi di hotel-hotel banyak dia sebut *Francis Light* buka, jadi ini perlu diperbetulkan. Kaji sejarah dulu, mungkin saya silap.

Tapi kaji balik tengok dengan Pihak USM ada, tengok siapa yang betul, dan kita betulkan balik sejarah ni. Jangan kita teruskan sejarah ini, sampai dia orang apa masyarakat tak faham, salah faham. Selalunya tentang isu peniaga warga asing, yang ni satu benda yang kita bincang dalam PAC. Peniaga warga asing, dalam soalan bertulis. ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Ketua Pembangkang boleh terangkan tak apa isunya dengan *Francis Light* ni. Kita pun tak faham di sini?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sejarah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Dia sejarah. Sejarah.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Tau la, sejarah apa yang *Francis Light* tersilap ini.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Di tempat-tempat tertentu saya pergi, dia tulis *Francis Light* yang membuka Pulau Pinang. Sejarah dia, sejarah dia lain. Tengok sejarah balik la, macam mana sejarah dia. Sejarah Pulau Pinang ni macam mana asalnya. Jadi kita kena tengok sejarah balik, betul ka *Francis Light*, ataupun pasai duk datang dah *halfway*. Ada... (gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Itu sejarah, itu sejarah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Ada orang... (gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Itu teks sejarah teks sejarah mana satu salah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Ada orang... (gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Salah itu salah apa, teks sejarah memang ada itu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Ada orang yang lebih awal... (gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Mungkin hendak taruh nama, Sungai Dua kot.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Mai Pulau Pinang orang lebih awal, di Batu Uban tempatnya di Batu Uban Dato'. Ada nama depa dak, check balik la.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniady):**

Penjelasan Ketua Pembangkang. Yang ini berkenaan dengan sejarah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey tak apa, *check* sejarah tengok. Seterusnya tentang isu warga asing tadi.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Kena ada fakta Ketua Pembangkang. Kena ada fakta kalau nak cakap di Dewan ini. Kena ada fakta. Apa fakta yang Ketua Pembangkang hendak sampaikan pada kita sejarah Francis Light.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya nak sampaikan yang tu la.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Apa yang nak disampaikan. *Point* dia, *point* dia apa itu?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Siapa yang mai Pulau Pinang, dulu daripada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Kandungan apa itu? Kami semua di sini juga hendak mengetahui, sebelum Francis Light siapa yang datang dulu?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Dapatkan data tu, saya bagi dekat semua.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Kamu kena ada fakta itu baru boleh cakap di Dewan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

*This is different school of talk* la, yang ni susah. Ini balik kepada isu yang sebenar.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya minta...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniady):**

Saya nak sokong Ketua Pembangkang tak bagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey, seterusnya isu peniaga warga asing ikut jawapan soalan bertulis ada 400 lebih 500, 400 lebih premis yang milik warga asing dijalankan perniagaan oleh warga asing di Seberang Perai. Bukan di Penang, tapi di Seberang Perai sahaja. Saya pun pelik macam mana peniaga asing ni boleh. Dak syarat dia boleh ka? Ingat syarat Majlis tak boleh, dia tak boleh miliki *business* tu kecuali dia kahwin dengan orang Malaysia. Mungkin guna nama isteri dia.

Jadi kalau boleh kita lihat balik masalah ni kalau dia memang dia berhak memiliki tak ada masalah. Dia boleh menjalankan peniagaan. Begitu juga dengan tanah-tanah pertanian, ada warga asing yang usahakan tanah pertanian. Contoh tanah PERDA, tanah PERDA, Tanah Majlis Agama yang usaha dia orang sini. Dia yang buat tapi, bila kita pi tanya dia kata dia kerja dengan sekian-sekian, dia kerja dengan ni. Padahal dia bukan kerja dia bayar sewa kepada yang menyewa tu yang dapat tanah tu. Ini juga kita perlu *check* balik kalau betul dia menyewa daripada orang A ni, kita keluarkan dia.

*Cancel* kan tanah pada si A ni sebab dia sewa balik pada orang lain. Begitu juga dengan *Subkontraktor*, kontraktor-kontraktor kecil, ada kontraktor-kontraktor kerja-kerja JPS contohnya. Ada pihak warga asing ni dia *sub* terus. Dia *sub* daripada kontraktor, jadi ini tak kenalah. Patutnya dia carilah pekerja, syarat kena bagi jangan ada pekerja daripada warga asing. Kalau adapun sebagai pekerja bukan sebagai *sub*.

Isu kilang haram masih banyak lagi kilang haram 500 lebih kilang haram jawapan bertulis. Jadi saya minta Pihak Majlis ambil tindakan la pada kilang-kilang haram ni. Tepi sungai ada 15, di kawasan bukan Zon Industri ada 20. Zon Industri pun ada, bukan Zon Industri pun ada, kawasan tepi sungai pun ada kawasan kilang- kilang haram pun ni. Jadi tolong ambil tindakan.

Seterusnya tentang Program Khairul Ummah di bawah KKM, jadi saya ucapkan tahniah kepada Pinang Tunggal yang telah menyediakan Pelan Pembangunan 10 tahun. Cuma yang saya risaukan:

Satu, Pelan ni takut dia tak kena rancang sungguh-sungguh, susun sungguh-sungguh supaya dia tak jadi macam program yang lepas. Mai tukar EXCO lain, program tu habis hanyut dengan EXCO tu. Buat pelan yang baharu pula. Jadi saya takut yang tu la takut dia akan hilang, lenyap, dengan bertukarnya EXCO lain. Dan juga kita nak lihat juga program ni melibatkan semua-semua jabatan la, bukan hanya Pejabat Agama sahaja ataupun Majlis Agama tapi melibatkan semua.

Satu lagi tentang zakat, Zakat Pulau Pinang. Terima kasih, tahniah kepada Zakat kutip banyak beratus-ratus juta. Jadi sumbangan dia pun banyak tentang COVID ni banyak telah dibantu, Asnaf dan sebagainya, bantuan pendidikan dan lain-lain. Cuma yang saya nak buat sedikit teguran disini, adalah dari segi sumbangan GLC Negeri, saya tak nampak sumbangan tu. GLC lain ada, GLC Pusat lain ni ada tapi GLC Negeri ni, tak tau la kot saya silap. Sumbangan zakat dari pihak GLC Negeri Pulau Pinang, dulu ada dulu PBA bayar tapi lari lama dah PBA tak bayar. Jadi tengok balik la. Dia di Pulau Pinang ni sumbang la sikit untuk Zakat di Pulau Pinang, begitu juga PDC dan sebagainya mungkin ada sumbangan zakat dia kepada Pihak Zakat.

Seterusnya tentang Hospital Mesra Muslim, saya minta diberikan penjelasan. Rumah JAWHAR di Teluk Air Tawar, saya juga minta diberi penjelasan dari segi macam mana kita nak uruskan penjualannya. Adakah kita buat secara sewa ataupun kalau boleh harganya dikurangkan sedikit RM280,000 kalau boleh kurangkanlah. Projek ni projek di atas tanah Baitulmal, yang dibuat oleh JAWHAR, Jabatan Wakaf, Baitulmal dan Wakaf kot. Jadi dah siap, kita minta Pihak Majlis tengok balik dari segi harga dia, dan sistem jual macam mana. Kalau boleh buat sewa beli la, bagi orang yang tak mampu dan..

Satu lagi tentang Enakmen Kawalan Dan Sekatan Perkembangan Agama Bukan Islam ni kepada orang Islam ni, kalau boleh Pihak KKM, Pihak Pinang Tunggal masukkan balik la sebagai satu pindaan kepada Rang Undang-Undang di masa yang akan datang.

Seterusnya tentang penjelasan daripada soalan bertulis, pertama tentang Projek Tiram. Tiram ni mengapa libatkan swasta, dan projek ni ada masalah tolong bagi penjelasan sikit la. Projek Tiram, belanja banyak ni, RM10 juta. RM10 juta ni kalau tak dapat apa, rugi la lebih baik baik bagi dekat Kebun Kecil (Petani). Penjelasan berkaitan dengan warga asing kita dah sebut, isu kilang haram juga dah sebut.

Tentang pelupusan sampah, soalan bertulis saya dijawab ada lebih kurang 50-60 ribu tan sehari sampah daripada Seberang Perai dan juga Pulau Pinang, yang saya rasa perlu ada satu sistem untuk kita uruskan pengurusan pepejal, sisa pepejal dan sebagainya. Kita tak boleh hanya melambakkam di satu tempat, lepas tu pindah ke Sungai Burung, dia akan timbul masalah lain.

Kita kena cari satu konsep yang boleh kita selesaikan sisa ni, ada orang boleh buat, saya rasa ada syarikat mungkin kita minta dia boleh bagi, bagi penjelasan atau taklimat. Dia

boleh buat proses semua sampah tu untuk dia buat baja organik, dia buat macam-macam benda la daripada tu. Banyak benda yang dia boleh buat daripada hasil sampah tu, boleh gunakan semula ka. Jadi ini juga perlu kita laksanakan, untuk melihat sisa sampah kita sisa pepejal ni diuruskan dengan sempurna dan baik.

Dan satu lagi tentang pelaburan PBA Pulau Pinang RM501 juta. Saya tanya dalam soalan bertulis tentang sumber dana, dananya dikatanya, jawapan dia tunggu naik takrif mungkin nak gunakan sumber tu. Ataupun sumber daripada pinjaman Kerajaan Negeri ataupun dari sumber-sumber lain. Jadi kalau boleh nak perbaiki naik taraf, nak cari sumber baru air dan sebagainya, jangan kita libatkan ataupun bebankan rakyat dengan takrif yang dinaikkan tinggi. Ini perlu dilihat semula supaya tak ada kenaikan yang begitu drastik dalam kenaikan takrif dan sebagainya.

Dan seterusnya tentang PAC, satu ja PAC ni saya dah bincang banyak:

- (i) Saya bincangkan berkaitan dengan tambakkan sawah, dah ada buku yang diberikan kepada dewan;
- (ii) Kebanjiran warga asing dalam menjalankan peniagaan;
- (iii) Pengurusan Anak Syarikat PDC, Pengurusan Kewangan *Georgetown World Heritage*, Pengurusan Kewangan dan Tender Global, *Global Tourism*, Lesen Pendudukan Sementara, Projek Zia, Projek Empangan Mengkuang, Tindakan ke atas pegawai yang menguruskan Kuarters Kerajaan, Tanah dan hotel seliaan CMI, dan Bukit Bendera.

Kita dah bincang banyak benda. Cuma tindakan tu, kadang-kadang tak berlaku lagi tapi dah minta tanah sawah ni kalau boleh didenda dengan denda yang tinggi, tindakan mahkamah disegerakan. Kalau nak buat tindakan tahan tambun tu kena buat secara bersepodu, tak boleh, tak boleh satu-satu jabatan ja pergi tapi masih belum dilaksanakan.

Jadi kalau boleh tengok balik keputusan ni, keputusan PAC ni kalau boleh diambil tindakan yang lain-lain tu dah ambil tindakan PDC dah ambil tindakan, semua dah bagi jawapan. Penjelasan tentang teguran audit dan sebagainya.

Dan yang *second last* sikit saja Dato' Speaker, isu-isu dalam kawasan Sungai Dua. Kalau saya tak bawa ni, orang Sungai Dua marah kat saya.

- (i) Isu penjaja peniaga di tepi jalan. aya dah sebut dah tadi kalau boleh tindakan perobohan dan angkut peralatan ni dikurangkan sikitlah supaya peniaga ni kalau kita tengok jangan angkut barang, bagi *warning* sahaja dulu. Dia buat lagi baru ambil tindakan. Yang pentingnya penyediaan tempat untuk dia bermiaga.
- (ii) Isu Projek RTD walaupun baru ni hujan lebat 3 hari di Sungai Dua, Tasek Gelugor tak banjir..Alhamdulillah. Tak banjir, sikit ja lagi. Itu hasil RTD yang dah dibuat di Sungai Kereh, Sungai Perai tu sikit kalau boleh masukkanlah satu, dua kawasan lagi di Sungai Dua, mungkin dikawasan Sungai Jarak ka, dikawasan Sungai Maklum ka, masukkan supaya dia ni tak akan berlaku lagi. Kalau berlaku pun tak seteruk dulu. Jadi terima kasih kalau boleh dimasukkan.
- (iii) Tentang nasib nelayan sungai. La ni sungai dah masalah nelayan sungai yang memang *full time* ataupun separuh masa tapi banyak masa di sungai tidak ada hasil lagi dah, ikan banyak mati, pencemaran sungai dan macam-macam lagi. Jadi kalau nasib nelayan sungai boleh juga diberi perhatian bersama-sama oleh pihak EXCO Pertanian tentang masalah nelayan sungai dan satu lagi kolam ikan terbiar. Kalau boleh difikirkan macam mana kita nak pulihkan kolam ikan terbiar. Tadi dok kalut nak buat ZIA tapi kolam ikan terbiar banyak di kawasan Tasek Gelugor, di Sungai Dua banyak kolam-kolam yang dibuat dulu...(gangguan).

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Banyak.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya ingat 50-60 biji ada. Jadi kalau boleh diberikan tumpuan untuk kita pulihkan kolam ikan terbiar ni. Projek *Agro Tourism* sepanjang sungai jadi kalau boleh masukkan bawah pelancongan tentang *Agro Tourism*. Kita dah buat dah, ada bot ada semua dah. Kita dah buat, kita akan buat *homestay* di kawasan itu, untuk dibangunkan *Agro Tourism* bagi 3 kawasan iaitu di Ayer Itam, Sungai Korok, Pengkalan Machang dan juga Labuh Banting.

Tanah Perkuburan saya bangkitkan lagi sekali. Masih lagi menjadi masalah di 2-3 kawasan Sungai Dua, kawasan Sungai Lokan, di kawasan banyak nanti saya akan bagi senarainya yang masih lagi memerlukan kawasan perkuburan untuk masyarakat Islam di situ. Kesesakan jalan di Sungai Dua, kalau boleh Tanjung Bunga tengok sat. pagi tadi mai pun saya jem, pagi, petang memang jem jalan tu. Saya dah cadangkan dulu kepada JKR untuk buat proposal untuk buat jalan susur, jalan asing untuk daripada Sungai Dua terus ke Nyior Sebatang. Dia tak melalui Pekan Sungai Dua dah. Kos dia agak tinggi, pengambilan tanah dan sebagainya. Kalau boleh, saya biasa bincang untuk buat jalan *one way* dan sebagainya tapi tak jadi. Jadi kalau boleh tolong tengok balik kawasan Sungai Dua yang jadi masalah.

Perumahan awam Sungai Dua yang sering banjir, rumah lama tahun 60an, longkang kecil saja. Hujan sikit ja dah banjir. Jadi pihak Majlis tolong tengok balik tentang masalah perumahan awam di Sungai Dua.

Musuh tanaman babi dan kera, ni babi hutan bukan babi bela. Babi dan kera ni banyak. Dah menjadi satu masalah dah di kawasan Sungai Dua. Di kawasan Tasek Gelugor pun sampai dia langgar orang. Baru ni mati sorang. Dia lintas, orang langgar dengan motor. Mati. Jadi babi, kera banyak, rosakkan tanaman dan sebagainya perlu cari satu inisiatif sama ada nak tembak ka, jerat ka tapi kadang-kadang pihak Perhilitan pun tak sempat nak datang.

Dan satu (1) lagi tentang projek asrama pekerja asing. Saya bangkitkan dulu kawasan Taman Telok Molek, Telok Ayer Tawar dibuat satu (1) asrama. Syarat nak buat asrama pekerja ni bukan senang. Kena ikuti syarat dia penuh. Banyak syarat yang MBSP bagi. Tapi dia ni mai ambil rumah, sewa 30 biji, ambil pekerja daripada Myanmar masuk dalam kawasan penduduk di situ. Masih lagi berlaku dan saya rasa perlu diambil tindakan sebab dia berkait dengan isu sosial dan sebagainya di kawasan Taman Telok Molek, kawasan Telok Ayer Tawar. Dan satu lagi tentang staf-staf ni. Kalau boleh pihak jabatan tolong tengok baliklah staf-staf. Saya yang kena ni staf JPS. Saya pi minta bantu tolong buat kerja dari segi parit, sungai dan sebagainya tapi staf dia tak cukup. Kekurangan staf. Anggota sokongan dia tak ada. Sorang di atas tapi di bawah dia tak ada nak bantu. Kalau boleh kaji balik keperluan staf di setiap daerah, setiap jabatan supaya dia boleh memenuhi dan melaksanakan tugas dengan baik dan menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku.

Jadi saya ingat sebagai penutupnya saya sekali lagi ucapkan terima kasih, tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri, semua jabatan agensi, semua barisan hadapan dan pentingnya semua rakyat Negeri Pulau Pinang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Mohon pencelahan Ketua Pembangkang. Pencelahan terakhir. Saya ada satu (1) soalan sajalah kepada Ketua Pembangkang. Kita nampak komposisi pembangkang di Dewan ini sudah berubah, dari tiga (3) ke tujuh (7). Dan kini nampak Parti Bersatu mempunyai empat (4) ADUN walaupun mereka lompat Bersatu. Adakah apa-apa rancangan di pihak Pembangkang untuk *plan* mendalam ataupun *plan* ke belakang untuk ambil alih jawatan Ketua Pembangkang? Sedar tak?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya tak ada masalah. Kalau depa nak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Maknanya dah ada *plan* lah?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tak tau la. Saya tak tau. Setakat yang saya tau tidak ada apa-apa perancangan. YB. Afif masih menghormati saya.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Mereka pun tak celah, bantah apa. Bermakna memang ada *plan* la.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Sangkaan buruk tu. Peraturan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Sama macam di Sabah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Peraturan ni.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Boleh, peraturan boleh kita pakai.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya tak sakit hati, dia sakit hati.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Dato' Speaker saya minta penjelasan saja.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Bagan Dalam nak *join* kah?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Hey, Seberang Jaya. Bila sampai? *Last* la bagi habis.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tahniah kepada Kerajaan Negeri, semua jabatan, barisan hadapan, semua rakyat yang terlibat dalam atau bersabar dalam kita menghadapi COVID dan kita melawan dan mengawal penularan COVID, tahniah. Terima kasih banyak kepada rakyat. Saya minta maaf lagi sekali bagi pihak mereka yang terlibat dalam mungkin balik daripada Sabah ka, apa ka. Jadi saya minta maaf lah tapi saya tak pi lah. Tapi yang balik positif tak ada pun di Pulau Pinang ni. Yang ada di Kedah sorang. Pulau Pinang ni saya tak dengar lagilah. Dan dia melibatkan bukan UMNO saja. Semua parti. Semua parti pergi untuk berkempen. Bukan kata kita saja. Jadi salah tu mai dekat UMNO ja kadang-kadang. Jadi kita rasa tak berapa kena la. Semua parti pergi. DAP pun pergi rasa.

Okey, tahniah kepada pihak PDRM yang telah berjaya merungkai dan menangkap kes-kes besar di Pulau Pinang. Kes dadah, kes MyKad dan sebagainya, kes judi haram. Judi di kawasan saya dah kurang sebab polis. Ketua Polis Daerah SPU ni agak agresif. Kelmarin pi tangkap orang tak pakai *mask* di Pantai Bersih. Dan tahniah kepada Presiden Bola Sepak Penang dan juga pasukan bola sepak dan juga semua lah, kepada YB. Soon, Bagan Jermal yang telah berjaya merangkul juara Liga Premier dan *insyaAllah* akan pi ke Liga Super. Cuma saya tengok malam tu *live*. Saya buat satu *tv*, *frust* la malam tu kalah. *Last game* kalah satu (1). Lain-lain semua menang. Tapi tahniah la. Apa pun tahniah kepada Presiden dan juga semua *team* bola sepak Pulau Pinang.

Seterusnya tahniah kepada, terima kasih kepada semua jabatan yang telah banyak membantu, Jabatan Negeri dan juga mungkin Persekutuan yang banyak membantu saya dan juga rakan-rakan lain dalam menjalankan tugas di peringkat kawasan masing-masing. Terima kasih banyak. Dan apa yang penting sebagai penutupnya saya ingin menekankan bahawa

kita perlu melihat kesejahteraan rakyat dan juga kemakmuran rakyat sebagai satu (1) benda yang *priority*, keutamaan.

Kita kena lihat ini sebagai benda yang paling penting untuk kita laksanakan. Kita buat apa benda pun kita kena lihat rakyat tu mendapat hasilnya ataupun mendapat apa yang boleh membantu dia. Dia sejahtera dalam hidup, dia boleh melaksanakan aktiviti dia tanpa masalah. Jadi itu yang paling penting. Tak payah kita tengok, kita lihat buat projek-projek yang besar tapi rakyat kita ditinggalkan. Jadi kena lihat itu. Kesejahteraan rakyat perlu diberi keutamaan yang paling penting dalam kita melaksanakan pembangunan projek di Negeri Pulau Pinang.

Dan juga alam sekitar juga perlu diberi perhatian supaya alam sekitar tidak dirosakkan, dimusnahkan kerana ini merupakan satu aset yang penting untuk kita tinggalkan. Jadi sama-sama kita doakan semoga COVID-19 ini akan berkurangan. Tak tau la hari ini berapa kes tapi kita harap ia berkurangan dan sama-sama kita jaga SOP, jaga penjarakan dan sebagainya dan kita kena jaga supaya dia tidak menular lebih luas di Pulau Pinang dan kita boleh kawal penyakit wabak COVID ni. Sama-sama kita berdoa semoga perkara ini dijawuhkan kita daripada jangkitan yang lebih besar di Negeri Pulau Pinang.

Jadi terima kasih banyak kepada rakan-rakan pembangkang, rakan-rakan Yang Berhormat, terima kasih di atas teguran, terima kasih di atas pandangan-pandangan. Saya juga minta maaf kalau ada pandangan saya yang mengguris perasaan. Ini merupakan benda yang perlu saya utarakan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga melihat benda-benda yang mungkin terlepas pandang yang boleh kita laksanakan untuk faedah dan juga kebaikan rakyat Negeri Pulau Pinang.

Saya minta maaf banyak-banyak dan saya sudahi dengan *Assalamualaikum Warahmatullahi Wa Barakatuh*.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Sungai Dua. Cuma peringatan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam Dewan ini cuma satu (1) Ketua Pembangkang saja. Dan peruntukan masa bukannya seperti Ketua Pembangkang yang telahpun saya umumkan pada hari yang pertama. Sebaik-baiknya Ahli-ahli Yang Berhormat bahas dalam tidak melebihi 20 minit dan saya akan *signal* waktu 15 minit. Silakan Air Putih.

#### **Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

*Alright*, terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya turut ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2021 yang bertemakan 'Transformasi Pemulihan Dan Ketahanan Ekonomi Ke Arah Dimensi Baru Terbilang'. Sebenarnya belanjawan ini adalah belanjawan COVID-19 ekoran daripada wabak, penularan wabak COVID-19 yang telahpun, kita boleh cakap memerangkap negara kita dalam satu kancang ekonomi yang agak mencabar sekali. Oleh itu, tidak, kita tidak dapat nafikan bahawa semua perancangan termasuk Belanjawan 2021 akan terpengaruh dengan wabak COVID-19 ini. Dan tentulah tidak luar biasa atau tidak janggal bahawa Belanjawan 2021 pun secara sebahagian besarnya merangkumi rancangan-rancangan yang telah diambil untuk menangani masalah COVID-19.

Seperti mana yang disebutkan tadi oleh saya rasa semua rakan-rakan di sini, bahawa kita perlu bersatu untuk memastikan bahawa kita dapat bersama-sama mengatasi masalah COVID-19. Dan ini adalah sesuatu usaha yang amat penting. Dan sini saya nak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah berjaya untuk memastikan bahawa Pulau Pinang adalah di antara negeri yang selamat dalam menangani COVID-19. Ini saya rasa tidak dapat dinafikan dari segi prestasi yang pun telah dicapai. Dan semua pun kita boleh lihat dalam aspek gelombang ketiga ini. Ada gelombang pertama yang mana MCO pun telah dilaksanakan, gelombang kedua yang mana ia tidak dilaksanakan dan sekarang timbul lah gelombang ketiga.

Tapi di antara negeri-negeri lain Pulau Pinang adalah boleh anggap di antara yang berjaya. Sungguhpun kami pun ada pergi ke Sabah. Banyak ADUN-ADUN ada pergi ke Sabah untuk berkempen di Sabah. Tapi tidak ada seorang pun ADUN ataupun pemimpin yang dijangkiti dengan wabak COVID-19. Ini adalah kerana semua pemimpin-pemimpin mematuhi SOP COVID-19 yang pun telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Di sini saya nak ucapan tahniah kepada semua ADUN-ADUN yang memastikan bahawa kita patuhi SOP ini. Tidak ada *double standard* ataupun masalah antara dua darjah.

Dan saya pun kena timbul bahawa reaksi daripada orang awam agaklah hangat kerana mereka anggap pemimpin-pemimpin yang tidak mematuhi SOP ini yang merupakan salah satu sebab utama mengapa gelombang ketiga ini tercetus. Dan saya rasa itu penting untuk memastikan bahawa kita bersatu untuk melawan dan mengatasi masalah COVID-19. Dan perpaduan adalah sesuatu yang amat penting. Kalau kita dipisahkan oleh kepentingan politik untuk mengatasi ataupun melawan COVID-19, saya rasa usaha ini akan gagal. Oleh sebab itu, kita perlu bekerja bersama tanpa kira apa-apa faktor baik kepentingan politik ataupun kepentingan peribadi kalau kita hendak berjaya mengatasi cabaran yang amat besar ini. Dan di sini saya kena sebut bahawa agak dikesali bahawa Kerajaan Persekutuan Perikatan Nasional apabila mereka membuat perancangan untuk melawan COVID tidak menjemput pun Kerajaan-Kerajaan Negeri daripada Pakatan Harapan termasuk Negeri Pulau Pinang untuk mengadakan sebarang perbincangan. Dan ini adalah sesuatu perkara yang kita kena sampaikan. Saya rasa secara sebulat suara oleh semua ADUN-ADUN di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Tak kira parti, supaya apabila kita berbincang tentang sesuatu cabaran ataupun sesuatu penyakit yang begitu serius ini. Tidak harus ada sebarang pengasingan. Semua Kerajaan Negeri mesti jemput untuk berbincang secara bersama dengan Perdana Menteri dan juga Kerajaan Persekutuan. Tidak boleh mengasingkan ataupun menggugurkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan semata-mata kerana mereka bukanlah daripada parti yang sama. Dan ini sesuatu yang tidak harus dibenarkan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Mohon mencelrah.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Sila.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Air Putih dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Padang Kota. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dijemput untuk membincangkan perkara berkaitan COVID-19 dengan Kerajaan Pusat? Terima kasih.

**YAB. Ketua Menteri:**

Memang setelah bantahan pada peringkat awal, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dijemput. Setakat ini cuma empat (4) kali sahaja. Dan sudah beberapa bulan tak dijemput.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Air Putih, *I think just* nak jelaskan sedikit sahaja. Mungkin rakan saya daripada Permatang Berangan tak sedar, mesyuarat pertama, peta Malaysia, dia keluarkan Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan. Boleh rujuk di Facebook, masih ada lagi.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Saya rasa mungkin Yang Berhormat Permatang Berangan boleh dapat maklumat yang terkinilah supaya tidak ketinggalan. Kerana...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan sikit. Sedarkah bahawanya di Negeri Pulau Pinang, Ketua Pembangkang telah juga dijemput untuk membincangkan perkara-perkara berkenaan dengan COVID-19. Ini

telah menunjuk bahawa macam mana konsisten dan amat prihatin, tidak ambil kira bangsa, agama, parti atau hanya kepentingan warga Pulau Pinang. *We have done and show them.*

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada EXCO. Jelas sekali, ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan Negeri, kita cakap serupa bikin. Bila kita cakap nak bersatu, kita menjemput semua sekali. Tidak ada sebarang pengasingan. Bukan macam itu, apa ini, itu Kerajaan Persekutuan, Perikatan Nasional yang main pecah dan perintah. Itu sesuatu yang tidak harus dibenarkan dalam keadaan wabak COVID-19 yang begitu mencabar ini. So kita harap bahawa perkara ini harus disampaikan, bukan sahaja oleh pihak kami tetapi juga oleh pihak Parti Pembangkang. Kerana masalah COVID ini dia tidak mengenal parti politik. Tak kira anda daripada UMNOkah, atau BERSATU, kalau kena, kenalah. Mengapa perlu ada diskriminasi sedemikian? Ia tidak harus dibenarkan.

Sama juga bila kita sebut tentang pematuhan SOP COVID-19, ia harus dipatuhi oleh semua. Dan kita lihat di Pulau Pinang, sungguhpun sekarang Seberang Jaya, dia duduk di sebelah sana tapi beliau adalah sebagai seorang doktor, dia patuhi SOP. Betul tak? Dia patuhi SOP bukan macam rakan-rakannya di Putrajaya, tak patuhi. Itu yang jadi masalah. Ah! saya nak bagi satu contoh. Saya pakai gelang putih selepas gelang pengawasan berwarna putih selepas saya kembali daripada Sabah. 26 saya kembali, 27 saya ambil ujian COVID, negatif. Saya ambil sebanyak tiga (3) kali. Ketiga-tiga kali negatif. Kita bukan nak lawan siapa ambil ambillah. Tapi di sini kita lihat semua ADUN di sini patuhi SOP bukan macam menteri-menteri di Putrajaya yang tak patuhi. Yang sepatutnya kuarantin kendiri di rumah, tak buat. Boleh pergi merayau-rayau di semua tempat. Dan bila didenda hanya denda manja RM1,000.00. Sedangkan orang biasa, denda dihadapkan ke mahkamah, makcik tua, dihadapkan ke mahkamah dan didenda RM8,000.00. Itu sesuatu yang membuat rakyat amat tidak puashati. Mengapa ada *double standard* sedemikian? Dan kerana ada *double standard* sedemikian, rakyat rasa gelombang ketiga menjadi lebih serius. Kalau kita bandingkan dengan apa yang berlaku dekat Pulau Pinang, bila kita patuhi, ikut apa yang digariskan oleh KKM, yang menjalankan tugas secara profesional, kita ikut. Sungguhpun Perdana Menteri tak pakai gelang pengawasan berwarna putih, saya pakai. Saya turut patuhi juga. Sungguhpun ada *double standard*. So itulah sebabnya...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti, Air Putih nanti. Saya nak Perai, Yang Berhormat Perai. Yang Berhormat Perai cepat-cepat pakai.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kat tepi dok tutup, tepi tak pakai tak boleh.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Dia nak jaga keselamatan saya. So itu, itu adalah sebabnya penting bahawa kita bersatu. Yang pertama, kita bersatu. Bersatu bersama melawan COVID-19. Tak ada unsur-unsur politik, tak ada diskriminasi di antara negeri-negeri. Ini yang pertama. Sama seperti yang dijelaskan bila kita pun menjemput Yang Berhormat Ketua Pembangkang untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat sedemikian. Kalau Yang Berhormat Seberang Jaya nak hadir pun saya rasa boleh dijemput juga. Tak jadi masalah. Ini yang pertama. Kedua, mesti patuhi SOP KKM. Ini semua diakur, ini semua diakuri oleh ADUN-ADUN di sini. Mengapa tidak boleh dilaksanakan di seluruh negara? Dan saya sebut perkara ini penting kerana kalau kita nak buat sesuatu langkah ataupun garis panduan, buatlah rundingan dengan negeri-negeri tersebut. PKPB ataupun *Conditional MCO*, PKPB...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya mohon laluan Yang Berhormat Air Putih.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Sekejap, saya akan bagi. Saya habiskan ini dulu. PKPB juga telah dilaksanakan di empat (4) negeri termasuk Sabah, KL, Putrajaya dan juga Selangor. Tanpa rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Dan itulah yang membuatkan kita semua runsing dan risau. Mengapa perkara ini boleh dibuat tanpa perundingan dengan Kerajaan Negeri tersebut. Ini sesuatu yang tidak harus dilakukan. Sila.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih Yang Berhormat Air Putih. Saya tertarik untuk bertanya kepada Yang Berhormat Air Putih untuk bersetuju dengan saya kerana sepanjang tempoh waktu PKP tempoh hari, waktu yang sama juga dalam sekitar bulan 5 itu saya telah dikeluarkan daripada sebagai ADUN Kerajaan dan ketika itu juga peruntukan saya yang saya gunakan untuk membantu rakyat di kawasan saya telah dinafikan untuk membantu rakyat ketika tempoh PKP. Saya gembira Yang Berhormat Air Putih menyebut tentang bagaimana kita harus bekerjasama, harus bersatu, yang lepas, lepas, bolehkah Yang Berhormat setuju dengan saya sekiranya Yang Berhormat Air Putih kata kita mahu bergerak bersama, bersatu, semua Yang Berhormat Pembangkang ini diberikan jumlah peruntukan yang sama dengan ADUN-ADUN terima sempena tahun kita berhadapan dengan COVID ini. Yang Berhormat?

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Bagilah di peringkat Persekutuan dulu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):**

Yang Berhormat, saya sebut ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

So disinilah yang saya sebut, jangan ada *double standard*...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya faham Yang Berhormat. Yang Berhormat ada dua *role*. Ahli Parlimen dan juga ADUN di Pulau Pinang. Saya bercakap ni atas kapasiti saya sebagai ADUN, kalau betul Yang Berhormat ambil semangat tadi untuk bersatu untuk bergerak bersama-sama untuk kepentingan rakyat Negeri Pulau Pinang, saya cadangkan kepada Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat boleh setuju dengan saya supaya Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri salurkan peruntukan yang sama kepada semua ADUN-ADUN yang ada dalam ni sebanyak 40 orang kerana kita nak salurkan ini untuk bantu rakyat. Bukan untuk bantu siapa pun. Untuk bantu rakyat Pulau Pinang tanpa mengira parti politik. Yang Berhormat?

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Ya. Yang Berhormat Seberang Jaya boleh gunakan alasan dan juga hujah-hujah yang sama di peringkat Kerajaan Persekutuan. Saya rasa Yang Berhormat Seberang Jaya pun boleh ingat, semasa menjadi Ahli EXCO saya, bahawa kami telahpun memulakan, Kerajaan Negeri pertama yang memulakan, memberikan peruntukan kepada ADUN-ADUN daripada Parti Pembangkang tetapi mereka tolak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya setuju, saya setuju. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Air Putih cuma...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

*Wait, ya, ya.* Bagi saya habis dulu. Saya akan bagi, bagi saya habis dulu, saya akan bagi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

Air Putih minta laluan.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Ya, ya. Sekejap, saya habis hujah ini dahulu. Saya nanti saya akan bagi.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

Tak saya nak sentuh pasal bantuan untuk musim COVID ini, setahu saya Kerajaan Negeri telah salurkan RM30,000.00 kepada semua ADUN tak kira Pembangkang ataupun Kerajaan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Dato' Speaker, saya faham, tadi saya sebut waktu tempoh COVID, waktu tu jugalah peruntukan kami berempat ini ditarik balik. Tapi tak apa kita terima, *Alhamdulillah*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus memanggil kami berjumpa dan memaklumkan tak apa, Kerajaan Persekutuan akan bantu kerana dah ditarik balik daripada Kerajaan Negeri punya peruntukan untuk bantu rakyat di bawah. *Alhamdulilah* kita terima.

Tapi saya mengambil semangat daripada apa Yang Berhormat Air Putih sebut tadi, dengan begitu *philosophical* nya, begitu berbesar hatinya, saya rasa ini satu cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Unless memang Kerajaan Negeri tak ada niat seperti itu, saya mencadangkan semua ADUN ini terima peruntukan yang sama untuk tahun ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Seberang Jaya, nak minta Perdana Menteri bagi untuk kami juga.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):**

Nak dekat pilihanraya nanti tak apa, boleh tarik balik.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Seberang Jaya, bagi contoh dari Persekutuan dululah.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya minta Yang Berhormat Air Putih mungkin boleh sama-sama mencadangkan satu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Perdana Menteri kena bagi untuk kami juga. Tak adillah macam tu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Cadangan ini, tak, *we are talking in* Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang kerajaan di sini di belah sana, bukan belah sini.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

*And Parlimen is the Federal Government of Malaysia, can't you remember that?* Bagilah contoh dari Persekutuan dahulu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

*It's Federal Government.* Yang itu Yang Berhormat...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila yang lain jangan mengganggu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang itu Yang Berhormat Air Putih boleh bangkitkan sebagai Ahli Parlimen Bagan di Parlimen. Saya setuju Yang Berhormat Ahli Parlimen Bagan boleh bangkitkan di peringkat Persekutuan dan saya akan sokong cadangan ini dalam *Twitter* saya sebab saya tak ada dalam Parlimen. Tapi kalau di peringkat Pulau Pinang saya ingat Yang Berhormat Air Putih boleh bersetuju dengan saya bahawa ADUN-ADUN Pembangkang pun boleh terima peruntukan yang sama macam ADUN-ADUN Kerajaan terima...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Berapa Seberang Jaya terima daripada Perdana Menteri?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):**

Di Pulau Pinang.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Air Putih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Air Putih, minta beri laluan. Dato' Speaker.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya cuma nak ingatkan Air Putih juga, tak ada masa yang begitu banyak untuk dibahaskan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Sikit sahaja, saya cuma nak sentuh.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Sila, sila, sila.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Seberang Jaya, Sungai Aceh, saya cuma nak ingatkan bahawa jangan lupa, kita ada ADUN Angkat dekat kawasan Seberang Jaya dan Sungai Aceh. ADUN Angkat mempunyai peruntukan untuk beri kepada, kebajikan kepada rakyat tempatan. Di sini, Bukit Tambun sebagai ADUN Angkat Sungai Aceh.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Maknanya Yang Berhormat ADUN Jawi setuju, maknanya Kerajaan Negeri pun ambil keputusan politik. Maknanya Kerajaan Negeri pun dalam isu COVID ni pun guna juga pendirian dan juga...(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Tapi jangan lupa, kalau parti-parti lain, kalau politik sebagai pembangkang, jadi macam inilah...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang lain semua duduk. Seberang Jaya pun duduk. Isu ini saya hendak henti di sini.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Seberang Jaya jangan lupa, kamu adalah pembangkang di negeri. Kita ada ADUN Angkat.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cukup jelaskah. Isu ini cukup jelas, Air Putih sila sambung.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Dato' Speaker, saya minta dia tarik balik.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah cukup jelas isu ini. Pun telah didengar. Sila Air Putih.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Ya. Kerajaan Negeri pun telah menunjukkan komitmen mereka bila telah menyalurkan RM30,000.00 kepada semua ADUN. Kalau inipun tak faham, susahlah. Bahawa inipun tidak diikuti oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Sekiranya ada kejujuran dan keikhlasan di sini, patutlah kita sebut secara permulaan, duduk, duduk dulu, secara permulaan, bagilah semua bantuan COVID-19 yang diberikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan kepada semua Ahli Parlimen kerana ini COVID-19. Sama seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. *Do it as a first step.* Buat ini sebagai langkah pertama. Kalau ini langkah pertama tidak dibuat, semua kita bagi tapi anda tak bagi, hanya terima sahaja, mana adil. Kita pun dah tunjuk keikhlasan dan komitmen...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):**

Yang Berhormat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Duduk, duduk, duduk, duduk dulu. Bagi saya habis. Kita, Kerajaan Negeri telahpun tunjukkan komitmen dan keikhlasan dengan memberikan peruntukan sedemikian. Dan seperti yang saya sebutkan tadi pun bahawa Negeri Pulau Pinang adalah Kerajaan Negeri pertama yang telah luluskan RM40,000.00 kepada semua ADUN-ADUN Pembangkang pada masa itu. Dan saya masih ingat Yang Berhormat bercakap begitu lantang sekali, mengatakan begitu baik, macam mana baik langkah ini untuk menunjukkan bahawa bersikap adil juga kepada Ahli-Ahli Pembangkang. So di sini saya rasa, nak lagi?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seberang Jaya, Seberang Jaya, dengar sini. Kalau isu yang sama, tidak perlulah.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Saya patuhi Speaker.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):**

Saya nak jelaskan...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Isu yang sama tak perlu. Tau sama taulah.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Dah jelas kan perkara ini? Dah jelas? Okey. Saya harap bahawa perkara ini boleh disampaikan oleh Yang Berhormat Seberang Jaya kepada Putrajaya.

Tentang bajet ini, sungguhpun dalam unjuran Belanjawan 2021, anggaran defisit adalah sebanyak RM403 juta. Tetapi memang ia perlu untuk memastikan bahawa sebaik yang boleh kita dirikan satu jaringan keselamatan atau *safety net* kepada sektor-sektor yang menghadapi masalah pasca COVID-19. Kita pun tahu bahawa impak ekonomi agak teruk sekali. Dengan pengucupan pertumbuhan ekonomi, GDP sebanyak 17.1% untuk suku kedua iaitu prestasi yang paling teruk di negara-negara ASEAN. Adalah perlu bahawa perbelanjaan defisit ini dijalankan. Sungguhpun kita tahu dari segi belanjawan ini adalah sesuatu yang amat mencabar tapi kerana kita menghadapi satu keadaan apa yang disebut "*once in a lifetime*" yang tidak akan berulang lagi, adalah perlu bahawa kita belanja untuk menyelamatkan sejauh mana yang boleh, pekerjaan dan juga perniagaan-perniagaan.

Dan di sini tentu saya hendak sebut di sini, ini satu topik yang saya sangat dekat dalam hati saya bahawa pihak Kerajaan Persekutuan pun harus pertimbangkan untuk lanjutkan moratorium pinjaman bank enam (6) bulan lagi khususnya bila kita menghadapi gelombang ke tiga kalau tidak lebih banyak pekerjaan dan juga perniagaan akan kehilangan. Saya percaya Yang Berhormat Seberang Jaya akan setuju dengan cadangan sedemikian.

Di sini adalah penting juga bila kita sebut tentang pembangunan ekonomi, kita kena menerima hakikat bahawa Negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri industri di mana lebih 95% GDP adalah terdiri dari sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan. 50% sektor perkhidmatan 45% sektor pembuatan dan pertumbuhan ekonomi ataupun prospek ekonomi di Negeri Pulau Pinang akan terjejas apabila kedua-dua sektor ini mendapat impak negatif khususnya daripada COVID-19.

Kita tahu bahawa sektor pelancongan sekarang menghadapi detik yang amat membimbangkan dan tentu usaha telah dibuat untuk lihat macam mana boleh membantu mereka. Untuk sektor pembuatan sungguh pun pada tahun 2019, dengan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan, Pulau Pinang mencatat pelaburan yang paling tinggi sebanyak RM16 bilion tetapi kita boleh lihat impak dari segi pertumbuhan ekonomi memakan masa untuk memastikan bahawa faedah dan manfaat dapat dirasai di peringkat bawah.

Pada 2019 pertumbuhan ekonomi untuk Pulau Pinang adalah 3.8% berbanding dengan pertumbuhan negara sebanyak 4.3%. Ini harus mendapat perhatian kerana biasanya pertumbuhan ekonomi adalah lebih daripada pertumbuhan negara tetapi kita tahu dalam keadaan-keadaan khusus ini tentu pertumbuhan ekonomi agak terjejas sedikit dan kita harap dengan pelaburan RM16 bilion yang masuk pada tahun lepas, ia akan sedikit sebanyak membantu untuk mengurangkan ataupun meminimalkan kesan negatif daripada bukan sahaja pertumbuhan ekonomi global yang lembab tetapi juga daripada impak COVID-19 dan perkara ini saya percaya akan diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri.

Di samping itu, adalah penting bahawa satu sumber utama untuk memastikan pelaburan masuk ke negeri Pulau Pinang adalah tanah industri yang mencukupi. Di sini saya harap bahawa pihak kerajaan boleh memberikan makumat tentang satu pinjaman yang diperolehi daripada CIMB RM1.5 bilion untuk melabur membuka tanah-tanah industri supaya kita dapat menarik lebih banyak pelaburan ke Pulau Pinang. Apakah kedudukan atau apakah tanah yang telahpun dibuka supaya dapat menarik pelabur-pelabur sedemikian?

YB. Dato' Yang di-Pertua, satu lagi isu yang penting untuk pelabur ialah air. Kerana untuk sektor pembuatan bekalan air adalah penting sekali, di sini saya juga ingin mendapat sedikit status atau pun laporan status kemajuan tentang perbincangan dengan Negeri Perak tentang Sungai Perak *raw water scheme*....(dengan izin). Apakah kedudukannya? Sungguh pun kita tahu bahawa bekalan air di Pulau Pinang masih mencukupi kalau kita lihat unjuran yang dibuat ialah memadai sampai 2030 tentulah PBA bila kita bincang dengan Pengurus Besar dia selalu menggunakan satu senario yang spesifik dia cakap mungkin sampai 2025 tetapi dengan Empangan Mengkuang memang ia mencukupi sampai 2030. Tetapi untuk menjaminkan bahawa pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang dapatlah diteruskan adalah amat penting bahawa masalah bekalan air yang mencukupi mesti diatasi, mesti diselesaikan supaya pelabur yakin bahawa bekalan air boleh berterusan sehingga bukan sahaja 2030 tetapi sampai 2050.

Itulah satu tugas yang amat berat untuk memastikan dan menjaminkan masa depan anak-anak kita dan usaha sedang dibuat sebelum ini di antara pihak Kerajaan Negeri dan pihak Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan skim pembinaan air Sungai Perak di sempadan Perak dengan Pulau Pinang. Kita harap bahawa perkara ini dapatlah sokongan dari semua pihak termasuklah parti pembangkang supaya kita dapat jaminkan bekalan air yang mencukupi. Pulau Pinang adalah di antara negeri-negeri yang bernasib baik kerana tidak ada masalah air dan tidak pernah ada catuan air dalam sejarah Malaysia, satu-satu negeri di Malaysia yang tidak pernah ada catuan air. Ini adalah kerana pengurusan yang profesional. Sungguh pun kita lihat daripada hujan itu jumlah atau *volume* hujan yang diterima di Pulau

Pinang tidaklah seperti negeri-negeri lain tetapi kerana pengurusan yang cekap dan profesional ini maka Pulau Pinang tidak ada masalah air seperti di negeri-negeri lain dan kita boleh lihat banyak pelaburan telahpun dibuat.

Bukan sahaja dari segi membina empangan untuk menyimpan air tetapi juga dari aspek masak air paip, membina itu loji rawatan dan juga stesen-stesen pam (*pumping stesen*) supaya air tekanan air mencukupi dapat sampai ke kediaman-kediaman dan ini amat penting untuk Negeri Pulau Pinang kerana banyak sebahagian besar daripada penduduk Pulau Pinang duduk dalam rumah pangsa tanpa tekanan air yang mencukupi, sungguh pun ada air pun tak guna kerana air tidak akan sampai ke rumah pangsa dan semua ini telah pun diambil kira iaitu dengan ringkas memastikan bahawa pengurusan perbekalan air dan juga pengurusan permeteran air dapatlah ditangani dengan sebaik-baiknya di sini saya harap bahawa sekarang kita boleh lihat dari segi pengurusan dan kita lihat dari segi bekalan air semuanya teratur tapi perlunya kita pastikan air mentah yang mencukupi dapat terus disalurkan....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Air Putih, sudah lebih 20 minit walaupun ada gangguan kecederaan termasuk....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

So ada sikit masa lagi. Saya pun nak sebut tentang isu-isu berkaitan dengan cabaran yang kita hadapi dengan perbelanjaan yang begitu besar dengan defisit belanjawan adalah penting bahawa untuk kita menjemput juga pihak swasta bersama-sama untuk membangunkan dan melabur dalam projek-projek di Pulau Pinang dan di sini saya ingin mensyorkan bahawa *Public Private Partnership (PPP)* ini diterima pakai atau dipromosikan supaya kita dapat bukan sahaja pelaburan tetapi juga pengurusan yang berpakaran untuk menjayakan program-program tersebut.

Tentu ada banyak program yang telah pun dijalankan yang telah berjaya dan saya tidak bercadang untuk menyatakan secara panjang lebar tetapi saya pun ingin sekali lagi memuji Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana dalam semua rancangan tersebut terus mengamalkan sistem tender terbuka dan ini sesuatu yang amat penting bukan sahaja untuk akauntabiliti dan ketelusan tetapi untuk memastikan kita dapat nilai yang maksimum dan juga sebaik-baiknya.

Saya juga ingin sebut tentang AES, yang sekarang telahpun diberikan nama baru Bantuan Agenda Ekonomi Saksama yang telah dimulakan dalam masa saya menjadi Ketua Menteri di mana kita bayar bantuan RM790 sebulan kepada mereka yang dalam golongan miskin tegar dan saya difahamkan telahpun dinaikkan kepada RM1,300 ini adalah sesuatu bayaran yang saya rasa paling tinggi di seluruh Malaysia dan harus mendapat sokongan dari semua pihak supaya kita berikan bantuan kepada keluarga-keluarga miskin. Di sini boleh sebut bahawa Pulau Pinang memang tidak ada miskin tegar sejak Pakatan Harapan menjadi Kerajaan Negeri di Pulau Pinang dan ini adalah hasil daripada Program Bantuan Agenda Ekonomi Saksama.

Dato' Yang di-Pertua, dalam keadaan sedemikian kita nak bantu mereka yang daif, mereka yang lemah, mereka yang perlukan bantuan, jangan lupa juga golongan-golongan dalam kelas pertengahan dan disini saya harap bahawa pihak Kerajaan Negeri boleh menimbang untuk menangguhkan kenaikan cukai pintu, sungguhpun perkara ini pun akan dibincangkan pada tahun depan, oleh kerana kedudukan pasca COVID-19 harap perkara ini dapat diberikan perhatian.

Satu lagi perkara yang harus diberikan perhatian ialah tentang RIBI, kita tahu bahawa YAB. Ketua Menteri telah menyatakan bahawa peruntukan untuk Hal Ehwal Islam telah dinaikkan sebanyak RM64 juta tetapi disini kita lihat dari segi peruntukan untuk Hal Ehwal Bukan Islam pada tahun 2019 sebanyak RM3.6 juta. Kita harap bahawa perkara ini pun boleh

diberikan perhatian kerana dalam keadaan pasca COVID semua aktiviti dan juga Rumah Ibadat Bukan Islam pun menghadapi cabaran untuk mendapat dana dalam aspek ini harap bahawa pihak Kerajaan Negeri boleh memberikan perhatian yang sewajarnya.

Saya turut juga ingin mengucapkan tahniah kepada YB. Timbalan Speaker sebagai Presiden FAP kerana telah berjaya menjadi juara Liga Premier dan mendapat naik pangkat kepada *Super League*, kita semua harap pihak pembangkang pun setuju bahawa pada tahun depan mereka turut akan mengecapi kejayaan, harap akan teruskekalkanlah, jangan satu tahun dekat *Super League* lepas itu balik ke Liga Premier. Kalau untuk memastikan boleh terus kekal perlu dapat bantuan kewangan daripada pihak Kerajaan Negeri. Tadi YB. Timbalan Speaker ada bisik sama saya tapi di sini saya cadangkan beliau untuk bincang dengan pihak Ketua Menteri, tentu kita akan sokong tetapi lihat kepada keadaan ekonomi sedia ada saya percaya YAB. Ketua Menteri akan bantu mengikut kemampuan Kerajaan Negeri dah tentu semua ADUN akan sokong tetapi janganlah belanja lebih-lebih kerana dalam keadaan ekonomi yang mencabar sekarang bukan mudah untuk dapat sumber kewangan tetapi memang sokongan harus diberikan supaya Pulau Pinang bole terus kekal dalam *Super League*.

Di samping itu, kita harap juga bahawa bantuan ataupun dana boleh disalurkan untuk aktiviti-aktiviti sukan rakyat seperti sepak takraw, bola keranjang ataupun ping pong. Ini adalah perlu supaya kita gunakan sukan sebagai satu wadah untuk menyatu padukan rakyat, perkara ini amat penting dan di Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang unik. Kita tak mau lihat ada sebarang diskriminasi berdasarkan kaum ataupun pengasingan berdasarkan kaum.

Kerajaan Negeri mahu mewakili semua rakyat Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mahu hanya mewakili hanya satu bangsa satu agama, kita nak bina satu negara bukan bina satu kaum atau satu agama sahaja dan ini adalah penting mengikut Perlembagaan Persekutuan dan itulah sebabnya kita lihat belanjawan ini, peruntukan yang lebih diberikan kepada Agama Islam sesuai dengan kedudukannya dalam Perlembagaan Persekutuan tetapi jangan ada usaha untuk memperkotak-katikkan agama-agama lain. Itu adalah satu amalan dan budaya yang tidak sihat jangan menimbulkan kebencian kepada bangsa-bangsa lain. Ini bukanlah budaya dan juga bukanlah amalan dan cara hidup rakyat Pulau Pinang selama ini. Kita harus bangga dengan Pulau Pinang sebagai satu tapak warisan dunia UNESCO di mana keharmonian dan juga dalam masyarakat majmuk yang bersatu padu menjadi satu sifat dan ciri utama mengapa George Town dinobatkan sebagai Tapak Warisan Dunia Antarabangsa, UNESCO.

Janganlah kita cuba oleh kerana kepentingan politik yang sempit, cuba memecah belahkan rakyat dengan sentimen-sentimen yang tidak sihat ini. Saya seru kepada semua pihak, kalau kita pecah belahkan rakyat, apa yang kita dapat? Kita semua akan rugi bersama. Kita lihat COVID-19 adalah contoh yang paling jelas sekali. Bila cuba membuat sesuatu keputusan mengikut kepentingan politik, yang rugi akhirnya rakyat. So, itulah saya rasa satu iktibar kepada semua pihak supaya kita harus bersatu padu, janganlah kita juga cuba mainkan sentimen-sentimen politik dalam masa yang amat mencabar ini.

YB. Dato' Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin timbulkan adalah berkaitan dengan usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan pendidikan yang *excellent* atau pendidikan sebagai satu jentera penggerak ekonomi masa depan. Kalau kita hendak ekonomi Negeri Pulau Pinang maju, adalah penting kita dapat memupuk sumber manusia kita dan oleh itu usaha-usaha yang dijalankan seperti *Penang Digital Library*, seperti *Max Learning Centre* ini harus diteruskan dan saya hendak nyatakan sokongan kepada usaha ini kerana ia adalah amat penting untuk masa depan kita. Ini telah dimulakan dan haruslah diteruskan dan saya amat gembira bahawa sayap kedua *Penang Digital Library* di Butterworth akan dirasmikan tidak berapa lama lagi, seharusnya dirasmikan lebih awal tetapi oleh kerana COVID-19, ia telah ditangguhkan berkali-kali. Ia harus menjadi satu contoh macam mana kita boleh beri galakkan bukan sahaja pastikan pendidikan yang terbaik tetapi pada masa yang sama membolehkan anak-anak kita mengikuti *trend* terkini dalam pembangunan teknologi. Ini bukan

sekadar 4G tetapi juga merangkumi 5G dan tentu dalam perkara ini Kerajaan Persekutuan pun telah mengikuti contoh yang dimulakan Pulau Pinang dengan mendirikan *Digital Library* di Alor Setar dan juga di Ipoh.

Kita harap ini dapat diteruskan kerana ini dalam dasar Kerajaan Persekutuan sekarang, saya rasa Kerajaan Persekutuan tidak akan melabur pembinaan *Digital Library* di Pulau Pinang kecuali mungkin di kawasan Sungai Dua, mungkin boleh mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan boleh bina satu *Penang Digital Library* di Sungai Dua dan tentu saya percaya Kerajaan Negeri akan memberikan sokongan untuk memastikan dari segi software dapatlah dibina dengan penuh lengkap sekali.

Ini amat penting untuk anak-anak kita, ini bukan isu politik. Ini adalah isu pendidikan dan saya rasa kalau kita boleh bina lebih banyak *digital library* atau perpustakaan digital ini akan menguntungkan anak-anak kita dan saya harap bahawa Ketua Pembangkang boleh buat permohonan kepada pihak Kerajaan Persekutuan kerana kalau kita lihat pembangunan bukan sekadar jalan sahaja tetapi dari aspek kelengkapan pendidikan itulah yang amat penting.

So, di sini saya sekali lagi ingin menyatakan sokongan kepada belanjawan kali ini dan tentu ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak khususnya kepada *frontlines* di Kementerian Kesihatan. Usaha mereka saya rasa harus, bukan saja disokong tetapi juga dipuji kerana mereka mengambil risiko yang tinggi untuk menghadapi penyakit COVID-19 demi memastikan bahawa keselamatan dan kesihatan awam dapat terus dijaga dan dikekalkan dan tentu saya percaya Kerajaan Negeri telah memberikan semua bantuan yang mereka perlukan dan saya hendak mengakhiri ucapan saya dengan sekali lagi menyeru semua pihak dalam menghadapi masalah COVID-19, marilah kita bersatu untuk mengalahkannya.

Ini bukan masanya untuk kita berpecah belah, ini bukan masanya kita adakan pilihan raya umum seperti mana yang disebut-sebut di Putrajaya dan YAB. Ketua Menteri juga sudah sebut bahawa Kerajaan Negeri tidak akan ikut sekiranya Dewan dibubar, Negeri Pulau Pinang tidak akan bubar Dewan kerana kita tidak mahu mendedahkan rakyat kepada risiko COVID-19 dan ini saya rasa amat penting. Adakan rundingan secara bersama supaya kita dapat sama-sama berjaya mengalahkan COVID-19, ia adalah musuh sebenar. Bukanlah parti-parti politik antara satu sama lain. COVID-19 adalah musuh sebenar, kalau kita boleh menerima hakikat ini saya rasa rakyat akan lebih sihat dan selamat. Sekian, terima kasih.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Air Putih. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan untuk berhenti rehat dan kita sambung pada jam 2.30 petang nanti.

*Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 tengah hari.*

**Dewan bersambung semula pada jam 2.30 petang.**

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Kita masih dalam sesi perbahasan dan Yang Berhormat yang nak berbahas, boleh berbahas. Yang Berhormat dari Bukit Tengah.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Terima kasih Timbalan Speaker untuk memberi saya peluang mengambil bahagian dalam perbahasan perbelanjawan negeri untuk Tahun 2021 yang bertema Transformasi, Pemulihan dan Ketahanan Ekonomi Ke Arah Dimensi Baru Terbilang.

Dato' Speaker, Bajet 2021 ini dibentangkan dalam masa yang cukup luar biasa dan mencabar. Tahun ini merupakan tahun yang sangat luar biasa dan diluar jangkaan kita semua yang saya percaya sudah tentu kita akan ingat dan tidak lupa tahun ini, sepanjang hayat kita. Kita sekarang ini seolah-olah dalam berkeadaan berperang. Sejak daripada bermula tahun ini Dato' Speaker, seluruh negara kita, negeri kita, rakyat kita, sedang diuji *as never before....(dengan izin)* yang tidak berlaku sebelum ini dalam masa yang agak sukar ini.

Penularan Wabak Covid 19 pandemik ini, ia telah pun membawa kesan yang cukup *profound....(dengan izin)* kepada cara kita menghidup kepada cara kita bekerja, cara kita berinteraksi dengan satu sama lain dan penukaran dan perubahan-perubahan ini yang kita kini memanggil sebagai *new norma* adalah akan berada dengan kita untuk satu masa yang lama. Kita sekarang (dengan izin)....*we are not out of the woods yet* Dato' Speaker, *not definitely, certainly in the near procurable future*. Dalam negara-negara lain, mereka sedang mengalami dan melalui gelombang yang kedua dan ketiga dengan peningkatan kes di seluruh dunia.

Di Malaysia juga kita baru-baru ini melihat kes COVID sedang meningkat. Semalam sahaja kita melihat dilaporkan 563 kes baru dilaporkan dan di Pulau Pinang sahaja dengan ada kluster Penjara Reman, 141 kes baru. Dan juga diumumkan semalam bahawa *Conditional MCO* telahpun dan akan dilaksanakan di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan seluruh Sabah bermula daripada 13 Oktober.

Dalam laporan terbaru majalah *The Economist*, dalam menjelaskan kesan *the knock on effect of this pandemic* ia dilaporkan sebagai *seismic* seperti seolah satu *earthquake*. Dilaporkan bahawa angka-angka pengangguran, *unemployment* di Amerika sahaja tidak pernah melihat begitu ramai orang kehilangan kerja sejak 50 tahun dahulu dan dalam *second quarter* ini, dilaporkan dalam *The Economist*, 1.6 daripada orang muda di seluruh dunia akan kehilangan kerja mereka, Dato' Speaker. *World Bank* menjangka membuat jangkaan bahawa *low and middle income economist* akan menguncup pada kali yang pertama dalam 60 tahun, Dato' Speaker.

Dan seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri semalam, *World Bank* juga meramalkan ekonomi Malaysia akan menguncup sebanyak 3.1%. 89 juta orang di seluruh dunia akan menjadi menganggur atau mengalami kemiskinan tegar *and* ada macam-macam lagi *effects* dan kesan kepada sekolah-sekolah, penutupan sekolah yang akan dilaporkan di sini yang akan mungkin berlaku untuk berdekad-dekad yang akan datang dan juga *the damage* yang akan berlaku kepada *mental health* disebabkan *lock down*, Dato' Speaker.

Walaupun laporan-laporan yang negatif, yang *grim* ini yang cukup gelap dan hitam ini yang sedang berlaku di merata-rata dunia tetapi kita di Malaysia saya rasa agak bertuah. The *infections and the rate infection* tidaklah begitu besar kalau dibandingkan dengan negara-

negara lain. Ini disebabkan saya percaya tindakan yang cepat dan awal yang diambil oleh kerajaan kita untuk melaksanakan SOP-SOP dan juga kerjasama rakyat dalam melaksanakan SOP ini.

Kita tidak lupa seperti yang telahpun diucap oleh beberapa Adun termasuk Ketua Menteri berkenaan dengan *frontlines* kita, barisan hadapan, doktor-doktor, *nurses*, pihak polis, bomba, pihak berkuasa daripada Kerajaan Tempatan dan lain-lain lagi *personnel-personnel* daripada jabatan-jabatan kerajaan, guru-guru dan kita juga jangan lupa kepada orang-orang yang buat kerja-kerja yang begitu penting sekali seperti pembersihan, *the cleaners* yang telahpun membolehkan Kerajaan kita melaksanakan SOP-SOP ini demi kesihatan, keselamatan kesihatan rakyat dan juga untuk memastikan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan penting Kerajaan dapat dilaksanakan. Saya ingin *pay tribute and salute* kepada orang-orang, kepada pegawai-pegawai penjawat awam yang saya telahpun sebutkan tadi atas kerja dan pengorbanan mereka. Syabas kepada Kerajaan Negeri meluluskan bayaran bantuan khas kepada barisan penjawat awam sebagai tanda penghargaan, pengorbanan mereka sebagai petugas barisan hadapan.

Dalam keadaan berperang krisis yang kita lihat ini, ia juga telah membawa kita juga melihat bahawa krisis ini telahpun membawa ciri-ciri yang terbaik daripada rakyat kita. Kita melihat golongan-golongan individu-individu, syarikat-syarikat yang keluar untuk membantu menyumbang menderma duit, makanan, *equipment PPE*, topeng muka dan sebagainya. Di dalam kawasan saya sahaja Tuan Speaker, kawasan saya sahaja memang kita mendapat derma-derma, kutipan daripada pihak swasta sehingga kita dapat memberi sumbangan makanan dan keperluan semasa MCO *literally* kepada beribu-ribu keluarga dalam kawasan saya sahaja dan bukan sahaja begitu. Kita juga melihat bagaimana masyarakat di merata-rata tempat telah pun datang bersama-sama untuk bekerjasama dalam membantu satu sama lain. Dalam kawasan saya Dato' Speaker, saya kena sebut ini, kita melihat MPKK Perkampungan Juru semasa MCO dilaksanakan pada awal-awal masa, mereka telahpun mengaturkan pasar pagi pertama yang saya percaya di seluruh Malaysia sebagai satu *market* pertama di mana mereka telahpun melaksanakan langkah-langkah SOP seperti *social distancing, temperature checks, provide hand sanitization* yang pada masa itu tidak wujud sebab SOP MCO pun baru dikenalkan.

Dan kita juga melihat Dato' Speaker pada masa itu, semangat masyarakat kawasan saya juga Dato' Speaker, *house wife*, suri rumah tangga, *husbands volunteers*, sukarelawan yang telahpun datang disebabkan ingin membuat sesuatu untuk membantu balik kepada masyarakat tidak kira Cina, India, Melayu, semua pun ada. Sebagai satu masyarakat mereka telahpun bersama-sama dan mereka telahpun menjahit lebih daripada 8,000 topeng muka berkain untuk diedarkan balik kepada masyarakat Dato' Speaker.

Untuk kita melalui masa yang cukup mencabar ini dan untuk kita mengatasi *to overcome* masa yang cukup mencabar ini, seperti yang saya dengar daripada Yang Berhormat Air Putih tadi, kita semua perlu mengenepikan politik, kita kena perlu melihat kita semua orang, rakyat bersama dengan kerajaan sebagai satu....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Minta laluan, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tengah. Tadi telah berkata bahawa untuk memerangi wabak COVID-19 ini kita kena bersatu padu. Oleh itu, saya rasa ini adalah kepada *you know*, pihak Persekutuan juga memastikan bahawa untuk setiap mesyuarat yang akan datang yang melibatkan Wabak COVID-19 ini, akan melibatkan juga pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Betul tak?

#### **Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Ya, terima kasih Yang Berhormat Pulau Tikus. Saya sangat bersetuju bahawa segala usaha untuk menangani COVID-19 ini, pandemik, Kerajaan Negeri dan khususnya Kerajaan Persekutuan harus bekerjasama dan mengenepikan politik. Sekarang kita tumpukan kepada

masyarakat, tumpukan bagaimana kita nak mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara kita ini.

Seperti yang saya katakan Dato' Speaker, *it's gonna take everything we have. All of our energy*, daya dan tenaga kita untuk kita boleh *prevail* dalam masa ini. Secara bersama dan bersepakutu dan hanya melalui *spirit* atau pun semangat rakyat kita. Bukan melalui *separate community*, masyarakat yang berasingan, bukan Melayu yang bantu Melayu sahaja atau Cina yang bantu Cina sahaja, tetapi semua sekali. Barulah kita boleh mengatasi masa yang cukup mencabar ini. COVID-19 ini dia tak *target* dia tak tau orang ini UMNO kah, atau orang ini PAS kah atau orang ini DAP. *It is indiscriminate*.

Dia tak tau COVID penyakit ini dia tak tau sama ada ini Cina kah dia akan serang sahaja ataupun India sahaja dia akan serang. Semua sekali dia akan serang. Disebabkan itu, saya katakan bahawa kita mesti ada satu semangat yang bersepakutu yang kita tidak lihat daripada latar belakang kita untuk mengatasi masalah ini. Dan sudah tentu cabaran dan perang terhadap COVID ini adalah untuk masa jangka panjang. *International travel* saya rasa tidak akan berlaku dalam masa terdekat dan juga laporan-laporan antarabangsa tidak jangka bahawa vaksin akan dikeluarkan untuk pengedaran secara besar-besaran sehingga pertengahan tahun depan atau pun hujung tahun depan.

*The State Government* dalam hal ini dan saya nak tegaskan di sini, kita sangat bertuah di Pulau Pinang kerana kita ada satu pimpinan yang cukup berkebolehan dan kuat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (**Ahli Dewan menepuk meja**), dan juga satu kumpulan EXCO yang juga *capable* untuk *manage* dan *lead us*, memimpin kita melalui perang Covid ini sehingga satu *successful end*.

Saya melihat Dato' Speaker, sebagai satu contoh *The State Government has always been tegas, resolute*, tidak berkompromi apabila datangnya isu kesihatan atau pun keselamatan rakyat di sini dan dalam hal ini saya ingin memuji Ketua Menteri pada bulan Mei apabila dia telahpun mendiri, *stood his ground firm* dan telahpun meletakkan Menteri Kanan, Menteri Antarabangsa Perdagangan, Azmin Ali dan menegur beliau bahawa kita di Pulau Pinang, Kerajaan Pulau Pinang tidak akan diugut untuk mengikut Kerajaan Persekutuan (**Ahli Dewan menepuk meja**) demi kerana kita nak menjaga dan meletakkan kesihatan dan keselamatan kesihatan rakyat terlebih dahulu. Itu berkenaan dengan isu masa itu Kerajaan Persekutuan dia nak melaksanakan *recovery MCO* kita masih ingat dan Kerajaan Pulau Pinang tidak diberi *consultancy* tentang peraturan-peraturan yang nak dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan pada masa itu masih ingat dan Pulau Pinang memberi kita punya *reservation* melalui Ketua Menteri bahawa kita akan *decide* dan apa yang dibuat pada masa itu, Menteri Kanan telahpun mengeluarkan kenyataan, kata bahawa kalau kita tak ikut di Pulau Pinang maka kita boleh di ambil tindakan mahkamah. Jadi pada masa itu saya mestilah disini sangat sangat memuji kepada kita punya Ketua Menteri *for standing his ground and ensuring The State Government will not be bullied into submission by threat of legal action*.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Ya.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tengah, dan sikap oleh sesetengah pemimpin Persekutuan yang seolah-olah buli negeri-negeri yang tidak sehaluan dalam fahaman politik terhadap mereka adalah semakin menjadi-jadi. Walaupun namanya Perikatan Nasional nampaknya mereka mengikuti rentak Barisan Nasional yang suka membuli negeri-negeri yang tidak sehaluan politik dengan mereka dan baru-baru semalam kita lihat ada pengumuman tergempar tentang CMCO di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur. Di

Selangor tidak langsung dibincangkan dengan Kerajaan Negeri dan terus mengumumkan tanpa memberitahu apa-apa, *any information to the state*. Adakah ini menunjukkan Kerajaan Persekutuan Perikatan Nasional ini sedang menghala ke satu menunjukkan sifat *dictatorate* dalam mentadbir dalam negara ini? Apakah pandangan YB Bukit Tengah.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

YB Bukit Tengah dah 15 minit, you ada lagi 5 minit saja.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Okey, Yang Berhormat Bagan Dalam nanti saya akan *elaborate* lagi dalam ucapan saya. Memang saya bersetuju bahawa selepas Kerajaan PN mengambil alih Kerajaan Persekutuan kita melihat bahawa mereka sering bermain politik dalam pentadbiran mereka. Dan tidak berlaku adil kepada Pulau Pinang dan saya rasa dalam masa yang sangat susah sekarang ini dalam kita menghadapi COVID-19, mereka tidak seharusnya berbuat demikian.

Dato Speaker, memang kalau kita lihat daripada usaha Kerajaan Negeri untuk menangani COVID-19. Selain daripada RM155 juta pakej bantuan khas yang telahpun diumumkan untuk dibantu mereka yang tergendala ataupun yang terjejas disebabkan *lockdown*, Kerajaan Negeri daripada awal telahpun sedang merancang bagaimana untuk *manage*, mengurus Pandemik COVID-19 dan *impact* nya kepada ekonomi negeri kita.

Sejak April lagi YAB. Ketua Menteri telahpun mengumumkan beberapa strategi pada masa itu, *two pronged strategy* dalam *new normal* untuk *maintain The State Economic* pertumbuhan yang akan tertumpu kepada implementasi projek-projek awam dan juga untuk mengukuhkan SME-SME negeri kita dan semalam kita dengar tentang penubuhan *Penang Social Economy Recovery Consultative Council* yang akan ditanggungjawabkan untuk mengenalpasti lagi isu dan cabaran dalam langkah-langkah pemulihan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi selepas penularan wabak COVID-19.

Saya rasa ini ada inisiatif-inisiatif yang cukup baik yang kita harus sokongi dan semasa penggulungan nanti saya harap YAB Ketua Menteri akan menjelaskan lagi apakah program-program dan strategi-strategi yang akan dirangka menggunakan dua (2) Jawatankuasa ini dan juga pengumuman yang dibuat dalam bulan April.

Tahun lepas saya dalam ucapan bajet saya telahpun menyeru dan merayu kepada Kerajaan untuk melaksanakan berperang terhadap kemiskinan dan saya gembira dalam perbentangan bajet semalam, Ketua Menteri telah mengumumkan beberapa langkah-langkah untuk menghadapi ataupun melawan kemiskinan termasuk keputusan untuk menerima pakai garis pendapatan garis kemiskinan baru, PGK yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga untuk meningkatkan lagi kadar pendapatan per kapita RM220.00 sehingga RM260.00 supaya lebih ramai orang boleh menerima bantuan-bantuan yang akan disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan juga atas isu fokus yang akan diberikan kepada *job creation and training of our work force* untuk pembasmian kemiskinan.

Walaupun dalam masa ini, Kerajaan kita sedang dalam masa yang mencabar sedang melawan atau menguruskan ekonomi kita dalam masa yang mencabar ini, ada lagi satu penyakit yang cukup *sinister*, ancaman ini ancaman jahat yang sedang mengancam negara kita dan ekonomi negara kita termasuk Pulau Pinang adalah satu *strange virus* baharu yang bukan sahaja menyebabkan orang itu kehilangan deria bau dia seperti COVID-19, ia juga menyebabkan beliau kehilangan *sense of direction* dia. *They become so driven and blind by only position and power, the nature of this deadly virus* adalah berpolitik dalam dirinya.

Saya merujuk kepada *Fitch Report* yang telahpun diumumkan dua minggu lalu, 30 haribulan September yang telahpun dipertengahkan bagaimana politik di Malaysia di jangka akan merosot untuk 10 tahun ke depan. Laporan ini meramalkan bahawa pertumbuhan KDNK dalam 10 tahun yang akan datang averagenya adalah diturunkan sehingga 3.4%, berbanding dengan 6.4% for the last 10 years, Dato' Speaker, laporan ini dia kaitkan dengan penurunan KDNK disebabkan oleh pertukaran Kerajaan Persekutuan dalam bulan Februari dan

ketidakstabilan politik dalam negara kita yang sudah tentu akan menjadikan *the continuity of policies and reform* dalam negara kita.

Report ini juga meng *highlight* kan bagaimana *political certainty is a likely to affect investors surely it's will also affect Penang investors confident and make Malaysia less interactive dalam attracting FDI from countries* yang mungkin akan datang ke Pulau Pinang disebabkan pergolakan geo-politik Amerika-China. Ramai syarikat-syarikat sedang cari tempat lain untuk *invest* untuk melabur tetapi mungkin disebabkan *political instability* ini mereka tidak akan datang ke Malaysia.

Lagi satu perkara yang dipertengahkan dalam laporan itu adalah *political defection, lompat parti which is* yang dikatakan adalah satu faktor negatif yang mungkin menyebabkan peningkatan rasuah, geraf *corruption* dan juga satu kerajaan yang terlalu besar, *a bloated government* disebabkan *political patronage*.

Saya katakan Dato' Speaker bahawa penilaian *Fitch* ini mengenai keadaan yang tidak begitu baik dalam negara kita ni disebabkan politik gila kuasa ini adalah memang betul and *I put the blame*, saya menyalahkan sepenuh-penuhnya kepada ahli politik yang tidak menghormati proses demokrasi yang telahpun melaksanakan 'Langkah Sheraton' untuk menjatuhkan seluruh Kerajaan yang dipilih oleh rakyat, (**Ahli Dewan Menepuk meja**). Lihat sahaja apa yang telah berlaku selepas Kerajaan pintu belakang PN ini mengambil alih kuasa.

Yang pertama sebagai satu contoh mereka telahpun *dicut out the development funds* Ahli-Ahli Parlimen PH yang dulu dapat RM4 juta lebih setahun Ahli-Ahli Parlimen Pakatan Harapan dapat sekarang tidak lagi dapat, dua kali seperti Yang Berhormat Air Putih tadi sebutkan telahpun dilaporkan di dalam surat khabar dua kali Ketua Menteri kita tidak dijemput kepada mesyuarat NSC, *National Security Council* yang sebegini penting yang dipengerusi oleh Perdana Menteri sendiri untuk menyelaraskan, untuk buat kerja penyelarasang bagi mengatasi atau menangani COVID-19 tidak jemput kali pertama dalam bulan Mac. Pada masa itu Dato Sri Mohd Zuki bin Ali Ketua Setiausaha memohon maaf tersilap tidak menjemput Ketua Menteri Pulau Pinang, katanya pada masa itu Perdana Menteri *quote unquote* in laporan berita *The Prime Minister looks of this issue seriously and taken clears stand to cooperate all state government ....(gangguan)*.

#### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Yang Berhormat Bukit Tengah satu minit lagi saja.

#### **Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Satu minit saja, minta tambahan 5 minit, Dato Speaker. *The Prime Minister looks at this issue seriously and has taken a clear stand to cooperate with all state government without taking into account the political background*. Lepas itu buat lagi, tak jemput minggu lepas saja atau dua minggu lalu, *purely a political move disguising and in bothering in criminal* sebab isu yang terlibat di sini adalah berkait dengan *public safety and health of Penang citizen*. Mereka juga telahpun *cancel* projek cable car Pulau Pinang, Penang Hill RM100juta yang telah diluluskan sebelum ini tanpa sebarang *consultancy* dengan Kerajaan Negeri.

Ada juga isu lapangan terbang antarabangsa yang telahpun disebutkan disebabkan tak cukup masa saya tak bawa masuk lagi tapi memang sekarang ini rancangan untuk *expansion of Penang International Airport* pun mungkin terjejas kita harap tidak, tetapi inilah yang berlaku selepas Kerajaan PN mengambil alih berlakunya bermacam-macam yang boleh menjadikan pembangunan di Negeri Pulau Pinang.

Satu isu lagi adalah *Penang South Reclamation Project* yang juga mungkin kita khuatir boleh dilambatkan disebabkan alasan-alasan politik.

Selepas sahaja Kerajaan PN memasuki menjadi Kerajaan, kita ada pimpinan PAS daripada Pulau Pinang yang telah menulis kepada Kerajaan Persekutuan untuk membatalkan *approval* kepada *Penang South Reclamation Project* dan lepas itu Menteri Alam Sekitar, Tuan

Ibrahim bin Man juga menjawab dalam Parlimen kepada soalan Ahli Parlimen PAS Kemaman yang tak ada berkaitan langsung dengan Pulau Pinang menjawab “*is a no go for the Penang Reclamation Project*” sehingga selepas EMP *Engineering Management Plan* diapprove, diluluskan, di mana dia telahpun menyatakan terdapat bantahan-bantahan terhadap projek-projek tersebut.

Saya harap rakan rakan kita dalam Parti Bersatu dalam Dewan ini akan mengingatkan *their political master*, betapa pentingnya projek-projek ini kepada pembangunan masa hadapan Pulau Pinang dan jangan main-main politik dengan rakyat Pulau Pinang. Jangan mainkan politik yang sama seperti yang dibuat dalam Sabah dalam Pilihan Raya Negeri Sabah di mana Perdana Menteri telah menggunakan ugutan pada masa itu, katakan bahawa kalau tidak ada undi maka susahlah nak dapat dana pembangunan daripada Kerajaan Pusat. Ugutan anda tidak akan berjaya di Pulau Pinang. Saya bagi pihak pengundi saya dan rakyat Pulau Pinang ingin memberitahu Kerajaan Persekutuan bahawa politik kotor ugutan ini akan ditolak langsung oleh rakyat Pulau Pinang yang kita pernah buat dalam tahun 2018 dan di antara tahun 2013, 2018 dan kita akan membuat sekali lagi dalam GE15.

Lagi satu perkara orang Pulau Pinang tak perlu dan tidak ingin ada satu ‘Abah’ untuk sebagai seorang Perdana Menteri. Tak perlu kita semua ada ibu bapa masing-masing sendiri (**Ahli Dewan menepuk meja**). Yang kita memerlukan adalah seorang Perdana Menteri yang akan memimpin negara kita dan untuk berlaku adil dan saksama kepada negeri kita. Berilah kepada kita apa yang kita perlu diberikan, dan jangan menjadi seorang Perdana Menteri yang memimpin untuk diri dan kawan-kawannya sendiri.

Penang telahpun menyumbang banyak untuk ekonomi negeri negara kita. Semalam kita mendengar kejayaan Pulau Pinang menyumbang 47% daripada keseluruhan pelaburan negara asing dalam tempoh Januari sehingga Jun 2020. Kalau Perdana Menteri ini ingin dapat penghormatan kita, luluskan, luluskan permohonan-permohonan untuk dana dan projek yang dibuat oleh Kerajaan Pulau Pinang dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Saya tahu, saya pernah tanya yang Kerajaan Negeri pernah memberi maklumkan bahawa ada 147 projek-projek yang telah kita memohon daripada Kerajaan Pusat yang berjumlah nilai RM28 juta.

Jangan seperti Menteri Kanan Azmin Ali. Sebelum ini puji setinggi-tinggi Kerajaan PH Pulau Pinang sehingga menyatakan harus dicontohi di Putrajaya. Dan bila sudah lompat datang ke Pulau Pinang buat serangan peribadi terhadap keluarga Dato' Seri Anwar Ibrahim dan membuat pengumuman bahawa Penang akan menjadi *frontline state* kepada PN untuk membawa pembaharuan kepada Pulau Pinang. Inilah yang saya maksudkan Dato' Speaker, apabila saya katakan *political*/virus baru ini dia membuat seseorang itu hilang, hilang deria *direction* dia. Hala tuju dia pun sudah hilang.

Saya tahu bahawa Kerajaan Negeri kita ini ingin menegakkan Perlembagaan Negeri kita. Sebenarnya kita semua dalam Dewan ini telah pun mengambil *a solemn oath*, telahpun mengambil sumpah bahawa kita akan menegakkan roh dan semangat *the sense city of our state constitution*. Jadi saya agak kecewa apabila keempat-empat ADUN yang telahpun tidak bersama dengan PH lagi yang telah pun *defected* kepada *back door government*, memfailkan satu tindakan mahkamah untuk mencabar *motion usul* yang dimasukkan ataupun yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pinang Tunggal untuk menegakkan artikel 14A (1) Perlembagaan Negeri kita.

Saya yakin bahawa sekiranya bahawa usul ini kalau tidak yang tidak ditarikbalik saya faham kenapa ia perlu ditarikbalik. Tetapi kalau usul ini dibawa kepada Dewan yang mulia ini untuk diundi tanpa prasangka *without a doubt this house would overwhelmingly vote to support the motion to declare vacant the four seat. In which this house view the actions of the four defected to PN as higher statuary and betrayal of the secret trust*. Ini adalah untuk saya satu *betrayal of the secret trust*, keramat rakyat itu yang telah pun mengundi mereka di bawah Pakatan Harapan ataupun Bendera Keadilan pada masa itu.

*In fact Dato' Speaker, this is not even necessary, tak perlu pun untuk Kerajaan Negeri untuk memasukkan satu usul. Ini adalah kerana apabila peruntukan, apabila Perlembagaan kita telah pun dilanggari. Ia dilanggari. Full Stop. Kita tak perlu satu usul ataupun mahkamah perintah untuk mengesahkan itu. It's up to the four, kalau mereka ada integrity and respect our constitution. Ini isu perlombagaan. Kalau mereka respect the constitution which they have sworn....(gangguan).*

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat Bukit Tengah.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Yang mereka telahpun mengaku apa ni swear to uphold to voluntarily resign and lacked their seat without being force to do so. Silakan Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tengah. Pertamanya Yang Berhormat pun seorang peguam. Yang Berhormat pun faham, undang-undang yang dibawa dalam Akta Kerajaan Negeri tentang anti lompat parti ini dibawa pada tahun 2012 dan diluluskan dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi undang-undang ini tidak pernah dicabar. Undang-undang ini juga tidak pernah digunakan ataupun diaplifikasi. Undang-undang ni nak buat ada proses ada Yang Berhormat. Yang Berhormat pun *tahu very well you are a well known well versed lawyer*. Perlombagaan Persekutuan dah termaktub dah *freedom of association*. Pertama.

Keduanya kes ni dah ada *precedent* bahawa mana-mana undang-undang anti lompat parti dianggap *unconstitutional*. Ketika Yang Berhormat menjadi ahli Parlimen sebagai satu penggal Ahli Parlimen benda ni tak bincang pun dekat Parlimen. Patutnya ubah dulu Perlombagaan Persekutuan barulah Perlombagaan Negeri boleh pakai. "You kena minta dari Yang Berhormat, ni *floor* saya. Bagi saya bercakap". Jadi Yang Berhormat, bolehlah main retorik macam mana sekali pun. *The fact is the process*. Kami dibuang daripada Kerajaan Negeri. Ada proses? Tak ada. Ada tanya pendapat kami? Ada tanya apa pendirian kami? Tak ada. Jadi sebab tu, *two wrong doesn't make right...(gangguan)*.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Perlombagaan Negeri tak ada di sana.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Soalan saya adalah Yang Berhormat nak sebut bahawanya khianat tak khianat sebahagian besar dalam Dewan ini bertanding bendera Keadilan dulu. Now why used bendera DAP? Tukar bendera. Kalau you guna argument tu, makna berubahlah juga. Kenapa tak guna undang-undang anti lompat parti? Patut semua pakai bendera Keadilan ni. So to me, Yang Berhormat you ahli politik, saya ahli politik. Kita tau fakta. Yang menyebabkan 'Langkah Sheraton' bukan orang lain. Dua orang yang berebut nak menjadi Perdana Menteri. Kalau Yang Berhormat kata tak setuju lompat parti, hari ni Yang Berhormat setuju tak tindakan yang sedang berlaku di Kuala Lumpur? Saya nak tanya Yang Berhormat Bukit Tengah.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Bukit Tengah, saya minta satu pandangan saja daripada Seberang Jaya.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Kalau dapat kebenaran dari belakang dulu.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Boleh, boleh, quick one.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Quick one. Saya nak tanya Seberang Jaya, kalau benda ni *unconstitutional* kenapa tak bantah semasa duduk di sana? Sokong? Luluskan? Saya ingat lagi Yang Berhormat sudah menjadi *unconstitutional*. You cannot play to the gallery..(dengan izin), Yang Berhormat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):**

Yang Berhormat boleh semak fakta, kalau saya lulus...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

You voted for it. You voted for the amendment.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Saya minta semua duduk.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Kalau dibuang daripada Kerajaan Negeri...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Duduk. Saya minta duduk. Seberang Jaya saya minta duduk. Seberang Jaya, saya minta duduk...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

You voted for it. You voted for the amendment. You voted for the amendment...(gangguan). Ya tapi kamu yang sokongan...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Okey Bukit Tengah. Saya bagi you lagi satu minit saja. Tiada lanjutan. You minta lagi lima minit. Saya dah bagi you lebih daripada lima minit. I give you only one minute.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Saya nak jawab soalan kepada Seberang Jaya. Lepas itu Dato' Speaker just one last issue on my kawasan. Very important issue about kuari. That's it. Then I will stop Dato' Speaker. Isu yang dibangkitkan oleh Seberang Jaya ni tentang apa yang sedang di pusat ataupun di federal level ketika yang sedang berlaku di Kuala Lumpur sekarang ini itu semua isu yang berlainan. Yang isu yang kita sedang sebut berkenaan dengan usul hari ini atau pun yang telah ditarik balik adalah untuk menegakkan Perlembagaan Negeri yang kita semua telahpun ambil oath. Swear to uphold termasuk YB. sendiri. It is the constitutional issue. It is a responsibility issue, principle issue, moral issue kepada pengundi-pengundi Pulau Pinang yang tidak ingin melihat politik lompat parti. (**Ahli Dewan menepuk meja**). That is the issue Seberang Jaya. Terima kasih, we can have coffee later and debate outside.

Dato' Speaker, last issue yang saya ingin sentuh adalah berkenaan dengan kawasan saya dan saya berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh memberi perhatian. Ini berkenaan dengan satu kuari yang melaksanakan operasinya di Bukit Juru. Bukit Juru ini adalah satu bukit yang sejak zaman British lagi yang telahpun diwartakan sebagai satu hutan simpan. Mengikut jawapan Kerajaan Negeri saya Bukit Juru ini diwartakan dalam tahun 1906. The whole hill is the reserved hill. Saya juga ada satu tarikh di mana saya lihat di dalam map Bukit Juru dia kata lebih awal lagi bukit ini telahpun jadi sebagai satu reserved forest sejak 1876. Memang dari dulu lagi, zaman British lagi ada satu ada satu kuari yang beroperasi di sana tetapi pada masa itu Dato' Speaker, dia punya saiz anggaran dua (2) ekar sahaja.

Tetapi apa yang berlaku kemudian Dato' Speaker, dalam tahun 1980 ke 1985 zaman BN dulu, Kerajaan BN dulu. Kerajaan Negeri telahpun memberikan pemilikan tiga lot. Lot 1545, PT 659 dan Lot 14833. Dia ambil keluar kawasan tanah ini untuk beri kepada syarikat milikan swasta untuk dibuat kuari. The total area is about bigger than the size of 55 football

*fields.* Pada masa itu apabila permohonan ini dibuat kepada Kerajaan Negeri, jabatan-jabatan Kerajaan teknikal, agensi yang diminta untuk memberi ulasan terhadap permohonan pemberiman tanah ini dan untuk mengeluarkan kawasan ini daripada hutan simpan telahpun membantah, *the major one, not all.*

Saya ingin membaca alasan-alasan yang diberi pada masa itu. Ulasan, ulasan daripada JKR sebagai contoh, “Ini merupakan permohonan yang sama yang dibuat beberapa kali sebelum ini dan telahpun ditolak. Simpanan hutan seharusnya tidak boleh diberi milik kepada sektor pembangunan kuari. Sudah terdapat banyak kuari berdekatan”. Banyak lagi dia kata di sini, sebab mempunyai potensi pencemaran udara yang tinggi. Ada kawasan kediaman.

Ini ada daripada ulasan JAS, “Peletupan batu akan mengakibatkan debu habuk dan bunyi bising dan akan mengganggu penduduk di kawasan situ. Aktiviti pertanian akan terjejas. Pencemaran yang dideritai oleh penduduk-penduduk sehingga setakat ini menunjukkan si pemohon tidak mampu memperbaiki keadaan alam sekitar kawasan itu”.

Ini daripada Jabatan Perancang Bandar Dan Kampung. Ulasan yang diberikan, “Sekiranya diluluskan akan menimbulkan pencemaran alam, kebisingan dan bertentangan dengan konsep simpanan dan pemeliharaan semulajadi kawasan ini”, Dato' Speaker. Inilah adalah maklumat-maklumat yang telah pun saya dapat daripada Pejabat Daerah selepas menyemak fail ini dalam tahun 1980-an. Mereka telah keluarkan kawasan tersebut. Apabila ini berlaku maksudnya satu kawasan yang besar telahpun hilang daripada hutan simpan. Penduduk-penduduk di sana merasa bahawa mereka tidak boleh membuat apa-apa sebab telah pun diluluskan. Maka bermulanya aktiviti kuari secara besar-besaran di sana.

Dan dalam bulan Ogos tahun ini kita telah pun mendapat surat daripada Pejabat Daerah untuk ulasan kita. Sebab permit Kuari 4C ini akan tamat untuk Lot 659 dalam hujung tahun ini. Maka kita diminta memberi ulasan. Saya telah pun berjumpa dengan penduduk-penduduk dan mereka memang ada memberitahu saya sudah sekian lama mereka hidup susah di kawasan kuari yang mereka tidak bersetuju dengan tetapi mereka rasa tidak boleh buat apa-apa terhadap kuari ini. So, apabila saya menerima surat itu saya sekarang telah pun menulis kepada Pejabat Daerah memberitahu mereka bahawa kita tidak menyokong pembaharuan kuari Lesen 4C ini. Saya harap kerajaan akan melihat bagaimana kita boleh *reverse* keadaan kuari kawasan Sungai Sembilang. *It's a beautiful hill*, Bukit Juru. Kita nak promosikan Bukit Juru sebagai satu warisan tempat warisan, bukit warisan untuk penduduk dan Pulau Pinang.

Saya rasa sedihlah kalau operasi kuari akan diteruskan sebab *on the last point* Dato' Speaker, pada 3hb Oktober Pejabat Daerah telah pun menulis surat kepada Pejabat saya untuk memaklumkan bahawa terdapat lagi permohonan baru untuk kawasan baru untuk diusahakan sebagai kawasan kuari di kawasan tersebut dan kalau itu berlaku dan kuari itu dibenarkan untuk berjalan maka bukit itu akan dimusnahkan selama-lamanya dan tidak akan dapat dipulihkan.

Sebab itu saya berharap bahawa Kerajaan Negeri akan menelitian pembangunan kuari di sana dan untuk melihat bagaimana apa yang kita boleh buat untuk menyelamatkan Bukit Juru yang saya berdiri bersama-sama dengan penduduk di kawasan tersebut untuk membantah operasi kuari di Bukit Juru.

Akhiri saya ingin habis, saya ingin menyatakan bahawa saya percaya bahawa seluruh rakyat Pulau Pinang dan termasuk kita semua di sini di dalam Dewan ini cukup yakin dengan pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam membentangkan Bajet 2021 ini walaupun masih mencabar masa mencabar kita melihat bagaimana bajet yang dibentangkan cukup komprehensif sekali, *cover almost every area* dan kita yakin dengan pimpinan Ketua Menteri dan barisan EXCO kita bahawa *we will over come this difficult period and under their leadership* mereka akan membawa kita ke tahap Negeri Pulau Pinang kepada satu tahap yang gemilang dan megah lagi.

Saya memohon untuk menyokong perbentangan dan bajet yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Terima kasih.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Bukit Tengah dan seterusnya YB. Bukit Tambun.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Terima kasih, Selamat petang dan salam harapan diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Barisan EXCO, Ketua Pembangkang, Ketua-Ketua Jabatan dan rakan-rakan seperjuangan sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atas perbentangan Rang Undang-Undang Pembekalan Dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2021 yang bertemakan Transformasi Pemulihan Dan Ketahanan Ekonomi Ke Arah Dimensi Baharu Terbilang.

Intipati Belanjawan 2021 adalah sejajar dengan empat (4) tema utama yang digariskan dalam wawasan pembangunan negeri iaitu Penang2030. Empat (4) tema ini ialah:

1. Meningkatkan taraf hidup dan kualiti hidup penduduk;
2. Mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah;
3. Memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil; dan
4. Pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, untuk memastikan strategi pertama Belanjawan 2021 iaitu mengerakkan pelaburan dan meningkatkan produktiviti pemacu pertumbuhan ekonomi direalisasikan tanah untuk *promoted industry*....(dengan izin) perlu disediakan dengan mencukupi di lokasi yang strategik. Maksud *promoted industry* adalah industri yang *high tech*, industri yang bersih iaitu *clean*, industri yang mampan, *sustainable* dan *futurist technology* iaitu teknologi ke arah hadapan dan industri yang terlibat ini bukan intensif pekerja asing dan juga perlu mesra alam. Oleh yang demikian, adakah PDC mampu menawarkan tanah industri yang bersesuaian untuk menampung permintaan pelaburan asing ini.

Kita sedia maklum dari segi FDI kita memang johan pada tahun 2019 dan pada enam (6) bulan pertama ini juga mendapat *Foreign Direct Investment* yang tertinggi di negara ini. Kedua, industri penternakan ayam dan khinzir telah menyumbang nilai hasil ternakan sebanyak RM918.94 juta. Pengusaha-pengusaha pada ketika ini sedang giat menaik taraf kandang atau reban terbuka kepada sistem tertutup. Walau bagaimanapun mereka menghadapi kekurangan ruang untuk membina loji rawatan kumbahan masing-masing. Oleh itu, di sini saya ingin mendapat maklum balas daripada Kerajaan Negeri, apakah status projek Stesen Jana Kuasa Elektrik berasaskan biomass sisa ternakan di Kampung Valdor? Pada masa sama Kampung Selamat juga perlu memiliki sistem rawatan berkenaan.

Sektor akuakultur menyumbang 30.3% daripada keseluruhan sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang namun demikian, pada kebelakangan ini sektor akuakultur menghadapi masalah iaitu terutamanya ikan ternakan dalam sangkar di perairan Pulau Aman dan Sungai Udang menghadapi isu pencemaran air, masalah kekurangan oksigen, ancaman ribut dan juga gejala kecurian. Sehubungan itu, kerajaan perlu mengambil perhatian terhadap isu-isu pencemaran dan tindakan yang menyeluruh untuk menanganinya.

Selain itu, sangkar-sangkar ikan ini juga menghadapi masalah bekalan elektrik dan bekalan air yang bersih. Bekalan elektrik boleh diatasi dengan pemasangan *solar panel*. Mengenai air bersih. Mengapakah memerlukan air bersih? Sebab memandangkan perairan di kedua-dua kawasan tersebut pada ketika ini menghadapi isu pencemaran, ikan-ikan ternakan perlu dibersihkan dengan air bersih. Oleh itu, adakah PBA bersedia untuk

mengadakan perbincangan dengan pengusaha-pengusaha bagi tujuan menemui mekanisma yang terbaik untuk pembekalan air bersih?

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya amat bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bahawa membangunkan infrastruktur dan komuniti digital ke arah ketahanan mampan. Baru-baru ini Kerajaan Negeri telah menujuhkan Perbadanan Infrastruktur Pulau Pinang Sdn. Bhd. iaitu PIC untuk melaksanakan PTMP. Oleh itu, kini tibahtah masa untuk Kerajaan Negeri beralih ke Seberang terutamanya menerusi MBSP dan JKR untuk menaik taraf jalan-jalan utama di Seberang Perai. Di SPS saya mencadangkan Kerajaan Negeri atau JKR melalui peruntukan persekutuan untuk menaik taraf Jalan Tasek dan Jalan Valdor iaitu di bawah kawasan Timbalan Speaker sebagai Lingkaran Luar Tasek Valdor atau *Outer Ring Road* bagi menyuraikan trafik Bandar Tasek Mutiara yang telah mencecah 7,000 unit rumah dan kedai serta taman-taman perumahan di sekitar Kampung Valdor dan Sungai Bakap.

Saya juga menyeru kepada Kementerian Kerja Raya untuk meneruskan projek menaik taraf jalan persekutuan dari JPJ Valdor ke persimpangan Jalan Gambiran iaitu berdekatan Kompleks V3 selepas projek penaiktarafan Jalan Persekutuan Fasa 5 siap sepenuhnya pada penghujung tahun ini. Ini adalah kerana pihak JKR memaklumkan mereka akan melaksanakan projek Jambatan Nibong Tebal yang merentangi Sungai Kerian dan akan menangguhkan fasa ini tetapi memandangkan wujudnya *bottom net* di kawasan tersebut, sambungan daripada penaiktarafan fasa 5 perlu diteruskan. JKR juga diminta menaik taraf bahagian Jalan Perusahaan Valdor yang tidak dinaiktaraf oleh PDC. PDC telah membina jambatan merentangi Sungai Jawi iaitu menghubungkan kawasan perindustrian Valdor dengan kawasan perindustrian Batu Kawan.

Walau bagaimanapun terdapat bahagian yang tidak dinaiktaraf mengalami kesesakan yang amat teruk selepas pembukaan jambatan tersebut pada bulan yang lalu. Untuk memanfaatkan pendigitalan komuniti, Kerajaan Negeri wajar membantu warga Pulau Pinang memiliki sekurang-kurangnya akaun bank, kad debit ataupun kad *Touch n Go* untuk e-wallet agar transaksi tanpa tunai dapat dijayaikan. Kita menghadapi banyak masalah apabila dalam peringkat untuk pendaftaran i-Sejahtera di mana, kebanyakannya warga emas tidak memiliki akaun bank. Oleh itu, mereka masih lagi terpaksa untuk mengambil peruntukan daripada Kerajaan Negeri di Pejabat Daerah pada 24 dan 25 Oktober ini. Mengenai inisiatif menambah baik prasarana sukan dan rekreasi, saya menyambut baik cadangan Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang iaitu untuk menwujudkan *Sport City* Batu Kawan, saya memohon EXCO Belia Dan Sukan untuk memperjelaskan tentang cadangan *Sport City* Batu Kawan dan cadangan Karnival Sukan Batu Kawan Industrial Park.

Di sini, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Presiden FAP atas kejayaan pasukan Pulau Pinang yang menjuarai Liga Premier baru-baru ini. Oleh itu di sini saya ingin bertanya kepada FAP, bilakah Stadium Negeri Pulau Pinang Batu Kawan akan dijadikan sebagai *home ground* kepada Penang FC menjelang Liga Super pada tahun 2021.

Timbalan Speaker, saya menyokong penuh perkhidmatan bas percuma '*CAT Bridge*' yang telah diperkenalkan mulai 1 September tahun 2020. Di sini saya menyeru agar perkhidmatan pengangkutan awam ini diperluaskan ke '*CAT 2nd Bridge*' bagi memanfaatkan penduduk SPS. Selain itu, saya meminta jasa baik Kerajaan Negeri untuk menjayakan *station bas transit* di Design Village, Batu Kawan. Di dalam beberapa siri mesyuarat, kita bagi pihak Kerajaan Negeri telah meminta pihak Design Village untuk menyediakan ruang bagi tujuan mengambil dan menurunkan penumpang bas ekspress tapi pihak MBSP sehingga kini masih berpendirian bahawa pindaan Pelan Kebenaran Merancang perlu dibuat, kita meminta pertolongan pihak swasta pada masa yang sama kita meminta mereka untuk mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang padahal. Cadangan ini hanyalah untuk sementara disebabkan *Aspen Vision City* akan membina sebuah terminal bas yang kekal pada masa akan datang. Oleh itu, saya memohon agar isu ini di bawa untuk perbincangan dan pertimbangan di peringkat SPC.

Mengenai strategi ketiga, Belanjawan 2021 iaitu Memperkuuhkan dan Mensejahtera Kualiti Hidup Rakyat. Di sini sebuah hospital kerajaan perlu didirikan di Batu Kawan dalam masa terdekat tanpa menutup Hospital Sungai Bakap sedia ada. Bererti Hospital Sungai Bakap perlu dikekalkan untuk komuniti terutama di kawasan Parlimen Nibong Tebal dan Hospital Batu Kawan merupakan hospital yang berperanan untuk memenuhi kehendak dan keperluan Batu Kawan pada masa akan datang.

Oleh itu saya ingin mendapat maklum balas terutama daripada pihak JKR disebabkan sebelum pertukaran kerajaan pada bulan Mac yang lalu. Sebenarnya pihak JKR telah mendapat arahan untuk mengkaji kesesuaian Batu Kawan untuk didirikan sebuah hospital. Oleh itu apakah status terkini cadangan hospital kerajaan tersebut?

Pada masa yang sama, Batu Kawan juga mendahagakan sebuah kompleks pasar dan penjaja. Kita sedia maklum, Batu Kawan kini pesat membangun dengan kilang-kilang multi nasional, IKEA dan Design Village, tetapi untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sebenarnya di Batu Kawan ini tidak kira kawasan komersial Vision City yang baru siap di Batu Kawan ketika ini hanya memiliki 10 unit kedai yang aktif sahaja tanpa mengambil kira Aspek Vision City. Hanya ada 10 kedai yang dibina PDC pada zaman 90-an dan tiada pasar dan gerai yang sempurna. Oleh itu, gerai tanpa kebenaran berselerak di kawasan bulatan Batu Kawan berdekatan dengan Stadium Batu Kawan.

Selain itu, saya juga ingin mendapat maklum balas daripada Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri I tentang status pembinaan Masjid Bandar Casia. Tanah telah ditambun tetapi sehingga kini tiada kelihan kerja dimulakan. Pada masa yang sama, penduduk setempat bukan Islam juga tertanya-tanya tentang cadangan tapak RIBI dan tapak perkuburan bukan Islam di Batu Kawan.

Mengenai Perumahan Mampu Milik. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tentang status Perumahan Mampu Milik di Taman Murai Jaya. Ini disebabkan soalan bertulis saya iaitu soalan nombor 5, saya tidak diberi jawapan tentang status tanah ini.

Yang Berhormat Timbalan Tuan Speaker, mengenai strategi ke empat dalam Bajet 2021 iaitu Memperkasakan Peranan Dan Bakat Modal Insan. Saya menyambut baik tindakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan peruntukan kepada MPKK dari RM4.1 juta kepada RM9 juta pada tahun 2021. Seperti yang telah dipuji oleh rakan saya dari Bukit Tengah tadi, MPKK memang telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan begitu cemerlang terutamanya ketika COVID-19. Selain daripada *frontlines* daripaa Pejabat Kesihatan, daripada hospital mereka lah orang yang paling ke depan untuk memberi bantuan kepada golongan yang betul-betul memerlukan bantuan. Mereka membantu pihak Majlis menjaga di pasar awam, dan pasar malam. Semua pelitup muka di bawah peruntukan oleh Kerajaan Negeri juga diagihkan oleh mereka dari rumah ke rumah. Di kawasan saya terdapat 20,000 unit rumah, kami mengedar dari rumah ke rumah bagi yang tidak mendapat, kami akan memberi selepas mendapat panggilan telefon. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Negeri perlu sentiasa menjaga kebijakan AJK-AJK MPKK ini. Di sini saya juga memohon mencadang agar kerajaan negeri memberi peruntukan tambahan kepada MPKK yang bersedia menyertai program *community urban farming*.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengumumkan akan mengadakan 100 *urban farming* di Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, saya mencadang kita mulakan melalui MPKK yang mempunyai dewan atau halaman dewan yang boleh memulakan program ini. Ini dapat memberi galakan kepada warga Pulau Pinang turut serta dalam aktiviti tanaman sayur-sayuran ini.

Sepanjang dua (2) tahun ini, PWDC telah memperkasakan pelaksanaan agenda Pembangunan Wanita Keluarga Dan Keterangkuman Gender. Kini peranan PWDC telah diperluaskan kepada pembangunan sosial. Oleh itu, Kerajaan Negeri wajar meningkatkan peruntukan dari RM1.5 juta kepada RM2 juta. Saya dapat melihat dalam pelaksanaan Perihal

Pembangunan Wanita Dan Keluarga terutamanya melalui JPWK, PWDC telah menjalankan peranan dan tanggungjawab mereka dengan begitu berjaya dan bagi program-program yang diadakan oleh PWDC saya sebagai ADUN memang mengambil bahagian dan dapat melihat sendiri komitmen yang PWDC sumbangkan.

Bagi memperkuatkan Pembangunan Modal Insan melalui pendidikan saya mencadangkan agar PSDC membuka cawangan di Seberang Perai untuk memupuk penyertaan belia dalam mengerakkan ekonomi digital dan Revolusi Industri 4.0. Saya juga menyeru Kerajaan Negeri dan MBSP terutamanya MBSP meningkatkan jalinan dengan USM Kampus Kejuruteraan iaitu di Transkrian dalam sektor kajian lalu lintas tebatan banjir dan memperkasakan ekosistem perindustiran E&E di Pulau Pinang, terutamanya di Batu Kawan. Kita sedia maklum, Kawasan Taman Pekaka Transkrian dan Taman Sempadan di bawah DUN Sungai Acheh selalu mengalami banjir dan pada hal USM yang memiliki jurusan kejuruteraan awam dan jurusan kejuteraan mekanikal hanya terletak berjiran dengan taman-taman ini. Masalah banjir di kawasan tersebut telah berlarutan lebih kurang 30 tahun. Oleh itu, pihak Kerajaan Negeri terutama melalui MBSP dan JPS perlu meningkatkan jalinan dengan USM untuk mencari jalan atau mencari mekanisme menyelesaikan masalah-masalah setempat.

Mengenai hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2021, di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, adakah anggaran hasil sebanyak RM56juta selepas pelaksanaan program mengkelaskan semula tanah-tanah desa yang telah dibangunkan menjadi bandar telah dimasukkan sebagai anggaran hasil pada tahun 2021 yang RM56 juta ini?

Pada masa yang sama, adakah *Penang Land Rules* 2020 yang kini dalam peringkat pindaan akan menjana hasil tambahan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2021?

Berdasarkan kepada pembentangan Bajet 2021, yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri adalah didapati bahawa unjuran defisit tahun 2020 adalah RM273.5 juta dan defisit tahun 2021 ialah RM403.8 juta. Adakah Kerajaan Negeri akan terus membiayai defisit ini menerusi simpanan terkumpul negeri atau mempunyai perancangan kewangan yang lain untuk mengurangkan defisit tersebut atau mempunyai punca-punca lain untuk menambahkan pendapatan negeri.

Mengenai ekonomi kreatif. Adakah satu peruntukan oleh Kerajaan Negeri disediakan untuk pengusaha-pengusaha sektor ini memohon untuk memperkembangkan sektor mereka atau satu *start off* modal untuk mereka sesiapa yang berminat menceburti bidang ini.

Mengenai MBSP, walaupun ini patut dibincangkan di peringkat ahli-ahli Majlis tetapi di sini saya memohon agar garis panduan tapak penjaja untuk cadangan pembangunan perindustrian dikaji semula. Misalnya, terdapat satu cadangan empat (4) unit kilang berkembar memerlukan penyediaan lima unit gerai. Kalau semua permohonan perindustrian empat unit menunaikan syarat-syarat yang dikenakan oleh MBSP, gerai atau tapak penjaja ini akan ada di mana-mana. Adakah logik garis panduan sedemikian? Oleh itu, saya memohon MBSP dapat membuat kajian yang lebih terperinci untuk memperbaiki dan menghalusi garis panduan-garis panduan yang ada. Ini adalah salah satu contoh saja. Memandangkan ini merupakan peranan dan tanggungjawab Ahli Majlis, saya berharap lain-lain garis panduan yang tidak bersesuaian dengan keadaan semasa perlu dikaji.

Bagi Jabatan Kejuruteraan MBSP, saya memohon agar satu Pelan Induk Perparitan dan Pelan Induk Lalu Lintas Seberang Perai mengikut daerah perlu dirangka pada tahun hadapan. Pihak Berkusa Tempatan, perlu memiliki satu Pelan Induk Lalu Lintas tersendiri dan bukan bergantung kepada kajian TIA yang dilaksanakan oleh pemaju-pemaju mengikut garis panduan setiap 200 unit cadangan perumahan atau 45,000 kaki persegi cadangan perindustrian perlu mengadakan TIA. Bagi saya, adalah satu TIA yang dijalankan ini tidak membawa apa-apa makna, sepatutnya Pihak Berkusa Tempatan sendiri perlu adakan satu *master plan* untuk trafik dan pemasaran. Pada pengetahuan saya, hanya di

kawasan Bagan sahaja mempunyai Pelan Induk Pemaritan. Kita perlu ada pelan induk yang komprehensif untuk mengira, kawasan tadahan air dan saiz pemaritan yang diperlukan untuk memastikan aliran air permukaan dapat sampai ke titik curahan terakhir tanpa mengakibatkan banjir kilat di sepanjang laluan parit tersebut.

Di SPS, terdapat 24 kawasan yang sering dilanda banjir termasuk Kampung Sepulau, Kampung Pengkalan, Kampung Setul dan Kampung Sungai Kechil di DUN Sungai Bakap, Taman Pekaka, Taman Transkrian di Sungai Kechil, persimpangan Jalan Persekutuan dan Jalan Valdor di Bukit Tambun. Oleh itu, di sini saya memohon pihak JPS dan MBSP perlu membuat kajian yang menyeluruh. Kita sekarang bukan sahaja menyelesaikan masalah setempat tersebut, kita perlu mengenal pasti punca sebenar air, air hujan ni dari mana? Kalau melibatkan, kajian di kawasan sempadan atau kawasan Negeri Kedah, kita perlu bekerjasama dengan JPS atau Majlis Daerah Negeri berkenaan untuk duduk bersama dan mengenal pasti punca dan memberi cadangan yang konkret untuk menyelesaikan masalah.

### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan**

Yang Berhormat Bukit Tambun, satu minit lagi sahaja kerana kamu sebut Sungai Bakap empat (4) kali dah.

### **Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)**

Terima kasih Timbalan Speaker, ingin saya menyentuh isu di DUN Sungai Aceh walaupun ADUN masih ada di sini tentang Kampung Pematang Tok Mahat, iaitu satu penempatan di kawasan tanah persendirian yang tiada pili bomba. Ini merupakan satu masalah yang besar, oleh itu saya berharap pihak Bomba dapat membuat satu kajian bagaimana untuk menyediakan pili bomba di Kampung Pematang Tok Mahat dan juga menambah pili bomba di kawasan Sungai Udang. Ini adalah amat penting sebab kebanyakan rumah yang ada adalah separuh kekal ataupun rumah kayu.

Oleh yang demikian, kita sedia maklum dalam perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan Negara China, Pulau Pinang sebenarnya telah mendapat sedikit manfaat terutamanya dari segi *Foreign Direct Investment*. Di Batu Kawan kita dapat lihat pertumbuhan kilang-kilang *multinational*. Oleh yang demikian, kita perlu terutamanya PDC, sekali lagi saya menekankan perlu menyediakan tanah industri yang mencukupi dan sesuai untuk *Promoted Industry* ini disebabkan industri ini akan, sebagai pemangkin kepada Industri Kecil Dan Sederhana. Kita Pulau Pinang telah mempunyai satu kluster, ini bukan kluster COVID tetapi satu ekosistem *E&E Industry* dan sekarang kita masuk ke Industri Peralatan Perubatan. Kita perlu memperkembangkan kedua-dua Kluster Industri ini agar mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang *high value* dan menarik. Memastikan Industri Kecil dan Sederhana kita dapat membangun dengan pesat dan mampan dan seterusnya membawa lebih pendapatan kepada penduduk-penduduk di Pulau Pinang.

Oleh yang demikian, di zsini saya memohon untuk menyokong Rang Undang-Undang Pembekalan Dan Usul Anggaran Pembangunan 2021 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri semalam. Sekian terima kasih.

### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Bukit Tambun. Seterusnya Bertam.

### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq)**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat petang. Yang di-Pertua Timbalan Speaker dan Ahli-ahli yang Berhormat. *Alhamdulillah* kita panjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kali Ke-14 dapat dilaksanakan dengan baik walaupun kita masih di dalam keadaan COVID-19 dan terima kasih juga Bertam ucapan kepada semua petugas dan kakitangan Dewan Undangan Negeri yang telah memastikan Prosedur Operasi Standard ataupun SOP COVID-19 dijaga dan dipatuhi terutama sekali dalam persidangan kali ini.

Kita bersidang di dalam keadaan yang selamat. *InsyaAllah*, dengan adanya saringan suhu badan, penjarakan sosial, *hand sanitizer* pun disediakan dan juga penghadang lut sinar bagi setiap tempat duduk tapi lega jugalah ada penghadang masih boleh bisik kiri kanan boleh bersempang dan menjadi satu cabaran juga untuk berucap memakai *facemask* tetapi kita akur dengan arahan Speaker.

Bertam pada kali ini berada di kawasan yang berbeza daripada persidang yang lepas. Kalau dulu berada di sebelah sana kali ini berada di sebelah sini bersama dengan barisan Yang Berhormat yang mewalkili Perikatan Nasional. Yang di-Pertua Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Walaupun Bertam berada di sebelah barisan pembangkang namun kerjasama antara wakil-wakil rakyat yang lain masih seperti dahulu tidak perlu berubah. Kita masih bersahabat, bertegur sapa dan dalam keadaan tertentu kita bekerjasama demi membela nasib rakyat. Namun dalam hal-hal yang melibatkan masalah rakyat masalah Pentadbiran Negeri ada pekara yang perlu atau wajib disuarakan, yang baik kita akur yang kurang baik kita tegur.

Yang di-Pertua Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kegagalan pentadbiran sesbuah kerajaan akan mengakibatkan kesusahan dan kesukaran kepada rakyat. Ahli-ahli Politik yang asyik berpolitik siang malam tanpa mengira kesukaran kita menghadapi COVID-19 ini menyebabkan rakyat sudah mula muak dengan sikap setengah pemimpin parti politik. Kesan pada rakyat adalah rakyat berasa risau dan terganggu dengan kenyataan-kenyataan media yang tidak bertanggungjawab, dalam keadaan sedemikian pasaran saham akan terkesan dan ianya akan menyebabkan ketidakstabilan ekonomi. Kita masih berada di dalam zon perang COVID-19. Rakyat perlu diutamakan, rakyat mahukan perkembangan ekonomi yang baik dan stabil supaya rakyat Malaysia terutama di Pulau Pinang dapat menjalani kehidupan yang lebih baik.

Yang di-Pertua Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bertam ingin menyentuh beberapa pekara di dalam ucapan kali ini. *Penang Youth Development Cooperation* atau Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang dengan slogannya...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)**

Minta laluan, minta laluan sekejap. Yang Berhormat Bertam, walaupun sekarang Yang Berhormat Bertam telah duduk di ruang pembangkang dan masih anggap kita ni boleh bekerjasama demi rakyat.

#### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq)**

Betul.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)**

Saya harap *you know*, satu hari juga kamu semua yang telah hijrah ke kawasan pembangkang akan dapat kembali dan bekerjasama dengan kita, akan *you know insaallah* melalui ini. Sekian terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq)**

Dia, Yang Berhormat kita boleh bekerjasama dalam pelbagai cara, yang paling penting rakyat diutamakan. Terima Kasih.

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy)**

Bertam saya pun minta laluan. Sekejap sahaja. Tadi Bertam kata ada pemimpin politik yang tamak kuasa. Adakah ini termasuk mereka yang menjatuhkan mandat rakyat pada 28 Februari hari itu? Mereka ini telah membuat satu komplot untuk menjatuhkan parti yang dipilih oleh rakyat untuk memimpin Negara Malaysia dan telah berkomplot untuk kepentingan diri mereka adakah termasuk mereka terutamanya *prime move off the Sheraton Move*, Azmin Ali adakah termasuk mereka sekali.

### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq)**

Yang Berhormat, kalau nak cakap pasal tamak kuasa ini, saya rasa kita bersempang sampai malam pun tak habis dan tidak ada parti politik yang *perfect*. Semua nak kan kuasa tapi itu nanti lah kita bincang...(gangguan). gangguan).

Yang di-Pertua Timbalan Speaker, PYDC ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membangunkan golongan muda dan memperkuatkan kedudukan belia di dalam masyarakat dan peruntukan yang disediakan bagi tahun 2021 adalah sebanyak Ringgit Malaysia satu juta untuk perbelanjaan mengurus dan pelaksanaan program, masalahnya sekarang adalah banyak program ditumpukan di belah Pulau dan di sebelah Seberang Perai programnya lebih kurang, agak kurang. Oleh itu Kerajaan Negeri telah mengeluarkan belanjawan yang tinggi kepada PYDC namun di manakah keberkesanan program dan aktiviti yang dijalankan. PYDC merupakan sebuah organisasi Kerajaan Negeri yang bekerja demi kemajuan belia Negeri Pulau Pinang.

Apa yang Bertam harapkan ialah perbanyakkan lagi Program Sentuhan Masyarakat terhadap golongan belia terutama di sebelah seberang, tanpa mengira ras kaum, agama dan politik. Belia merupakan harapan bangsa dan negara. Seimbangkanlah lantikan Pengurus Besar dan juga Ahli Lembaga Pengarah dari pelbagai kaum. Ini adalah agensi yang berwibawa untuk negeri kita.

Yang di-Pertua Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Program Mutiara *Food Bank*. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Mutiara *Food Bank* sepatutnya memberikan manfaat kepada golongan miskin melalui kaedah menyelamatkan lebih makanan daripada pasaraya besar dan mengagihkan semula makanan tersebut kepada golongan sasar yang telah dikenal pasti, dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, sebanyak RM300,000 akan diperuntukkan bagi kelangsungan pelaksanaan Mutiara *Food Bank* namun apa yang Bertam khuatir setelah program ini berjalan sekian lama matlamatnya semakin tersasar ianya digunakan demi kepentingan pihak-pihak tertentu. Adakah program ini dipantau oleh pihak Kerajaan Negeri dan apakah statistik penerima bantuan makanan ini? Adakah penyaluran makanan ini dijalankan setiap hari, setiap minggu atau setiap bulan? Dan bagaimana pula dengan *rotation* ataupun putaran agihan kepada setiap DUN di Negeri Pulau Pinang?

Dan seandainya sesuatu kawasan yang memerlukan pertolongan, atau bantuan dari Mutiara *Food Bank*, apakah kriteria yang akan diambil. Adakah kawasan pesaing ataupun mengikut kawasan yang dimenangi atau mengikut bancian yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Mutiara *Food Bank* menggajikan Ketua Pegawai Operasi dan lain-lain kakitangan untuk memastikan perjalannya mencapai atau menepati visi dan misi.

Tapi, adakah data-data yang dikemukakan adalah data yang sahih dan boleh digunakan sebagai satu kayu pengukur untuk menentukan taraf hidup rakyat di Pulau Pinang. Itulah persoalannya dan Bertam harapkan agar Mutiara *Food Bank* yang dimulakan hampir empat (4) tahun yang lalu terus membantu rakyat Negeri Pulau Pinang yang memerlukan.

Yang di-Pertua Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pandemik COVID-19 telah memasuki *third wave* ataupun gelombang ketiga, dan Pulau Pinang tidak terkecuali. Kelmarin sahaja tanggal 12 Oktober 2020, Pulau Pinang telah mencatat kes baharu sebanyak 141 kes dari Kluster Penjara Reman dan sehingga kini jumlah keseluruhan kes Kluster Penjara Reman telah mencapai 160 kes. Apa yang dikhuatiri adalah keberkesanan SOP di dalam Penjara Reman, dari segi penjarakan sosial banduan-banduan ataupun OKT-OKT.

Bertam ingin menyeru kepada semua pihak yang berkepentingan sama ada di peringat Negeri mahupun Persekutuan, supaya SOP COVID-19 yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, digunakan dengan lebih ketat semasa mengendalikan OKT-OKT tersebut. Kalau dilihat dari segi pergerakan OKT-OKT ini, ramai-ramai di bawa dari penjara ke Mahkamah dalam

berkumpulan. Adakah penjarakan sosial dipelihara? Semasa ditempatkan di dalam lokap adakah penjarakan sosial dijaga? Semasa didalam Penjara Reman pula. berapa ramai OKT dimasukkan dalam satu sel?

Bertam telah dimaklumkan oleh pegawai dan warden Penjara Reman kelmarin, bahawa pihak penjara memerlukan bantuan segera dalam usaha menangani wabak ini. Terdapat 320 orang anggota dan 2,300 orang banduan di Penjara Reman Pulau Pinang. Dan antara keperluan segera yang diperlukan kakitangan dan banduan di Penjara Reman, adalah seperti berikut *hand sanitizer*, *suit PPE*, *chemical cleaner*, topeng muka, *gloves*, *slipper* bertutup, petugas diwad blok penempatan dan doktor secara bersama, katil bujang, *air cooler*, *pump* racun untuk proses sanitasi, kipas angin, keperluan barang-barang kering dan barang mentah dan lain-lain lagi.

Bertam percaya, bahawa masalah peningkatan mendadak kes COVID-19 di Penjara Reman telah datang tanpa diduga, dan kemungkinan besar pihak penjara tidak bersedia untuk menanggani masalah ini bersendirian. Oleh yang demikian, Bertam menyeru dan merayu kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan NGO-NGO yang berkemampuan, untuk sama-sama menyalurkan bantuan yang secukupnya kepada pihak Penjara Reman Pulau Pinang.

Yang di-Pertua Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Bertam ingin menyentuh sedikit mengenai Pegawai Penyelaras KADUN. Sebagaimana yang semua sedia maklum, Pegawai Penyelaras KADUN atau PPK akan diletakkan di kawasan-kawasan yang tidak diwakili oleh pihak Kerajaan Negeri. Bagaimanapun sekarang ni, keadaan Kerajaan Negeri ada sedikit berbeza. Diletakkan ADUN angkat di kawasan Bertam. ADUN angkat pula melantik Pegawai Seranta yang bertindak sebagai Pegawai Perhubungan di antara pihak Kerajaan dan masyarakat setempat.

Walaupun Bertam berada di pihak pembangkang sekarang tugas dan tanggungjawab Bertam bukanlah mengkritik Kerajaan sahaja. Bertam masih melaksanakan amanah yang diberikan oleh rakyat di Bertam. Kebajikan dan kelestarian rakyat di kawasan masih menjadi agenda utama. Cuma satu sahaja yang Bertam pohon, Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras yang baharu ni, letaklah papan tanda ataupun *banner* yang betul, jangan pula letakkan Pusat Khidmat ADUN Bertam. Colour merah pula tu. Pegawai Penyelaras bukanlah Ahli Dewan Undangan Negeri. Papan tanda yang sesuai boleh diletakkan untuk mengelakkan kekeliruan rakyat kerana ADUN Bertam masih lagi ada, belum lagi diusirkan, dan masih lagi di kerusi ini. Tapi kalau nak diikutkan Yang di-Pertua Timbalan Speaker, untung betul rakyat Bertam ni ada ADUN, ada ADUN angkat, ada Pegawai Penyelaras. So, apa kata rakyat Bertam kekalkan sahaja status EXCO ni, untung rakyat Bertam ada semua.

Yang di-Pertua Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Bertam ingin menyentuh berkenaan infrastruktur jalan di kawasan Taman Rupawan. Jalan pintas dari Taman Rupawan ke Bandar Pusat Bertam Perdana, adalah satu laluan alternatif yang kerap digunakan oleh penduduk sekitar Pongsu Seribu, Taman Seri Serdang, Taman Rupawan malahan menjadi laluan utama bagi penduduk yang ingin terus ke pusat Bandar Bertam Perdana, ataupun Bertam Kiosk.

Melalui Bertam Kiosk ini, ada yang terus ke jalan utama yang lain dan ini adalah kerana jalan ini adalah jalan pintas yang cepat. Apa yang berlaku sekarang ini, jalan ini tidak dapat menampung jumlah kenderaan yang menggunakan jalan ini. Pembaikan, yakni penurapan semula jalan telah di buat beberapa kali, namun begitu *road shoulder* atau bahu jalan telah diletakkan, cuma *crusher run* sebanyak lima (5) kali untuk menampung lopak-lopak yang terjadi apabila kenderaan berselisih di jalan. Jalan ini merupakan jalan kampung di bawah seliaan Pejabat Daerah. Bertam ingin mencadangkan bahawa jalan ini dinaiktarafkan, memandangkan jalan ini telah menjadi satu laluan utama, antara jalan dari Pongsu Seribu ke Bandar Pusat Bertam Perdana.

Yang di-Pertua Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Bertam juga mengikuti perkembangan sukan Negeri Pulau Pinang. Jika kita lihat dari sejarah bola sepak negara kita, Pulau Pinang merupakan salah satu negeri yang melahirkan pemain-pemain bola sepak negara yang tersohor. Nama seperti Shukor Salleh dan Isa Bakar sudah tidak asing lagi bagi peminat bola sepak negara.

Namun begitu, kegemilangan Negeri Pulau Pinang pada era 70-an ini hampir lenyap, sepi bagai Pulau Pinang tiada pemain yang berkaliber. Tetapi kini dengan pengurusan yang baru, yang diterajui oleh Yang Berhormat Amar Pritpal selaku Timbalan Speaker kita, Pulau Pinang telah berjaya menjadi Juara Liga Perdana dan diangkat naik ke Liga Super pada musim akan datang, dan layak ke Malaysia Cup. Syabas dan tahniah Timbalan Speaker, tahniah juga kepada jurulatih Manzor Azwira, dan semua pemain Pulau Pinang yang menjadi wira negeri kita.

Bertam ingin juga mencadangkan agar Penang FA lebih banyak mengadakan klinik-klinik bola sepak, terutama di kawasan luar bandar untuk mencungkil bakat-bakat baru. Bakat-bakat muda untuk meramaikan lagi *talent...(dengan izin)* untuk Pasukan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang. Kita bercakap mengenai sukan yang menjalinkan hubungan antara kaum di negara kita amnya, negeri kita Pulau Pinang khususnya.

Bertam ingin menarik perhatian Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, untuk melihat serta meninjau gelanggang Majlis Sukan Negeri di Titi Mukim. Tinjauan yang dibuat secara sepantas lalu, gelanggang itu seperti tidak digunakan sepenuhnya. Dewan di dalam kawasan, tidak terurus dan perlukan pemberian. Agak malang kita mempunyai gelanggang dan dewan, tetapi tidak digunakan secara optimum. Bertam harapkan agar pihak yang bertanggungjawab, akan lebih memberi perhatian kepada gelanggang yang telah sedia ada.

Yang di-Pertua Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bertam ingin menarik perhatian sekali lagi berkenaan lampu limpah Stadium Bola Sepak Majlis Bandaraya Seberang Perai di Bertam. Kalau tidak silap permohonan telahpun dikemukakan, agar lampu limpah stadium ini diadakan bagi memudahkan sebarang permainan atau perlawanan bola sepak diadakan di waktu malam. Dan Bertam juga memohon agar padang untuk *lawn bowl* di Kompleks MBSP itu dibaik pulih dengan segera. Inilah satu-satunya padang untuk *lawn bowlers* kita berlatih di Seberang Perai Utara. Inisiatif Pejabat Exco Belia Dan Sukan untuk mempercepatkan proses pemulihan ataupun pemberian ini amat-amatlah diharapkan. Stadium Hoki Bertam sudahpun dibaik pulih, lampu limpah pun sudah tersedia, hanya tunggu bilakah tarikh yang sesuai untuk dirasmikan. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan Pulau Pinang, yang telah membantu untuk menyegerakan pemberian Stadium Hoki tersebut. Stadium Hoki yang boleh digunakan oleh masyarakat setempat, dan juga boleh digunakan oleh pasukan hoki negeri untuk latihan, malah boleh diadakan juga perlawanan atau pertandingan di peringkat SUKMA.

Yang di-Pertua Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Bertam merupakan pusat pentadbiran bagi Daerah Seberang Utara, dan merupakan kawasan yang penting dan menjadi tumpuan masyarakat di Daerah Seberang Perai Utara. Apa yang kurang di situ adalah kawasan rekreasi. Kawasan riadah yang diperlukan sebagai kawasan untuk merehatkan minda. Bertam sekali lagi ingin mencadangkan kawasan Bertam Kiosk diperindah dengan lukisan mural yang dapat menarik pengunjung. Lukisan-lukisan mural seperti ini dibuat seperti *Street Art* di Jalan Armenium, Jalan Pantai dan sebagainya.

Dan harapan Bertam dengan terlaksananya lukisan sebegini, ianya akan menjadi satu tarikan pengunjung Bertam. Segala usaha ini adalah untuk memajukan kawasan Bertam sebagai destinasi alternatif selain pelancong hanya tertumpu di bahagian pulau, mereka mempunyai pilihan untuk datang menginap di Seri Malaysia Bertam, melawat Taman Herba, meninjau burung-burung hijrah dan menikmati beraneka hidangan lazat di Kiosk Bertam.

Yang di-Pertua Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Bertam ingin merakamkan ucapan terima kasih pada Kerajaan Negeri yang prihatin terhadap masyarakat

dengan menyalurkan bantuan semasa kita dilanda Pandemik COVID-19. Bertam berharap Kerajaan Negeri akan terus menyalurkan bantuan melalui ADUN-ADUN yang dipilih rakyat walaupun, sekarang berada di barisan pembangkang, dan Bertam berharap selepas ini Bertam akan menjadi pembangkang yang aktif dalam menegur Kerajaan demi kebaikan masyarakat di Negeri Pulau Pinang.

Terima kasih juga Bertam ucapan kepada semua barisan hadapan *Frontliners* COVID-19 yang telah dan masih bertugas tanpa mengenal penat lelah. Terima kasih kepada Kakitangan Hospital, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, RELA, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agensi-Agenzi Kerajaan Persekutuan dan Agensi-Agenzi Kerajaan Negeri dan semua insan yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tak langsung. Terima kasih sekali lagi.

“Pucuk Dicita Ulam Mendatang,

Pucuk Pauh Delima Batu,

Walaupun Bertam Didalam Pembangkang,

Namun Kita Tetap Bersatu”

Dan akhir kata, Bertam, Teluk Bahang, Seberang Jaya dan juga Sungai Acheh, kami bersedia berhadapan dengan Usul pengosongan kerusi kami di bawah Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang pada bila-bila masa selepas ini. Kami tidak gentar dan *insyaAllah* kami akan kekal di kerusi kami berempat selagi mana rakyat memerlukan khidmat kami.

Sekian *Wabilahitaufiq walhidayah Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh*. Terima kasih.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih, Bertam. Seterusnya?

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Pengkalan Kota.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Pengkalan Kota.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih, di atas peluang untuk mengambil bahagian di sesi Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Dan Usul Anggaran Pembangunan 2021 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, pada 12 Oktober 2020.

Ingin saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, di atas pembentangan Bajet 2021 Negeri Pulau Pinang yang berlandaskan kepada 4 Strategi Utama untuk memastikan Negeri Pulau Pinang kekal di atas landasan pemulihan pasca Pandemik COVID-19. Pada saat negara dan negeri kita masih dilanda Pandemik COVID-19, ia merupakan satu cabaran dan ujian yang besar terhadap urus tadbir ataupun (dengan izin) *government* dan siap siagaan sesebuah Kerajaan. Namun demikian, kita boleh bangga dengan pencapaian Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diterajui oleh Pakatan Harapan di dalam perjuangan melawan COVID-19 ini.

Penang Lawan COVID-19. Ini semata-matanya sebuah cogan kata tetapi ia benar-benar mencerminkan keikhlasan dan hasrat Kerajaan Negeri di dalam usaha untuk membantu rakyat Pulau Pinang mengharungi Pandemik COVID-19. Melalui Pakej Bantuan Rakyat yang dilaksanakan dalam pelbagai fasa. Sejumlah RM155.5 juta telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan yang paling terkesan di negeri kita ini. Ini juga termasuk

saluran peruntukan segera sebanyak RM30,000.00 kepada setiap Ahli Dewan Undangan Negeri tanpa mengira fahaman politik untuk merancakan usaha menentang COVID-19 ini.

Dari segi pentadbiran, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang melibatkan Ketua Pembangkang di peringkat Majlis Keselamatan Negeri bagi mengorak langkah dan strategi untuk membantu warga Pulau Pinang mengharungi norma baharu sepanjang Pandemik COVID-19 ini. Jadi, kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Pembangkang dan juga sudi menerima jemputan Kerajaan Negeri untuk sama-sama kita mengorak langkah melawan Pandemik COVID-19 ini.

Di peringkat Pengkalan Kota. sukacita saya memaklumkan bahawa selain daripada bantuan bekalan makanan yang disalurkan lebih daripada 1,200 isi keluarga dan lebih daripada 50,000 pelitup muka yang telah disalurkan kepada setiap unit kediaman. Kita turut berusaha untuk memulihkan operasi Pasar Malam Gat Lebuh Macallum dengan tujuan untuk membantu para peniaga kecil di dalam pemulihran pendapatan meskipun berhadapan dengan kos operasi yang lebih tinggi susulan dengan pematuhan SOP yang berkenaan.

Jadi di kesempatan ini, ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Klinik Kesihatan Jalan Perak dan Klinik Kesihatan Berapit yang telah memberi layanan yang terbaik kepada saya ketika kuarantin rumah yang dijalankan dari 26 September hingga 10 Oktober yang lepas. Dengan ujian swap yang dijalankan pada 27 September dan 3 Oktober dan disusuli dengan *rapid test* pada 9 Oktober yang semuanya menunjukkan keputusan negatif. Ia bukan saja menjaminkan keselamatan dan kesihatan saya serta keluarga saya, bahkan para penduduk yang bakal saya bertemu di dalam menunaikan tanggungjawab saya sebagai wakil rakyat. Dan di Pulau Pinang ini sememangnya kita tidak mengamalkan sikap antara dua darjah. Kita semua mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan dan kita juga turut menjalankan kuarantin di rumah seperti yang dikehendaki dan tidak ada sebarang layan istimewa bahawa kita boleh ke sana ke sini tanpa memerhatikan isu kuarantin ini.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Pengkalan Kota. Saya hendak dapatkan pandangan Pengkalan Kota mengenai layanan antara dua darjah ini. Pengkalan Kota seorang rakyat Malaysia yang telah melawat ke negeri Sabah, dalam Malaysia. Walaupun sudah balik sebelum 27 haribulan tetapi masih menjalankan kuarantin kendiri dengan suka relanya, tidak dipaksa pun. Tetapi ada seorang Menteri Kabinet ke luar negara, Turki lepas itu tidak kuarantin diri. Hadir Mesyuarat Parlimen, hadir ke sana ke sini selepas itu dia hanya bayar RM1,000 sahaja denda. Apakah pandangan dan selepas ini bila dia sedang terima kritikan hebat malah daripada rakan sekutunya sendiri, Mantan Perdana Menteri, Najib sendiri menyatakan. Bosku, Permatang Pasir cakap. Bukan bos aku. Bos Ketua Pembangkang. So, dia menyatakan perlu ambil tindakan tegas tetapi Menteri ini pula salahkan DAP. Ini semua salah DAP. Apakah pandangan Pengkalan Kota mengenai tentang Menteri yang betul-betul yang tidak bertanggungjawab daripada Parti PAS ini?

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Terima kasih. Terima kasih kepada rakan saya daripada Bagan Dalam. Saya rasa memang persoalan ini kita serahkan kepada Menteri yang berkenaan bagi menjawab. Sememangnya tindakan yang diambil oleh beliau untuk mengamalkan sikap antara dua darjah ini sememangnya telah membangkitkan kemarahan rakyat. Tapi, bagaimanapun saya tidak

boleh menjawab bagi pihak dia la, Mohon Menteri itu boleh perjelaskan status dan pendirian beliau berhubung isu tersebut.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, salah satu cabaran utama seiring dengan Pandemik COVID-19 ini adalah kehilangan peluang pekerjaan dan kadar pengangguran. Kita dikejutkan dengan keputusan penutupan beberapa kilang tekstil dan industri pakaian. Namun, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan segera untuk membantu mereka yang terjejas untuk mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran mereka. Meskipun banyak industri yang membuat keputusan untuk meneruskan perniagaan mereka demi memastikan kesinambungan pendapatan bagi para pekerja mereka. Namun, banyak di antara pekerja yang masih mempunyai pekerjaan ini terpaksa menerima skim pemotongan dan pengurangan gaji ketika ini. Sehubungan dengan itu, saya menyambut baik cadangan Kerajaan Negeri untuk terus memperkasakan Pusat Bantuan Kerjaya Dan Bakat Pulau Pinang ataupun *Penang Career and Talent Assistance Center* dengan kerjasama erat bersama Jabatan Tenaga Kerja untuk membantu mencari penyelesaian kepada mereka yang kehilangan peluang pekerjaan.

Ingin juga saya mencadangkan supaya Penang CAT Center ini ditingkatkan keupayaan serta kapasiti operasi supaya ia setaraf ataupun lebih berkesan berbanding dengan agensi pekerjaan berlesen dan swasta dan dijadikan sebuah saluran yang bertauliah dan mekanisma padanan utama untuk kedua-dua pihak pada pihak majikan dan pekerja.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan salah sebuah kerajaan di Malaysia yang mewujudkan Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar ataupun *Urban Renewal Community* (URC). Inisiatif ini adalah amat baik untuk melihat kepada pembangunan dan pembaharuan semula khususnya bangunan-bangunan kediaman yang lama. Di peringkat ini, meskipun usaha dan inisiatif ini menghadapi sedikit cabaran dan kekangan dari segi undang-undang, namun saya yakin jawatankuasa tersebut di bawah naungan Yang Berhormat Datok Keramat dapat mengatasi cabaran tersebut dan mempercepatkan inisiatif yang mampu membawa wajah baru dan keadaan kediaman yang lebih selesa dan lestari khususnya kepada mereka yang masih menetapkan di bangunan kediaman lama ini.

Sukacita saya ingin mencadangkan agar Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar ini melihat kepada projek perumahan PDC di sekitar Pintasan Cecil dan Pengkalan Weld ini. Umum mengetahui bahawa projek-projek perumahan sebegini di bangunan pada era pembangunan projek KOMTAR terdahulu dan reka bentuknya tidak begitu kondusif. Malah kita seringkali terkejut apabila kita mendapat berita bahawa unit-unit rumah yang lama ini mengalami stuasi kebakaran dan adalah susah untuk penduduk menyelamatkan diri apabila kecemasan berlaku.

Jadi, memandangkan projek-projek perumahan ini adalah jenis landai ataupun (dengan izin)...*landed* adalah wajar Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan pelaksanaan pembaharuan semula projek perumahan ini dengan mengambil kira faktor ketumpatan dan juga kemudahan tambahan yang dapat dibekalkan sekiranya pembangunan perumahan berstrata dapat dikaji dan dipertimbangkan. Selain daripada itu, laporan akbar The Star pada 20 Ogos yang lalu dengan tajuk *Heritage Buildings Life To Rot*. Ia telah memaparkan bangunan-bangunan usang di sekitar kawasan George Town khasnya di Lebuh Victoria yang ditinggalkan. Meskipun ketika ini Majlis Bandaraya Pulau Pinang mempunyai undang-undang yang berkenaan untuk mengatasi masalah bangunan usang tertinggal ini. Namun dia menghadapi kekangan khususnya kepada pemilik bangunan yang gagal dikesan.

Sehubungan dengan itu, ingin saya mencadangkan skim insentif dapat dikaji dan dilaksanakan khasnya kepada pemilik-pemilik bangunan usang ini untuk memupuk dan menggalakkan penyelenggaraan dijalankan serta aktiviti perniagaan atau kediaman dapat dijalankan di bangunan-bangunan usang tertinggal tersebut.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Di dalam usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan *mobility* dan sistem pengangkutan serta lalu lintas di negeri ini, kita berasa bangga dengan pencapaian Pakatan Harapan untuk mengurangkan jurang khususnya di antara penduduk kawasan Seberang Perai dan kawasan Pulau. Daripada pengumuman yang dibuat oleh Mantan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Air Putih tentang pemansuhan tol motosikal di Jambatan Pertama Pulau Pinang dan juga penurunan kadar tol secara keseluruhan untuk kedua-dua jambatan. Kerajaan Negeri kini juga telah mewujudkan perkhidmatan CAT Bridge pada September yang lalu sebagai jalinan perkhidmatan bas percuma kepada warga Negeri Pulau Pinang. Ini sebenarnya merupakan satu pencapaian yang patut dibanggakan memandangkan sepanjang sejarah Negeri Pulau Pinang, tidak pernah warga dari Seberang Perai dapat merentasi ke kawasan Pulau secara percuma sehinggakan lah Pentadbiran Pakatan Harapan di peringkat pusat dan negeri sejak 2018.

Sehubungan dengan itu, seharusnya perkhidmatan sebegini diwar-warkan kepada warga Pulau Pinang khususnya kepada mereka yang menetap di kawasan Seberang Perai dan ini menunjukkan keprihatinan Pakatan Harapan di dalam mengurangkan jurang khasnya pembangunan di antara Seberang Perai dan juga kawasan Pulau. Apabila kita berbicara dengan isu pengangkutan ini, kita memang dikecewakan dengan perkhidmatan feri yang tergendala pada 24 Ogos yang lalu. Dan seperti mana yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Kawasan Bagan Dalam. Perkara ni telah dibangkitkan di peringkat Dewan Rakyat pada 50 tahun yang lalu. Dan pada hari ini juga isu ini masih membelenggu rakyat di Negeri Pulau Pinang ini. Jadi, kita berharap agar Kementerian Pengangkutan dapat mengambil tindakan yang segera dan membentangkan perancangan mereka terhadap hala tuju perkhidmatan feri ini pada kadar segera kepada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dan merujuk kepada isu *mobility* juga, baru-baru ini Menteri Pengangkutan telah mengumumkan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk memasukan terma kawalan selia untuk *micro mobility*. Jenis-jenis *micro mobility* yang berlainan seperti basikal, elektrik skuter yang menetapkan syarat *micro mobility* ini melalui Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan Pindaan 2020.

Umum mengetahui bahawa Negeri Pulau Pinang merupakan salah sebuah negeri yang mempunyai Pelan Induk Laluan Basikal dan kini laluan basikal sepanjang 365km telahpun siap dibina dan diwujudkan di Negeri Pulau Pinang ini di kedua-dua belah Pulau dan juga di Kawasan Seberang Perai. Jadi, sukacita saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat meneliti kemungkinan untuk memantapkan lagi perkhidmatan *micro mobility* dan sebagai contoh skuter elektrik sebagai salah satu penyelesaian kepada situasi lalu lintas yang dihadapi sekarang dan dengan adanya pra syarat iaitu laluan basikal yang meliputi secara menyeluruh, ia sememangnya dapat dijadikan sebagai tambahan kepada Pelan Induk Pengangkutan yang bertujuan untuk menyelesaikan kemelut lalu lintas yang kita hadapi sekarang.

YB. Timbalan Yang di-Pertua. Pada 5 Februari awal tahun ini. Satu *accident* atau kemalangan telah berlaku di Pengkalan Tun Raja Uda di mana sebuah treler yang melebihi had ketinggian telah merempuh jejantas di Pengkalan Weld. Akibat daripada kemalangan ini, kita telah kehilangan sebuah ikon warisan yang penting untuk Bandar George Town di mana jejantas tersebut berkemungkinan merupakan jejantas yang paling awal dibina di Negeri Pulau Pinang pada tahun 1960an. Dan saya ingin merakamkan terima kasih kepada pasukan Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang mengambil tindakan segera untuk mengalihkan jejantas yang rosak tersebut dalam masa yang singkat untuk memulihkan keadaan lalu lintas di kawasan tersebut. Meskipun laluan pejalan kaki diwujudkan kini bagi menggantikan jejantas ikonik tersebut, ia merupakan satu kerugian yang besar kepada warisan kita di mana jejantas tersebut merupakan satu titik ingatan kolektif kepada semua warga Pulau Pinang.

Jadi sehubungan dengan itu, ingin saya mendapatkan maklumat lanjut berhubung dengan tindakan mahkamah yang diambil oleh pihak MBPP terhadap pihak yang mengakibatkan *accident* kemalangan tersebut. Bagi rangka jejantas yang rosak tersebut,

saya berharap tindakan konservasi dapat diambil agar ingatan kolektif dan *icon* warisan kita ini dapat dilindungi dengan sewajarnya.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, tahun ini adalah satu tahun yang istimewa buat penduduk yang menetap di Flat Gat Leboh Noordin. Pada tahun ini kita meraikan sambutan ulang tahun ke-50 untuk Flat Gat Leboh Noordin yang siap di bina pada tahun 1970. Sebagai hadiah untuk meraikan jubli emas ini Kerajaan Negeri telah meluluskan kerja-kerja pengecatan Flat Gat Leboh Noordin yang bernilai RM284 900 dan kerja-kerja pengecatan ini telah pun disiapkan sepenuhnya pada awal tahun ini.

Jadi sempena dengan sambutan jubli emas ini juga, Pusat Khidmat KADUN Pengkalan Kota dengan kerjasama CDI juga di dalam proses untuk mengumpul gambar-gambar bersejarah untuk tujuan penganjuran pameran yang bertajuk '*Home At Noordin Street Gat Flat*' sebagai usaha untuk memelihara detik warisan yang penting khususnya untuk bandar George Town ini. Setakat kini, kita telah berjaya mengumpul sebanyak 110 keping gambar bersejarah dan kita turut mengalu-alukan mereka yang mempunyai maklumat dan gambar yang berkaitan turut menyumbang kepada pameran tersebut.

Dengan ini, saya menyampaikan ucapan terima kasih kepada Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang kini dalam proses untuk membantu para penduduk di Flat Gat Leboh Noordin untuk mewujudkan Perbadanan Pengurusan menjelang ulang tahun ke-50 projek perumahan tersebut.

Dan di sini juga ingin saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Paya Terubong di atas inisiatif untuk menganjurkan pameran sejarah bagi kawasan Sia Boey ataupun Hujung Pasir dan saya berharap lebih banyak inisiatif sebegini dapat dianjurkan sebagai usaha kita memelihara keunikan warisan yang menjadikan Bandar George Town bandar bersejarah ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita menyaksikan bagaimana polisi pusingan U ataupun *u-turn* yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi yang telah mengakibatkan kesusahan kepada golongan mahasiswa dan keluarga mereka apabila sesi lapor diri dan semester baharu terpaksa ditangguhkan. Akibat daripada itu, banyak di antara golongan mahasiswa terkandas dan terpaksa menanggung kerugian seperti sewa bilik dan kos perjalanan dan ini telah menimbulkan perasaan yang tidak puas hati sehingga Menteri Pengajian Tinggi perlu memohon maaf seakibat pusingan U polisi tersebut.

Selain daripada itu, kelajuan dan *relevant* urus tadbir adalah amat penting di era Pandemik COVID-19 ini di mana kita lihat melalui pengamalan sistem di antara dua darjah ini, ini telah menyebabkan kemarahan rakyat sehingga *#muhyiddinout* menjadi *trending* di laman Twitter yang mendesak Perdana Menteri untuk meletak jawatan. Perkara ini telah menunjukkan secara jelas reaksi dan tindakan khususnya golongan belia terhadap kegagalan urus tadbir Kerajaan Persekutuan dan di era ini kelajuan *respond* khususnya berhubung dengan urus tadbir Kerajaan merupakan aspek yang penting dan diingini khususnya golongan belia.

Dan sebagai usaha untuk memantapkan penyampaian. ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Minta laluan, minta laluan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Ya, terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Kota. Tadi Yang Berhormat Pengkalan Kota telah katakan bahawa belia dan menunjukkan kekuatan mereka melalui aspek media sosial terutamanya melalui isu yang mahasiswa itu tadi yang telah dibangkitkan. Bolehkan

saya tanya saudara Yang Berhormat Pengkalan Kota, apakah pendapat Pengkalan Kota terhadap golongan belia untuk masa depan politik negara?

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Terima kasih kepada rakan saya daripada kawasan Pulau Tikus, yes sememangnya kita boleh nampak isu ini menjadi satu isu yang besar dan beberapa negeri khususnya di bawah Pakatan Harapan dan juga wakil-wakil rakyat. Pakatan Harapan telah mengambil tindakan proaktif untuk menyalurkan bantuan kepada golongan mahasiswa yang terlibat ini.

Jadi, di Negeri Pulau Pinang kita juga menyediakan bantuan kepada mahasiswa mahasiswa ini yang telah berjaya mendapatkan tawaran di Institut Pengajian Tinggi Awam ini. Jadi, saya rasa usaha di negeri Pulau Pinang ini juga dapat boleh kita dipertingkatkan bagi menyalurkan lebih banyak bantuan kepada golongan belia ini.

Dan di dalam usaha kita untuk memantapkan lagi penyampaian urus tadbir, Kerajaan Negeri khasnya dengan isu-isu yang berkait rapat dengan golongan belia, kita seharusnya memandang serius terhadap satu saluran ataupun *platform* perhubungan dua hala, golongan belia dengan Kerajaan Negeri. Meskipun Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan proaktif melalui penubuhan Perbadanan Belia Pulau Pinang. Usaha gigih perlu dipertingkatkan lagi untuk memastikan suara dan aspirasi golongan belia didengari dan diteliti.

Dan menurut jawapan bertulis yang dibekalkan oleh Yang Berhormat Bagan Jermal, kita gembira untuk mengetahui bahawa sebanyak 7,262 orang penjawat awam yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri di pelbagai agensi adalah mereka yang berusia 40 tahun dan ke bawah. Dan dengan jumlah yang mengalakkannya ini, saya berpendapat bahawa suara dan keinginan golongan belia sememangnya dapat didekati dan seterusnya meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri khasnya kepada golongan belia ini.

Pada masa yang sama ini kita menjaminkan masa depan Pulau Pinang, seharusnya fokus kita perlu ditujukan untuk membela nasib golongan belia yang merupakan masa depan negeri kita.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, akhir kata Bajet 2021 Negeri Pulau Pinang ini yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sememangnya relevan dan memenuhi aspirasi rakyat di era Pandemik COVID-19 ini. Meskipun banyak di antara tugas dan tanggungjawab untuk memimpin rakyat mengharungi Pandemik COVID-19 ini sebenarnya adalah tanggungjawab di bawah Kerajaan Persekutuan. Namun, dengan sedaya upaya kita, Kerajaan Negeri tetap akan memimpin usaha untuk melawan dan mengatasi musibah COVID-19 ini dan dengan kata-kata itu saya memohon menyokong.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih, seterusnya Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Terima kasih Dato' Timbalan Speaker, salam sejahtera, salam sayangi Malaysia dan salam mutiara. Terima kasih pada Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021 yang telah berjaya dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang.

Pandemik COVID-19, adalah satu bencana dunia yang telah mencacatkan pertumbuhan ekonomi keseluruhan negara di dunia. Banyak sektor ekonomi telah terjejas teruk baik dari bidang pembuatan, pembinaan dan juga perkhidmatan.

Sejak Perintah Pengawalan Pergerakan (PKP) diumumkan pada Mac lalu banyak perusahaan-perusahaan telah memperkecilkan jumlah kakitangan. Di Pulau Pinang pula, rata-rata kajian lapangan yang telah dibuat menunjukkan bahawa golongan belia di negeri ini juga merupakan golongan besar yang terkena tempias yang sama akibat dari pandemik ini. Maka saya ingin cadangkan beberapa program dan juga inisiatif Pelan Penjanaan Semula

yang perlu difikirkan oleh semua pihak untuk membantu mengeluarkan golongan belia dari masalah ini secepat mungkin.

Inisiatif yang pertama yang saya ingin cadangkan adalah mengkaji Program Geran Usahawan Belia Mutiara. Program ini merupakan bantuan tunai secara *one-off* kepada usaha-usahaan belia di Pulau Pinang yang telah terkesan teruk sejak pandemik ini bermula. Sama ada pemberian ini bersifat suguhan kepada yang layak menerima atau ditawarkan dengan konsep bayaran balik ini perlu diteliti oleh pihak agensi yang terlibat. Program ini memberi fokus kepada Industri Kecil Sederhana yang mana bukan sahaja memberi kesan kepada satu pihak lain iaitu usahawan belia sahaja namun peluang IKS mampu mewujudkan juga peluang-peluang pekerjaan yang mampu membantu belia lain yang ditimpa nasib yang sama sejak wabak ini melanda negara kita.

Pun begitu dengan keadaan yang masih perlu mengikut SOP saya juga ingin memberi cadangan peluang perniagaan bersifat atas talian. Jika kita lihat pada *trend* semasa banyak perniagaan fizikal telah mengalami kerugian yang besar. Ini juga merupakan tindakan berjaga-jaga yang diambil oleh rakyat untuk menghindarkan diri mereka dari terkena jangkitan COVID-19.

Jika dilihat pula dari skop pengguna maka ramai masyarakat hari ini lebih gemar membuat pembelian atas talian kerana mereka yakin dapat menjauhkan diri dari terkena jangkitan wabak ini. Maka, saya cadangkan untuk mengkaji lebih dalam peluang-peluang perniagaan atas talian agar dapat membantu golongan belia yang terkesan teruk sejak beberapa bulan yang lepas.

Di samping itu, sebenarnya ramai graduan-graduan mahasiswa dan mahasiswi di negeri ini juga terkesan. Bagi sektor industri yang dikekalkan sudah pasti mereka yang telah mempunyai pengalaman yang bertahun dalam sektor pekerjaan tersebut. Namun bagi graduan yang baru sahaja selesai menamatkan pengajian mereka tidak tahu nak ke mananya. Maka saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memulakan inisiatif *hire graduate....(dengan izin)*.

*Hire graduate....(dengan izin)* merupakan inisiatif yang akan menghubungkan syarikat-syarikat industri di dalam Negeri Pulau Pinang bersama pemantauan Kerajaan Negeri dalam membantu pengambilan pekerja bagi mereka yang baru sahaja menamatkan pengajian. Jadi ia tidak hanya tertumpu kepada syarikat-syarikat industri, agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri juga boleh bersama untuk menjayakan inisiatif ini.

Jadi amat diharapkan bahawa mahasiswa dan mahasiswa kita yang telah tamat pengajian masih boleh mendapat tempat di Pulau Pinang. Timbalan Speaker kalau dahulu ungkapan yang sering disebut-sebut oleh orang ramai pihak iaitu anak muda merupakan pemimpin masa depan tidak lagi boleh dipakai kerana saya percaya bahawa anak-anak muda sekarang adalah pemimpin pada hari ini. Namun begitu, saya juga merasakan bahawa ungkapan ini tidak harus kekal sebagai ungkapan semata-mata namun perlu dibuktikan dengan inisiatif-inisiatif dengan perbincangan yang lebih menyeluruh agar kita mampu membuktikan bahawa sebenarnya dari bidang pembangunan belia di Pulau Pinang ini Kerajaan Negeri amatlah komited untuk membangunkan belia di negeri ini.

Izinkan saya untuk mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, tentang beberapa inisiatif penting di bawah pembangunan belia yang perlu dikaji dengan lebih serius. Pertamanya, pembangunan belia dari aspek kepimpinan. Saya amat percaya bahawa kepimpinan belia sepatutnya difokuskan kepada belia kawasan tempatan dari pelbagai lapisan kawasan penempatan baik dari luar bandar dan juga di kawasan bandar.

Salah satu inisiatif yang telah diwujudkan iaitu Pengerak Belia Tempatan sepertimana yang telah dimulakan oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2010 dan 10 tahun kemudian memberi orang kata *a lot of benefit....(dengan izin)*.

Program ini melibatkan belia-belia di peringkat yang paling dekat dengan masyarakat sekitar mereka untuk membantu bersama Kerajaan Negeri untuk menyuarakan apa-apa isu berbangkit serta pergerakan program-program pembangunan belia di kawasan. Untuk makluman, program ini dijalankan dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri dan juga ADUN Kawasan sebagai penasihat kepada kumpulan Penggerak Belia dan fungsi mereka adalah untuk merancang program-program di kawasan tempatan dengan tujuan untuk membimbing belia agar tidak terlibat dengan gejala sosial di samping membantu mereka yang berpotensi untuk mendapatkan peluang-peluang yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Apabila kita membincangkan tentang aspek kepimpinan belia di Pulau Pinang sudah pasti kesedaran pendidikan politik tidak terkecuali. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan ketika memegang tumpuk kepimpinan Kerajaan Pusat beberapa bulan yang lalu. Kerajaan ini telah berjaya membuat pindaan Rang Undang-Undang Perlembagaan pindaan 2019 Fasa 1 Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan umur seorang warganegara yang layak untuk mengundi dari 21 kepada 18 serta membuat pindaan kepada perenggan iaitu untuk menurunkan umur warganegara yang layak mengundi menjadi Ahli Dewan Rakyat daripada 21 hingga lah ke 18 dengan sokongan majoriti lebih dua pertiga.

Jadi apabila disebut tentang kesedaran politik ramai pihak sebenarnya masih kurang peka terhadap maksud sebenar yang cuba disampaikan. Inisiatif ini bukanlah memaksa diadakan pendaftaran terhadap parti-parti politik atau menyuruh agensi kerajaan yang terlibat dalam pergerakan parti politik tetapi perkara ini lebih memberi kesedaran kepada belia di Pulau Pinang tentang peranan dan juga tanggungjawab mereka sebagai rakyat Malaysia dalam pilihanraya misalnya.

Sidang Muda Pulau Pinang juga merupakan satu program yang baik di bawah Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang. Namun begitu, jika dilihat sejak tahun 2016 hingga kini, keterlibatan golongan belia Pulau Pinang dalam program ini makin hari makin kurang memberangsangkan. Modul dan juga latihan juga tidak membawa banyak perubahan yang ketara. Mengambil kesempatan ini saya juga ingin memohon agar pihak PYDC mengkaji semula modul yang lebih berkesan untuk menarik minat belia terhadap program seperti ini supaya dapat mendedahkan belia tentang konsep kenegaraan. Pecahan bidang kuasa dari aspek ideologi politik dan juga peranan sebagai rakyat Malaysia.

Apabila inisiatif Kerajaan dalam memperbanyakkan program-program kesedaran untuk pembangunan belia ini sudah dimulakan, saya juga berharap bahawa program-program ini dapat juga sambutan yang hangat dari golongan belia di negeri ini. Oleh itu, saya juga ingin mencadangkan supaya agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri yang terlibat dalam pembangunan belia perlulah memperluaskan lagi untuk menjenamakan identiti agensi masing-masing.

Rata-rata belia di Pulau Pinang sendiri masih tidak sedar bahawa sebenarnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai badan yang membantu dalam program-program pembangunan belia di Pulau Pinang. Jadi tingkatkanlah promosi dan juga program-program di kawasan-kawasan tumpuan belia.

Timbalan Speaker, Pulau Pinang sebuah negeri yang bertuah. Bukan sahaja dilihat dari hasil perkembangan ekonomi yang terus meningkat, namun juga sangat kaya dengan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Mohon laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Dipersilakan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Terima kasih Seri Delima. Saya tertarik dengan perbahasan tentang peranan belia dalam politik yang patut dibangunkan supaya negara ini bergerak lebih maju ke hadapan. Kalau kita melihat kepada masyarakat di luar sana terutamanya di negara-negara maju seperti di New Zealand, Perdana Menterinya begitu muda, seorang wanita berumur 37 tahun, Jacinda Ardern dan juga di Perancis, Presidennya Emmanuel Macron, berumur 38 tahun ketika diangkat sebagai Presiden. Tetapi di negara ini, kita melihat bahawa kepimpinan utama negara itu jika nak diserahkan kepada orang muda, memang agak sukar. Jadi pada pandangan Seri Delima, apakah kekangan utama yang membuatkan negara ini begitu sukar untuk mengangkat orang muda sebagai pemimpin utama. Pemimpin itu memang telah diangkat tetapi sebagai pemimpin utama sepertimana yang telah ditunjukkan, telah dimanifestasikan di negara-negara barat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Okey, Yang Berhormat Permatang Pasir ya, saya rasa, orang kata *another words, the biggest challenge* kerana orang kata, *there's saying "Rome was not built in one day"*....(dengan izin). Jadi salah satu cabaran yang perlu kita atasi adalah untuk memperluaskan, orang kata, memperbanyakkan suara-suara anak-anak muda ini. Kita sebagai wakil rakyat ataupun yang lebih berpengalaman, yang berusia, kita perlulah memberi dorongan dan juga sokongan kepada anak-anak muda untuk supaya mereka lebih yakin diri untuk menyuarakan isu-isu, untuk menyuarakan isi hati mereka.

Jadi kalaualah kita dilihatkan dari segi identiti sejarah, semakin hari semakin kita cenderung untuk memperkenalkan tapak-tapak warisan dunia di Bandar Warisan Pulau Pinang. Namun begitu, sebenarnya ada perkara yang sama penting dengan tapak warisan sedia ada iaitu seni dan budaya asal rakyat Pulau Pinang yang sudah bertapak sekian lama sejak awal abad ke-17. Seni dan budaya datang seiring dengan pelayaran etnik-etnik asal yang awalnya datang untuk berdagang. Namun setelah berlakunya pencampuran budaya bersama rakyat tempatan, maka unsur-unsur seni budaya yang kreatif dan unik diperkenalkan. Namun begitu, amatlah sedih ya, apabila seni dan budaya yang mampu memberi kemegahan rakyat Pulau Pinang semakin hari semakin dilupakan. Agak pelik apabila kita sekarang ya, sedang berlumba-lumba untuk mengidentitikan Pulau Pinang dengan mempromosikan tempat-tempat serta bidang pelancongan yang kontemporari ataupun moden yang ditiru oleh pihak luar. Namun kita sebenarnya lupa bahawa yang paling penting adalah untuk mengembalikan semula identiti seni dan budaya yang semakin dilupakan.

Maka saya juga ingin mencadangkan beberapa inisiatif di dalam perbahasan ini supaya pihak Kerajaan Negeri dapat mengkaji dengan lebih mendalam mengenai seni budaya ini supaya ianya terus kekal dipelihara seiring dengan pembangunan yang pesat dan juga saya hasrat, berhasrat supaya...(gangguan).

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Speaker, mencelah sikit. Daripada Seri Delima kalau *you* boleh bagi contoh tertentu, saya rasa kita boleh faham sikitlah. Ini sangat abstrak. *Give some examples and at least we know. I'm interested.*

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Perai. Sebenarnya ada juga nanti saya akan teruskan bagi beberapa contoh. Ada, ada. Okey jadi, minta maaf. Okey, maka saya juga ingin mencadangkan beberapa inisiatif supaya kita dapat mengkaji semula, hasratnya adalah untuk melahirkan Pulau Pinang ni sebagai satu hub seni budaya. Jadi sebelum itu, saya juga ingin jelaskan bahawa di Pulau Pinang sebenarnya kita mempunyai pihak yang amat pakar dalam bidang-bidang ini. Dari NGO-NGO seperti PENTAS, Persatuan Pemuzik Pulau Pinang sehingga ke agensi-agensi seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Pulau Pinang dan juga Pusat Seni di Universiti Sains Malaysia.

Tapi untuk maklumatnya, walaupun JKKN merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, namun agensi ini adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kesenian dan juga kebudayaan di Pulau Pinang. Jadi saya faham ada kebatasan dari segi kawalan kuasa antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri namun bagi meneruskan nafas seni yang telah sekian bertapak di Pulau Pinang kita patutnya mengembalikankekayaan sejarah serta identiti dengan merapatkan, orang kata kebatasan ini.

Yang pertama adalah untuk mewujudkan satu konsep iaitu pusat seni setempat ataupun pada masa yang sama, penubuhan *Penang Art Council*....(dengan izin) ataupun Majlis Seni Negeri Pulau Pinang perlu disegerakan. Secara dasarnya inisiatif ini adalah untuk mendirikan mini pentas persembahan di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai di mana...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Minta laluan, boleh? Yang Berhormat Seri Delima, saya amat tertarik dengan konsep yang pusat kesenian ini semua. Di antara kawasan-kawasan, negara-negara lain seperti di UK atau di US, ada banyak kesenian mereka boleh mendapatkan keuntungan. Tetapi dekat kawasan di negara kita masih susah untuk mendapat keuntungan dan kerana, oleh kerana, susah dapat keuntungan pula banyak akan melupakan impian mereka untuk menjadi seorang ahli yang buat kesenianlah. Iaitu masalah juga. Apakah, adakah Yang Berhormat Seri Delima ada cadangan untuk kita mempesatkan kesenian, industri seni di negara kita dan juga khususnya di Negeri Pulau Pinanglah? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Okey, terima kasih Yang Berhormat Pulau Tikus. Sebenarnya ada beberapa inisiatif dari Kerajaan Negeri ya, yang sedia ada, seperti contoh ya, *Show Penang Grants* dan sebagainya. Salah satu cara adalah untuk memperbanyak lagi ruang-ruang persembahan ataupun *we have to provide spaces for these performances to exist*....(dengan izin).

Jadi berbalik kepada ya, jadi secara dasarnya kita perlu, seperti mana saya katakan, memperbanyak lagi ruang-ruang pentas sebagai contohnya, jadi untuk adakan persembahan teater rakyat sepertinya bangsawan ataupun Mek Mulung, ataupun tarian tradisional seperti boria dan joget dan sebagainya. Kita sepatutnya ataupun boleh ya, mengambil contoh inisiatif dari Bandar Melaka. Beberapa kawasan tumpuan pelancongan ditempatkan persembahan-persembahan yang mampu memberikan pengertian tentang penceritaan sejarah bandar tersebut dan juga menjadikan salah satu tarikan pelancongan.

Saya juga ingin menegaskan bahawa tumpuan tidak seharusnya hanya berada di kawasan Warisan George Town. Malah sebenarnya di Pulau Pinang sendiri masih lagi banyak tempat-tempat sejarah yang perlu kita bangunkan. Sebagai contoh, rumah Tengku Kudin yang terletak di Gelugor. Adalah amat baik sekiranya kita dapat mengenalpasti kawasan-kawasan baru yang boleh dijadikan tumpuan pelancongan di negeri ini untuk menggalakkan tumpuan ramai dan juga mengelakkan supaya kita dapat apa, dapat memperbanyak lagi destinasi-destinasi ataupun tempat-tempat lokasi yang lain. Salah satu inisiatif yang saya rasa boleh kita kembali semula iaitu *Penang Parade Festival*....(dengan izin). Untuk pengetahuan semua, sekitar tahun 90-an dahulu, Pulau Pinang amat terkenal dengan penganjuran festival-festival seni seperti ini. Dan juga ia dapat mampu, membawa tarikan unik kepada pelancong asing mahupun dalam negara. Maka saya juga ingin mencadangkan agar inisiatif baik ini dikaji semula dengan pihak-pihak yang terlibat ya, untuk menganjur semula *Penang Parade Festival*....(dengan izin). Penambahbaikan mampu dilakukan dengan mempelbagaikan seni budaya yang unik dari pelbagai kaum dan bangsa di Pulau Pinang. Misalnya kita memperkenalkan semula elemen-elemen masyarakat Jawi Peranakan, Baba Nyonya, Melayu, Cina, India, *Eurasians* dan juga lain-lain kaum asal di Pulau Pinang kepada khalayak ramai supaya agar warisan seni budaya ini terus terpelihara.

Timbalan Speaker, kesan daripada Pandemik COVID-19 juga menyebabkan kebatasan dari pergerakan masyarakat untuk berkumpul secara ramai. Maka saya juga ingin mencadangkan untuk mewujudkan program-program pendidikan seni budaya atas talian kepada rakyat Pulau Pinang. Pun begitu sudah pasti pembelajaran atas talian seperti ini akan menelan kos yang agak besar. Namun saya amat berharap pihak Kerajaan Negeri mampu untuk meneliti inisiatif ini supaya usaha ini dapat dijadikan tarikan kepada sektor industri pelancongan negeri dan pada masa yang sama, program-program ini dapat juga mewujudkan ya, dari segi bantuan kita dapat membantu, *to empower*, (dengan izin)...*our local talents, our performers, our musician, our actors, our poets....*(dengan izin).

Krisis pandemik COVID-19 juga telah mencacatkan sektor seni persembahan. Ramai pemuzik-pemuzik tempatan terpaksa mengharungi detik-detik yang mencabar. Ada yang telah menjual alat muzik pada satu ketiknya dahulu menjadi sumber pencarian nafkah...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Minta laluan, Seri Delima. Sebelum beralih ke seni, saya nak pergi belakang sikit tentang warisan dan juga sejarah yang dibincangkan tadi. Pulau Pinang ni, bila kita bercakap tentang Pulau Pinang, kita selalunya berbincang tentang sejarah kolonial tetapi bagaimana, pagi tadi Ketua Pembangkang telah menyatakan Francis Light, kita perlu mendapatkan kebenaran, adakah Francis Light yang membuka Pulau Pinang? Dalam sejarah kolonial, *maybe Francis Light*, tapi sebelum itu, ada juga rekod-rekod yang menyatakan, pernah ada masyarakat tempatan yang duduk di kawasan Balik Pulau. Itu adalah salah satu.

So kenapa kita terlalu fokus kepada sejarah kolonial apabila kita sudahpun mempunyai sejarah untuk tanah ini sendiri seperti *Penang Women* yang di, kita yang di kawasan Guar Kepar dan juga kita ada Batu Bersurat Bukit Mertajam, Cheruk To'kun yang begitu bersejarah yang ditulis pada tahun, kurun 5 Masihi tetapi *it was abandoned...*(dengan izin). Tidak dijaga, dirapi dan ada jawapan dalam soalan bertulis saya juga, kenapa kita terlalu mementingkan sejarah kolonial dan *often overlooked at these our historic treasures that we have, pre-colonial*, sebelum itu. So apa pandangan Seri Delima mengenai...(gangguan).

#### **YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Sorry, saya tambah sedikit, saya memang minat tentang apa ini, bukan kolonial, tapi *pre-colonial*, zaman kegemilangan, apa ini, Nusantara, Tanah Melayu dan sebagainya. Tapi kita ada dua apa ni, *heritage*, satu di Pulau Pinang, di Melaka. Melaka adalah mungkin Belanda atau Portugis, Belanda, Portugis. Sini saya ingat British. Dan selepas itu tidak ada. Lembah Bujang, mempunyai satu sejarah kegemilangan di Kedah. Tapi tidak ada satu kemampuan untuk gazet sebagai *heritage*. Tidak ada, sama ada daripada Kerajaan Kedah atau Kerajaan Persekutuan tapi di Pulau Pinang, Pulau Pinang ini sebelum kita ada negeri-negeri, kawasan macam utara Pulau Pinang, Kedah dan sebagainya mempunyai tapak sejarah yang saya rasa cukup kaya.

Misalnya macam kata Lembah Bujang, Lembah Bujang dan baru-baru ini dua, tiga tahun, empat tahun dahulu, kita kenal pasti satu tulang seorang perempuan yang meninggal dunia 5,700 tahun. Kita sebut sebagai wanita Pulau Pinang pertama. Ini zaman *Neolithic* dan saya rasa, mungkin saya rasa kajian-kajian arkeologi ini mungkin kurang, tapi saya Pulau Pinang ini, USM ini ada Jabatan Arkeologi yang membuat usaha untuk mengkaji sejarah. Dan saya rasa baru-baru ni, ada satu usaha daripada Kerajaan Johor supaya untuk mengkaji sejarah Tamadun Melayu. Tamadun Melayu ini bukan sahaja di Melaka, Kedah, satu sejarah yang begitu panjang sekali. Macam Srivijaya, sebelum, selepas Srivijaya, Majapahit dan semua dan sebelum itu kita anggap 2,000, 3,000 tahun dahulu kenapa tidak ada usaha ini di negara ini....(gangguan).

#### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Perai, *please come to the point instead... because you're giving history class at him.*

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

*I'm coming to the point, you are just intervened.* Jadi, ini bukan teguran apa-apa. Cuma untuk nyatakan bahawa kita perlulah untuk mengkaji sejarah zaman dahulu bukan sejarah ni, kolonial, okey?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Dalam dan Yang Berhormat Perai. Sebenarnya saya kongsi sentimen iaitu saya pun berpendapat bahawa kita sepatutnya, bukan hanya fokus kepada sejarah kolonial Pulau Pinang tetapi kita sepatutnya tengok balik *pre-colonial era* dan saya tahu juga di Pulau Pinang ini banyak lagi tempat-tempat yang kita tak nampak lagi. Seperti mana telah dicadangkan tadi oleh Ketua Pembangkang iaitu menyoal *the relevant....(dengan izin) of Francis Light* sebab kalau kita tengok dimana-mana pun, sejarah di mana-mana dunia pun ada beberapa fasa, tetapi di Pulau Pinang, *again very unique, we do have historical background, historical similarity, we share the same historical poet with Kingdom of Majapahit, Srivijaya* dan sebagainya...(dengan izin).

Saya memang harap bahawa Kerajaan Negeri dapat teliti semula *in terms of when it comes to history let's not forget our roots*, balik kepada apa yang saya ingin cadangkan, kita sepatutnya tengok balik tentang warisan, warisan Pulau Pinang yang asal iaitu pra kolonial. Dan juga mungkin pada masa sama, mungkin dari segi bila tadi Yang Berhormat Perai telah menyatakan mengenai Lembah Bujang. Lembah Bujang adalah satu, bagi saya satu tragedi sejarah di mana difahamkan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Mohon laluan sekejap. *Actually*, apa yang disebut tadi tu *especially* Tunku Kudin saya ada mohon dalam Mesyuarat SPC untuk *recognize* Rumah Tunku Kudin sebagai sejarah warisan kita. Sebab tempat tu memang terbengkalai dan ditinggalkan begitu sahaja. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Penanti dan itu adalah satu berita yang baik jadi terima kasih *but*, tapi ada lagi, ramai ya lokasi-lokasi yang perlu perhatian yang sama.

Jadi, saya pernah bercakap dengan salah seorang *archeologist* dari USM, Universiti Sains Malaysia. Dia menyatakan bahawa kadang-kadang ini isu peruntukan tak tersampai untuk menggali semula artifak-artifak dan juga ada orang kata, *there's a word there is always a certain faction that's try to politicize certain things....(dengan izin)*. Mungkin di mana kalaular dikaji balik semula, *history*, sejarah Lembah Bujang ini dia mungkin bercanggah dengan sejarah yang ingin dipaparkan oleh Kerajaan semasa. Jadi, balik kepada ini. Oleh yang demikian, saya juga ingin menyeru kepada Kerajaan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Sedikit tentang warisan. Jadi, tentang warisan saya tertarik bila Seri Delima menyentuh tentang warisan. Jadi setiap negeri ada warisan, warisan ini bukan hanya sekadar warisan seni, tapi juga warisan kraftangan dan sebagainya dan benda ini perlu ada satu badan untuk, yang saya cadang, satu badan untuk mengkaji dan mendapatkan maklumat dan buatkan, satu data untuk kita serahkan kepada pihak-pihak yang akan melihatnya di masa yang akan datang supaya melihat bahawa di Pulau Pinang ini ada satu warisan hebat. Mungkin warisan itu datang daripada luar, daripada India mungkin, daripada Arab. Jadi kita masukkan warisan yang sebelum, kolonial sebelum tu lagi. Mungkin selepas Melaka, mungkin ada di sini. Dah ada dah Pulau Pinang. Jadi itu saya rasa kena lihat balik dari segi pelbagai aspek. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Saya setuju disebabkan macam tadilah saya nyatakan bahawa di Pulau Pinang ni sepatutnya ada satu *one stop center*, pusat seni setempat. Pada masa yang sama, sebagai Kerajaan Negeri, kita pun boleh bergabung, kerjasama dengan NGO-NGO dan juga ahli-ahli pakar dalam bidang tersebut.

Jadi, oleh yang demikian, saya juga ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya dapat membuka ruang-ruang seni untuk mempromosikan bakat-bakat tempatan dan juga memberi peluang kepada mereka untuk mencari nafkah dan pada masa yang sama untuk memartabatkan bidang seni di Pulau Pinang. Tapi masalahnya, sehingga hari ini SOP untuk seni persembahan ada didalam *grey area*...(dengan izin) dan tiada keputusan yang muktamad.

Ruang-ruang seni ini dapat diwujudkan dengan penyediaan ruang seperti astaka-astaka, kompleks dan juga tapak-tapak awam yang diselenggarakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan namun begitu ruang-ruang milik swasta seperti kompleks membeli belah dan sebagainya juga perlu dimasukkan sekali dalam senarai ni. Jadi ini adalah untuk memperbanyak lagi pilihan dan juga rezeki kepada bakat-bakat tempatan. SOP memang perlu diikut dengan ketat dan kita tidak boleh leka tetapi sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin, saya cukup yakin bahawa kita mempunyai tidak politik untuk membantu semua rakyat yang merasai kesan krisis Pandemik COVID-19. Dalam hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hub seni dan budaya, ia merupakan tanggungjawab semua pihak baik dari Kerajaan Negeri, agensi di bawah Kerajaan Negeri mahupun Badan-Badan Bukan Kerajaan, kita semua memainkan peranan yang amat penting dalam mengekalkan seni budaya ini agar tidak dilupakan oleh generasi-generasi sekarang mahupun yang akan datang.

Pasca COVID-19 ini telah memberi kesan pada semua sektor. Saya juga percaya kesan pandemik COVID-19 ini memberi pengajaran kepada semua supaya kita dapat meneliti bidang-bidang yang kita boleh terokai dengan lebih mendalam supaya kita mendapatkan membangunkan ekonomi, membangunkan seni, warisan dan kebudayaan di Pulau Pinang.

Jadi sekali lagi saya amat percaya bahawa semua pihak harus bersama dengan memperincikan jalan-jalan penyelesaian terhadap isu ekonomi di Pulau Pinang. Saya sangat berharap bahawa inisiatif ini dapat menjadikan Pulau Pinang sebagai hub seni dan budaya yang dapat direalisasikan. Dengan itu, saya ingin memohon untuk menyokong.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Seri Delima. Seterusnya, ADUN Jawi.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Selamat petang, salam harapan. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai dalam sesi perbahasan ke atas Ucapan Bajet 2021 Negeri Pulau Pinang oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang.

Izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana memberi pandangan yang bernas samada daripada pihak kerajaan mahupun pembangkang untuk membantu Negeri Pulau Pinang mengorak langkah menuju ke negeri yang Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga yang menginspirasikan negara iaitu Penang2030.

Timbalan Yang di-Pertua,

Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang dimana projek penambakan tanah bagi Fasa 1 daripada tujuh (7) fasa di kawasan Byram oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang iaitu PDC untuk menjadikan kawasan perindustrian

yang kedua selepas Batu Kawan Industry Park. PDC sedang giat melakukan perancangan serta projek pembangunan bercampur meliputi sektor perindustrian, perumahan, komersial dan institusi di kawasan Batu Kawan. Kini, PDC memperluaskan lagi projek-projek pembangunan industri di Byram, Nibong Tebal. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, projek penambakan tanah akan dibahagikan kepada tujuh (7) fasa. Penambakan tanah bagi Fasa 1 sedang berjalan. Kawasan itu akan dijadikan sebagai kawasan perindustrian yang kedua selepas Batu Kawan Industry Park. Pihak Berkuasa Negeri bakal menjenamakan kawasan Byram tersebut sebagai Taman Industri Batu Kawan 2 atau Batu Kawan Industry Park 2 (BKIP2).

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, Byram adalah terletak di Kawasan Parlimen Nibong Tebal, saya ingin mencadang dalam Dewan yang mulia ini, bahawa kawasan perindustrian di Byram harus dijenamakan sebagai Taman Industri Byram atau Byram Industry Park. Jenama ini akan memudahkan pelabur-pelabur untuk membezakan lokaliti kawasan. Sudah tentunya, poskad yang sedia ada di kawasan tersebut adalah 14300, Nibong Tebal.

Di samping itu, saya juga, di Byram juga wujudnya sebuah SJKT Ladang Byram di mana sekolah ini bermula operasi pada tahun 1948 oleh British. Menurut apa yang dicetak dalam laman web Wikipedia, SJKT Ladang Byram ini pernah menghasilkan murid Tamil yang pertama mendapat 7A dalam peperiksaan UPSR di Negeri Pulau Pinang. Saya memohon pihak Kerajaan Negeri harus mempertimbangkan nama Byram dapat dikekalkan pada masa yang akan datang.

Di samping itu, saya ingin mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk merakamkan sejuta terima kasih kepada barisan pimpinan EXCO yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang dan juga Timbalan Ketua Menteri Yang Kedua, Saudara Perai dan juga semua pimpinan barisan EXCO di mana Kerajaan Negeri telah meluluskan untuk menempatkan semula bagi penghuni di Ladang Byram dan Ladang Kaledonia. Dan projek pembinaan akan bermula dalam masa yang terdekat. Satu permintaan daripada kedua-dua Ladang Byram dan juga Ladang Kaledonia, dimana penduduk-penduduk di Byram dan Kaledonia memohon juga supaya nama Byram dan Kaledonia akan dinamakan di taman baru yang akan dibina dalam masa yang terdekat.

Timbalan Yang di-Pertua...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Masuk mencelah. Jawi, sedarkan dalam sejarah negara ini, 200 tahun lebih masyarakat India telah datang dari India untuk bekerja di negara ini tidak ada satupun projek seperti perumahan untuk bekas pekerja ladang seperti ini telah diadakan untuk membantu pekerja, bekas pekerja ladang. Di mana, mereka sering dianiyai bila satu ladang itu dibeli oleh pemilik baru, mereka sering diusir.

Kerajaan Pulau Pinang adalah satu-satunya Kerajaan Negeri yang sedia membina rumah untuk mereka dan menempatkan semula di tanah mereka sendiri. Saya pun kongsi kegembiraan Jawi dan mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang dan seluruh barisan pimpinan Kerajaan Negeri di kesempatan ini.

#### **Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Jadi, Bagan Dalam memang saya setuju apa yang disebutkan oleh Bagan Dalam.

Timbalan Yang di-Pertua,

Usaha Kerajaan Negeri memperluaskan kawasan perindustrian ini telah menunjukkan bahawa pihak Kerajaan Negeri serta agensi Kerajaan Negeri masih proaktif di dalam perancangan pemajuan walaupun negara kita menghadapi Pandemik COVID-19. Kemajuan menglibatkan kawasan yang luas dan utama. Sistem saliran yang dicadangkan mestilah

komprehensif dan berkesan dengan mengambil kira aliran permukaan di kawasan sekitar agar tidak terjejas melihat kepada kawasan perancangan pembangunan yang luas di Byram dengan melibatkan lebih daripada 1,000 ekar di kawasan Byram.

Aspek kejuruteraan adalah sangat penting dan perlu diambil berat terutamanya melibatkan sistem saliran banjir dan kawalan pada punca. Di kawasan Byram sebelum ini adalah salah satu kawasan dataran banjir *floodplain* di Daerah Seberang Perai Selatan. Oleh yang demikian, pihak PDC perlu mengambil kira dan membuat kajian penilaian impak dengan teliti kesan penutupan dataran banjir ini. Sistem saliran di kawasan tersebut mempunyai struktur pintu air pasang surut ataupun disebutkan *tidal control gate* (TCG) Pulau Burung yang membawa aliran air dari kawasan parit sisir JPS ke Sungai Tengah dan terus ke laut. Terdapat dua (2) pintu TCG di kawasan berhampiran Byram iaitu satu di sebelah Pulau Burung dan salah satu di Kampung Kebun Baru. Walaupun kedua-dua pintu TCG ini masih berfungsi baik, tetapi keseluruhan paras air di parit JPS ataupun *borrow pit* di kawasan berhampiran sentiasa berada di tahap yang amat tinggi.

Saya amat bimbang projek industri baru di Byram yang sedang giat dilaksanakan akan menyebabkan masalah banjir pada masa hadapan. Ia akan terjejas di sekeliling kawasan Byram seperti Ladang Changkat, Kampung Changkat Baru, Kampung Kebun Baru, Kampung Cina dan juga ladang-ladang kelapa sawit yang berhampiran di kawasan Byram.

Oleh itu, saya mencadangkan pihak PDC sebagai pemaju projek, perlulah membina dua biji pam saliran banjir dari jenis *screw pump* di TCG Kebun Baru dan TCG Pulau Burung. PDC juga perlu menaiktarafkan bekalan kuasa elektrik iaitu *power supply* bagi operasi TCG Pulau Burung bagi membantu keberkesanan kecekapan sistem saliran di kawasan tersebut sebab, untuk makluman dalam Dewan yang mulia ini, TCG di Pulau Burung setakat hari ini masih tidak berfungsi secara kuasa elektrik iaitu secara *solar panel*. Cadangan ini akan mendapat meminimakan kebarangkalian berlakunya banjir khususnya di Byram dan di kawasan sekitarnya termasuk di bahagian hulu. Pembinaan pam saliran banjir dan menaik taraf bekalan kuasa bagi operasi pintu air yang saya cadangkan harap dapat dibina oleh PDC. Ia pasti akan memberi impak positif terhadap semua penggiat industri dan penduduk setempat di kawasan sekitar. Saya mengharapkan cadangan saya ini dapat dilaksanakan dengan kadar segera memandangkan kerja penambakan tanah bagi projek baru PDC di Byram telah dimulakan di tapak.

Timbalan Yang di-Pertua, sebagai anak Pulau Pinang, saya sentiasa berasa bangga di mana purata kadar pengitaran semula di Negeri Pulau Pinang adalah tercatat yang tertinggi di Malaysia. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Datok Keramat yang memegang jawatan EXCO Kerajaan Tempatan. Di mana di bawah pimpinan Datok Keramat, kedua-dua PBT sentiasa mengambil langkah lebih proaktif untuk terus meningkatkan lagi kadar kitar semula di Negeri Pulau Pinang dengan mengurangkan sisa domestik yang akan hantar ke tapak pelupusan sampah.

Walau bagaimanapun, isu pembuangan sampah haram seperti sisa binaan, sisa pukal, sisa kebun dan sisa makanan masih berlaku di merata-rata tempat. Ia pasti dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Adakah ia disebabkan jarak perjalanan untuk penghantaran sisa binaan atau pun sisa kebun agak jauh contohnya dari SPU Kepala Batas perlu hantar sampai ke Pulau Burung, SPS. Maka kebanyakannya lori-lori ini mencari kesempatan untuk membuang sampah di kawasan-kawasan tertentu dan dia akan jadikan longgokan sampah haram. Dan adakah ia juga disebabkan kelemahan dari segi pemantauan oleh pihak berkuasa? Saya berpandangan Kerajaan Negeri perlu mengadakan satu kaedah baharu untuk menyelesaikan masalah ini.

Di sini saya ingin memberikan satu contoh yang berlaku di kawasan Jawi. Saya rasa JPS, Pejabat Daerah dan juga MBSP pernah buat satu lawatan bersama saya pada bulan yang lepas iaitu di jalan ban Sungai Tengah berdekatan Byram. Didapati lebih daripada sekilo meter di sepanjang jalan ban Sungai Tengah telah dipenuhi dengan longgokan sampah haram. Pencemaran alam sekitar berlaku pada bila-bila masa. Apakah tindakan dan langkah-

langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut bagi jangka masa yang panjang?

Timbalan Yang di-Pertua, sisa makanan atau disebut *food waste* juga merupakan salah satu masalah yang kita menghadapi. Negeri Pulau Pinang, sebuah negeri dikenali sebagai negeri *food heaven* di Malaysia mahupun di mata dunia. Sudah tentunya banyak sisa makanan akan dihasilkan setiap hari dari hotel hingga ke medan selera, kedai makanan dan penjaja di tepi jalan, pastinya akan menghasilkan sisa-sisa makanan. Saya ingin bertanya dalam Dewan yang mulia ini, bagaimanakah pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengendalikan sisa makanan ini? Adakah sisa makanan ini akan dihantar ke Pulau Burung bersama sisa domestik? Sekiranya kedua-dua PBT menghantar semua sisa ini ke tapak pelupusan sampah, maka kerajaan akan menghadapi pembayaran yang tinggi untuk bagi setiap tahun kepada pihak pengusaha tapak pelupusan sampah Pulau Burung. Di mana ia akan menjelaskan juga kadar purata kitar semula.

Saya ingin mencadang dalam Dewan yang mulia ini di mana pihak kerajaan perlu mengkaji semula dengan kaedah mengendalikan sisa makanan, sisa kebun mahupun sisa binaan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri perlu mencari cara penyelesaian untuk menghantar semua bahan sisa makanan, sisa binaan dan sisa kebun ini tanpa memberi sebarang *tipping fee*. Contohnya, Kerajaan Negeri boleh mengiklankan *Request For Proposal* untuk mendapatkan cadangan dan pandangan daripada pihak syarikat yang ketiga untuk membantu kedua-dua PBT menerima bahan sisa binaan, sisa kebun dan sisa makanan ini tanpa membuat sebarang bayaran kepada syarikat yang berjaya dilantik di mana pengusaha dapat menggunakan bahan-bahan sisa ini untuk memproses kepada barang yang lain. Dengan kaedah ini, sisa domestik yang dihantar ke tapak pelupusan Pulau Burung pasti dapat dikurangkan di mana ia juga membantu kedua-dua PBT untuk menjimatkan perbelanjaan dan juga menyelesaikan masalah sampah haram yang kian berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua, setiap kali berlakunya bencana seperti banjir, ribut petir, kebakaran atau lain-lain bencana, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan peruntukan kewangan bagi bantuan segera secara tunai. Bantuan ini dinamakan bantuan Bencana Tabung TYT.

Timbalan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa memberi perhatian terhadap mangsa-mangsa bencana ini dengan memberi bantuan segera serupa bantuan kewangan untuk membekalkan tempat tinggal sementara serta menyediakan makanan dan minuman. Apa yang saya ingin membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, dalam pemerhatian saya sejak tahun 2008 lagi, setiap kali bila berlakunya bencana, tindakan dan bantuan daripada Pejabat Daerah khususnya dalam kawasan Jawi, telah mengambil tindakan segera. Saya ucapkan terima kasih atas semua pihak yang terlibat dalam tindakan ini. Akan tetapi, terdapat beberapa perkara yang perlu kita menambah baik iaitu dari segi bantuan yang disalurkan daripada peruntukan bantuan Tabung TYT. Kita semua dimaklum bahawa bantuan yang disalurkan daripada bantuan Tabung TYT adalah sebanyak 10% sahaja daripada kos kerosakan keseluruhan setelah Penolong Juruteknik Pejabat Daerah membuat pemeriksaan dan penilaian jumlah kos kerosakan.

Saya pernah mengemukakan soalan ini di Dewan DUN yang lepas iaitu berkenaan dengan pembayaran pampasan minima bagi Tabung TYT tetapi jawapannya tidak dapat dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, saya tidak berputus asa dan sekali lagi saya bertanya soalan ini dalam Dewan kali ini dan saya percaya perkara ini dapat diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri di mana soalan yang saya tanya, saya bangkitkan dalam Sidang Dewan kali ini sedia dimaklum bahawa Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk kadar bayaran minima bantuan di bawah Tabung TYT sebanyak RM200 dalam MMK Bilangan 16/2020. Walau bagaimanapun, kelulusan ini masih tertakluk dan terma yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua, sepanjang tinjauan saya sejak menjadi ADUN Jawi, boleh dikatakan semua penerima bantuan ini adalah terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan juga menghadapi masalah kewangan. Dengan kiraan 10% daripada kos pembaikan, saya rasa amat tidak berbaloi. Contohnya Encik Ahmad yang tinggal di Kampung Changkat, pekerjaan sebagai nelayan pesisir pantai. Isteri sebagai suri rumah tangga dan mempunyai 6 orang anak yang masih bersekolah. Disebabkan bencana angin kencang, 5 keping bumbung zink dan beberapa batang kayu struktur rumahnya telah menghadapi kerosakan yang teruk. Di mana bumbung dan struktur lama ini tidak dapat digunakan lagi. Keseluruhan kos untuk membaiki sebanyak RM500. Maka, kalau mengikut 10% daripada bantuan Tabung TYT, dia hanya layak untuk menerima RM50 sahaja dan setahu saya memang mereka tidak berkemampuan untuk membaiki dengan bayaran yang serendah macam ini. Perkara yang sama berlaku pada awal bulan September di mana berlakunya ribut di Kampung Cik Aminah, Nibong Tebal. Bantuan Tabung TYT untuk tujuh (7) rumah terbabit adalah dari kos RM30 hingga ke RM200. Saya rasa ini amat tidak sesuai pada masa sekarang kerana kos bahan binaan dan kos upah sudah tidak setaraf seperti 10 tahun yang lalu. Oleh yang demikian, saya mengharapkan kadar bayaran minimum RM200 yang telah dilulus dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 16/2020 dapat digunakan dengan segera oleh Jabatan Kewangan Negeri.

Di sini saya ingin juga bertanya kepada Jabatan Kebajikan di mana saya difahamkan proses kenaikan bayaran untuk kebajikan daripada RM770 hingga ke RM1300 sedang diproses. Namun, saya amat berharap Kerajaan Negeri perlu mempercepatkan proses ini supaya kita dapat membantu keluarga-keluarga yang betul-betul memerlukan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat saya sering ditanya, disoal di mana dan juga dikritik oleh orang awam apabila mereka menghadapi masalah kelewatan ambulans sampai ke tempat kejadian. Saya ingin menarik perhatian saudari EXCO Kesihatan, Penanti, supaya dapat memanjangkan isu ini kepada Kementerian Kesihatan. Kami memahami ketidakpuasan hati oleh pengadu semasa mereka berada di tempat kejadian. Saya sering menerima aduan berkaitan dengan kelewatan ambulans sampai ke tempat kejadian apabila mereka memerlukan bantuan di mana ia perlu mengambil masa selama 30 minit hingga ke 40 minit untuk menunggu ambulans tiba ke tempat kejadian walaupun dalam perjalannya hanya 5 hingga 8 kilometer. Saya tidak pasti adakah perkara yang sama berlaku di kawasan lain...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Sikit sahaja Yang Berhormat Jawi. Tadi sebut pasal isu ambulans lambat, biasalah, Menteri Kesihatan pun hilang. Macam mana ambulans boleh sampai.

#### **Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Terima kasih. Saya tidak pasti adakah perkara yang sama berlaku di kawasan-kawasan lain. Tetapi memang ia sering berlaku di kawasan SPS. Adakah Hospital Sungai Bakap menghadapi kekurangan kenderaan ambulans di mana pembangunan semakin pesat di kawasan SPS. Saya juga bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh, dicadangkan oleh Batu Kawan sorry Bukit Tambun di mana hospital di Sungai Bakap harus dikekalkan dan hospital di Batu Kawan harus dibina dalam masa yang terdekat. Jawapan dari soalan yang saya kemukakan dalam Sidang Dewan ini mengatakan bahawa *respond time* untuk ambulans tiba ke lokasi kejadian adalah kurang daripada 15 minit, tetapi ia juga tertakluk kepada jarak dan keadaan trafik semasa.

Saya cadangkan di sini supaya Kerajaan Negeri terutamanya bagi pihak EXCO Kesihatan dapat membuat, menjalankan kaji selidik di kalangan masyarakat sama ada apa yang saya bangkitkan dalam isu dalam dewan ini adakah benar atau tidak sebab saya sering menerima panggilan-panggilan sama ada daripada orang awam ataupun pihak NGO sama ada pasukan pihak Bomba Sukarela. Mereka sering mengadukan perkara ini kepada saya apabila memohon bantuan kepada hospital.

Di samping itu, Kerajaan Negeri boleh saya ingin nak cadangkan Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan St. John Ambulans Malaysia ataupun Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia supaya dapat memberi sokongan dari segi membeli tanah ataupun dari segi kewangan untuk menubuhkan lebih banyak lagi pusat operasi. Saya percaya ia pasti akan membantu rakyat khasnya di Negeri Pulau Pinang semasa waktu kecemasan.

Di sini saya ingin menyentuh satu perkara lagi berkaitan isu kesesakan lalu lintas yang kian berlaku di persimpangan tol Jawi. Walaupun satu mesyuarat bersama JKR dan PDRM telah diadakan pada bulan, pada 17 Februari 2020. PDRM telah bersetuju dalam mesyuarat itu semasa mesyuarat itu telah bersetuju untuk menambah baik jalan aliran trafik di depan tol Jawi. Tetapi malangnya apabila kerajaan pintu belakang telah rampas kuasa maka PDRM sampai sehingga hari ni pun tidak ingin duduk bersama-sama bermesyuarat dengan JKR tetapi PDRM ada memberi maklum balas kepada JKR supaya diberi dimaklumkan bahawa PDRM telah menambahkan dua pegawai di depan tol tetapi apa yang dikatakan dalam dimaklumkan dalam surat adalah tidak setara dengan apa yang dimintikan pada mesyuarat yang diadakan pada bulan Februari.

Di sini saya ingin meminta bantuan daripada EXCO Kerja Raya supaya dapat mengaturkan satu mesyuarat bersama dengan PDRM dan PLUS supaya kita memohon mereka mengikut apa yang mereka cadangkan dalam minit mesyuarat yang dicatatkan dalam minit mesyuarat yang telah di mesyuarat pada bulan Februari yang lalu.

Sebelum akhiri ucapan saya sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kerana memberi satu belanjawan negeri bagi tahun 2021 yang dapat menguntungkan seluruh rakyat Pulau Pinang di mana saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan dalam mendepani penularan wabak COVID-19 di negara kita. Dengan ini saya mohon menyokong.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Jawi. Batu Lancang.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undang Negeri Pulau Pinang. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan Negeri salam sejahtera, salam harapan dan salam 2030. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan ucapan Belanjawan 2021 Pulau Pinang oleh Ketua Menteri pada Isnin lalu yang memberi fokus pada 4 Strategi Utama, Transformasi pemulihan, dan ketahanan ekonomi, ke arah dimensi baharu terbilang. Ianya adalah strategi pemulihan ekonomi, ketahanan mampu perlukan kualiti hidup rakyat dan perkasa modal ihsan. Pandemik COVID-19 yang melanda ketika ini turut memberi kesan kepada rakyat Pulau Pinang. Sebagai kerajaan yang prihatin, Kerajaan Negeri menyediakan pakej bantuan rakyat Pandemik COVID-19 berjumlah RM155.5 juta melalui tiga fasa iaitu pada Mei, Jun dan Ogos.

Soal kebajikan rakyat terus menjadi keutamaan apabila sebanyak RM50 juta diperuntukkan untuk meneruskan program kebajikan, i-Sejahtera di samping Program Mutiara Food Bank berjumlah RM300,000. Bagi memperkasa peranan MPKK Kerajaan Negeri memperuntukkan sembilan juta bagi membuat eluan walaupun Kerajaan Persekutuan telah menghentikan pembayaran tersebut. Begitu juga kepada empat ribu sembilan penjawat awam negeri ini yang menerima bantuan khas kewangan setengah bulan, gaji yang dibayar pada Disember ini melibatkan peruntukan RM5.5 juta. Bayaran sebanyak tiga ratus ringgit juga akan diberikan kepada 1,587 penyelia dan guru kelas agama dan fardhu ain (KAFA), 343 guru sekolah rendah agama rakyat, 263 guru sekolah menengah agama rakyat serta 590 guru dan staff sekolah persendirian cina. Manakala pemberian RM200 seorang akan dibayar kepada 320 guru tahfiz, guru pondok dan guru TADIS negeri Pulau Pinang yang akan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM898,900.

Yang Berhormat Timbalan di-Pertua, penduduk Pulau Pinang berasa amat bertuah kerana sehingga kini kita tidak pernah mengalami masalah gangguan air yang serius seperti Lembah Klang baru-baru ini sehingga menjasakan lebih dua juta pengguna. Pencemaran sungai adalah punca kejadian itu berlaku menyebabkan loji rawatan air ditutup. Biarpun sesekali berlaku penyusutan kapasiti efektif air di dua empangan di Pulau Pinang seperti mana dilaporkan namun ianya masih dalam keadaan terkawal. Misalnya Ogos lalu dan Oktober ini sekarang adalah musim hujan lebat yang melanda beberapa kawasan di Pulau Pinang menyaksikan paras Empangan Ayer Itam masih merekodkan kapasiti efektif 45.3 peratus manakala Empangan Telok Bahang pula sebanyak 27 peratus sehingga semalam.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) yang diterajui Pengurusnya Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow yang juga Ketua Menteri dan Ketua Eksekutifnya Dato' IR Jaseni bin Madinsa merupakan tokoh penting yang mengawal selia operasi PBAPP. Dalam memastikan sumber air tidak tercemar, PBAPP menjaga kawasan tebing sungai di mana seramai sepuluh anggota polis bantuan ditugaskan meronda sepanjang empat belas kilometer di kawasan aliran sungai ini bermula dari Sungai Muda ke Butterworth selama 24 jam sehari. Ia telah dilakukan sejak tahun 2008 malah PBAPP melihat sungai serta kawasan tадahan air ini sebagai lokasi strategik yang perlu dijaga. Difahamkan pada masa sama, PBAPP telah mengemukakan tiga cadangan kepada Kerajaan Negeri bagi memastikan bekalan air tidak terganggu menjelang tahun 2025.

Pertama ialah membina loji rawatan air bersebelahan loji sedia ada di Sungai Dua, Butterworth dengan kapasiti merawat seratus empat belas juta padu air sehari. Kedua, menggunakan air Sungai Perai biarpun kajian mendapati kualiti air di sini tidak selamat tetapi perkara itu boleh diatasi sekiranya teknologi rawatan air yang terkini digunakan. Ketiga ialah cadangan memproses air laut menerusi pembinaan sebuah loji penyuling air di bahagian selatan Pulau Pinang. Projek ini telah dimulakan pada bulan September 2018 dan dijangka siap pada akhir tahun 2020. Ia melibatkan pemasangan paip berkembar bergaris pusat 1200 mm sepanjang 3.2 km di bawah dasar laut dari Lebuh Macallum, George Town ke Butterworth dengan kos RM114.3 juta. Paip berkembar dasar laut ketika ini boleh membekalkan 315 juta liter sehari. Pengoperasiannya pada akhir tahun 2020 akan meningkatkan pembekalan air ke bahagian selatan pulau dan seterusnya mengurangkan bebanan pembekalan dari Empangan Ayer Itam dan Empangan Telok Bahang.

Air terawat di Pulau Pinang adalah antara yang paling bersih, selamat dan sihat di Malaysia. Ia berdasarkan keputusan ujian air terawat bagi Pulau Pinang pada 2019 menunjukkan produk PBAPP mematuhi semua syarat yang ditetapkan Kementerian Kesihatan dengan pencapaian ketara merekodkan jauh di bawah perimeter program jaminan kualiti QAP bagi kandungan mikro dan kimia. Makmal pusat PBAPP dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bersama-sama mengambil sampel serta menguji air terawat secara kerap sejajar dengan Program Pemantauan Kualiti Air Minuman Kebangsaan. Makmal pusat PBAPP diwujudkan pada 2008 yang melaksanakan peranan penting dan menyokong operasi rawatan air PBAPP dari segi jaminan kualiti terutamanya di loji rawatan air Sungai Dua yang merupakan loji rawatan air terbesar di Pulau Pinang.

Saya berpendapat Pulau Pinang juga harus melangkah ke hadapan seperti negara maju contohnya Jepun di mana air daripada paip di kediaman boleh terus diminum kerana kualiti dan kebersihan airnya. Walau bagaimanapun terdapat banyak faktor yang menyebabkan kualiti air dibekalkan terjejas antaranya disebabkan sistem perpaipan dalaman di rumah seperti telah berkarat. Sistem perpaipan selepas meter air merupakan tanggungjawab pemilik premis atau kawasan kediaman bertingkat pula adalah di bawah kewajipan Pihak Pengurusan Bangunan atau Badan Pengurusan Bersama (JMB) untuk menyelenggarakannya. Oleh itu kealpaan melakukan penyelenggaraan tangki secara berkala juga salah satu daripada penyebab kepada masalah kualiti air ini.

Sehubungan itu, saya mencadangkan sama adakah pihak PBAPP atau MBPP melalui Jabatan Pesuruhjaya Bangunan meletakkan syarat kepada semua JMB atau pengurusan kediaman agar wajib mengemukakan tentang kerja-kerja selenggaraan tangki air ini ke dalam laporan pada mesyuarat tahunan JMB masing-masing. Kerja selenggaraan tangki ini sekurang-kurangnya dilakukan dua (2) tahun sekali. Cadangan ini adalah demi menjaga keselamatan penduduk di kawasan kediaman bertingkat di seluruh Pulau Pinang. Dengan adanya jaminan ini maka penduduk akan menerima air yang berkualiti dan selamat diminum.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kes pengangguran kerana COVID-19. Penularan wabak COVID-19 masih belum reda dan membimbangkan kita semua. Antara kesan ketara ialah isu pengangguran atau kehilangan pekerjaan disebabkan COVID-19. Jabatan Perangkaan Negara memaklumkan kadar pengangguran dalam negara kita meningkat 17.1 peratus kepada lebih 600,000 orang pada Mac 2020. Kadar pengangguran yang telah naik sehingga 5.3 peratus pada Mei 2020 dan sebanyak 4.7 peratus pada Julai disebabkan COVID-19 berbanding kebiasaannya pada *plus minus* tiga peratus dengan izin.

Daripada jumlah itu pengangguran siswazah adalah 29.3 peratus atau seramai 178,880 puluh orang. Mengikut pecahan usia pula golongan yang berumur tiga puluh tahun ke bawah adalah 6.9 peratus iaitu dua belas ribu tiga ratus empat puluh orang dan kebanyakannya adalah graduan baharu. Siswazah adalah masa depan negara kerana mereka akan mengambil alih kedudukan kita pada masa hadapan. Bayangkan apabila seseorang belia telah tamat belajar tetapi dia tidak mempunyai pekerjaan. Pada masa sama belum diketahui bilakah ekonomi akan kembali pulih. Apakah yang bakal mereka hadapi? Mereka ini yang telah tamat pelajaran tetapi masih tidak mempunyai sumber pendapatan. Bagaimana pulalah mereka dapat menjalankan aktiviti harian untuk makan, minum dan lain-lain kos yang perlu dibayai termasuk menjelaskan pinjaman pelajaran. Bagi golongan dari keluarga kaya tidak menjadi masalah tetapi masih ada keluarga yang ibu bapanya hanya cukup-cukup makan. Jika pun kita mengandaikan banyak ibu bapa yang membuat perancangan seperti menyediakan tabung pendidikan sehinggalah anak-anak itu tamat belajar tetapi hasrat anak-anak ini untuk mencari pekerjaan dan mempunyai pendapatan sendiri untuk membantu keluarga sukar disebabkan COVID-19 ini.

Oleh itu saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri agar mewujudkan satu program latihan praktikal untuk golongan graduan yang tidak mencari kerja disebabkan Pandemik COVID-19 ini. Kerajaan Negeri boleh memberikan bayaran gaji minima atau eluan di bawah program tersebut. Negara jiran Singapura misalnya telah menjalankan program seperti ini contohnya siswazah undang-undang boleh mengikut latihan di bawah penasihat undang-undang, kejuruteraan sivil boleh mengikut latihan di MBPP ataupun di MPSP. Siswazah arkitek boleh mendapat latihan di Jabatan Bangunan MBPP ataupun MBSP dan banyak lagi. Ini bukan saja dapat membantu sumber pendapatan semasa mengharungi krisis COVID-19 tetapi pada masa juga mereka boleh menambah ilmu serta memiliki pengalaman kerja. Pendekatan ini adalah lebih baik berbanding mereka menganggur dengan menghabiskan masa duduk di rumah menonton televisyen ataupun bermain permainan komputer.

Sebaiknya pengalaman kerja pergaulan di tempat kerja menjadikan mereka lebih berdaya saing dan lebih bersedia untuk mendapatkan pekerjaan apabila ekonomi kembali pulih. Masalah sosial juga akan berlaku jika kadar pengangguran dalam golongan orang muda tidak diatasi. Tidak mustahil segelintir mereka akan cari jalan mudah untuk mencari wang seperti merompak, mencuri ataupun melakukan penipuan *scam*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Stadium Bandaraya Pulau Pinang. Mengapakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang enggan menyerahkan Stadium Bandaraya di Lorong Kulit kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP)? Jika dilihat dari segi latar belakang penubuhan PSDKLPP telah pun dibincang pada Mesyuarat MMK pada 21 September 2016, Mesyuarat MMK pada 28 September 2016 telahpun memutuskan PSDKLPP diwujudkan telah disahkan pada hari yang sama, Rang

Undang-Undang Enakmen Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 telah dibentangkan, dibahas dan diluluskan oleh Mesyuarat Penggal Kelima DUN Pulau Pinang. Objektif pertama penubuhan PSDKLPP adalah untuk membangun, mengurus, mengawal dan menyelenggara stadium kawasan lapang Pulau Pinang. Jika dilihat dari segi misi PSDKLPP iaitu menjadikan kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi di bawah pengurusannya sebagai pilihan utama penggunaan dan penganjuran acara sukan dan rekreasi di peringkat antarabangsa.

Visinya pula ialah menyediakan kemudahan-kemudahan sukan rekreasi kelengkapan terkini serta mempelbagaikan aktiviti penggunaan stadium dan kawasan lapang serta meningkatkan pendapatan. Seharusnya MBPP menyerahkan pengurusan Stadium Bandaraya kepada PSDKLPP untuk membangun dan menyelenggara stadium tersebut supaya ianya menjadi lebih aktif dan interaktif seperti mana yang dilakukan di Stadium Negeri Pulau Pinang di Batu Kawan di ketika ini. Ini dapat dilihat dari segi penjenamaan semula atau *rebranding*...(dengan izin) yang telah dilakukan oleh PSDKLPP dalam masa yang begitu singkat dan ianya terbukti begitu berkesan.

Stadium Negeri Pulau Pinang Batu Kawan juga telah membuka trek balapan stadium kepada orang ramai untuk berjogging dan menjalankan aktiviti riadah. Saya juga difahamkan MBSP telahpun membenarkan orang ramai menggunakan trek balapan stadium di Jalan Betik dan Stadium Bertam. Yang amat mendukacitakan ialah MBPP tidak mahu membuka ataupun membenarkan orang ramai menggunakan trek balapan bagi tujuan berjogging dan berekreasi di Stadium Bandaraya dengan alasan ianya akan rosakkan balapan. Saya ingat kalau nak buat sesuatu untuk orang ramai tak dibenarkan, saya ingat tak betul lah.

Saya dengan ini mengesyorkan supaya Stadium Bandaraya Pulau Pinang diserahkan kepada PSDKLPP untuk membangun, mengurus dan menyelenggara. Mereka lebih berpengalaman dan kreatif dari segi menguruskan stadium kompleks sukan dan tanah lapang, saya juga mencadangkan supaya PSDKLPP juga mengambil alih Taman Bandaraya atau Youth Park yang keadaannya tidak terurus seperti suatu masa dulu, ini adalah satu kerugian apabila sebuah kawasan riadah yang sepatutnya dimanfaatkan kepada masyarakat tidak digunakan sebaik mungkin, sekiranya MBPP dan MBSP hanya menyerahkan aset mereka sahaja tanpa menyerahkan kakitangan dan peruntukan maka ini akan membebankan PSDKLPP memandangkan Perbadanan ini baharu saja beroperasi sepenuhnya pada 1 Julai 2020.

Sehubungan itu saya mengesyorkan supaya penyerahan ini dilakukan secara menyeluruh seperti mana dilakukan oleh Singapore National Park dan Perbadanan Putrajaya manakala kerja-kerja penyelenggaraan bukan aset seperti penyelenggaraan pokok-pokok tepi jalan, pemotongan rumput, *dan landskap di kawasan* tepi jalan dilakukan oleh MBPP ataupun MBSP.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Minta laluan, YB. Batu Lancang mengenai Perbadanan Stadium ini saya setuju dengan syor Batu Lancang untuk Stadium Bandaraya diberikan kepada Perbadanan Stadium ini tetapi saya pun ada soalan mungkin boleh dijawab oleh EXCO berkenaan, apabila sesuatu kawasan tanah lapang ini diambil adakah harganya ataupun kadar sewanya dinaikkan berlipat ganda. Ini adalah satu *concern* sebab apa, salah satu contoh adalah dulu semasa saya jadi Ahli Majlis di Seberang Perai, tapak yang ada Seberang Perai Arena, dulu diambil daripada MBSP dinyatakan bahawa untuk membina dewan untuk kegunaan ramai tetapi selepas dewan itu dibina oleh PDC dan diberi kepada *outsource* kepada pihak yang lain. Kadar sewanya begitu tinggi kadangkala orang mahu sewa kena bayar hampir RM 6,000 ke RM 7,000 bukan orang biasa lagi.

So ini kekhawatiran saya apabila katakan tanah lapang seperti Padang Sony diambil alih oleh Perbadanan dan dilantik pula syarikat di *outsource* kepada syarikat lain, syarikat itu pula menetapkan kadar sewa yang tinggi sekarang, satu hari sewanya baru, *I think* bawah dari RM100 banyak pasukan bola sepak, akademi bola sepak menjalankan aktiviti mereka di sana seperti Timbalan Speaker pun sedar tetapi apabila ada pihak swasta yang mengambilnya dalam *outsource* daripada Lembaga ataupun Perbadanan ini, adakah kadarnya akan sama ini perlu dinyatakan oleh *echo* perlu Perbadanan ini walaupun dibuat untuk *Maintain this facilities in proper way....*(dengan izin) tetapi kadar sewanya juga haruslah berpatutan untuk kegunaan orang ramai harus setimpal dengan seperti yang sedia ada ini pandangan saya, terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Terima kasih YB. Bagan Dalam, saya YB EXCO akan jawab soalan kamu. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Saya tertariklah dengan apa yang dibangkitkan oleh YB. Batu Lancang di mana kita juga difahamkan sebab apabila Rang Undang Undang ini dibentangkan dalam sidang DUN kita ada timbulkan satu isu yang saya rasa tadi Bagan Dalam juga ada sebut antaranya adalah adakah memang PBT-PBT yang sedia ada tidak ada kepakaran dan juga keupayaan untuk mengurus tempat-tempat tersebut dengan baik dan pada masa itu memang kita difahamkan bahawa anggota atau pegawai atau kakitangan di Pihak Berkuasa Tempatan yang ada memang tidak ada keupayaan.

So adakah undang-undang kita yang telah kita gubal pada penggal lepas dan sekarang adakah PBT boleh memilih untuk tidak menyerahkan, adakah ini sudah menyalahi apa yang telah tertakhluk dalam undang undang tersebut? So saya juga minta supaya Kerajaan Negeri untuk melihat balik sebab apabila kita berbahas semasa sebelum ini diluluskan, kita sudah timbulkan masalah ini dan saya juga terkejut kerana Stadium Bandaraya masih tidak diserah, adakah ia boleh dilakukan sebegini atau memang adalah dikecualikan untuk Stadium Bandaraya sahaja, itu persoalan saya.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Terima kasih YB. Machang Bubuk, saya harap soalan Machang Bubuk boleh dijawab oleh YB. EXCO saya tidak ada *position* untuk jawab sebab Rang Undang-Undang 2013 saya masih lagi belum jadi ADUN.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, masalah banjir kilat adalah antara isu yang sering mendapat keluhan penduduk di Batu Lancang terutamanya di kawasan Solok Van Praagh. Banjir kilat juga sering berlaku di kawasan Sir Ibrahim, kawasan kampung Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim pada sesi sidang DUN yang lepas saya, saya ada menyuarakan agar pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dapat mempercepatkan kerja-kerja menaik taraf. Parit monson di sini dan tidak melanjutkan tempoh tersebut bagi mengelakkan rakyat menjadi mangsa banjir.

Pada kali ini saya nampak bajet yang telah diperuntukkan untuk tahun ini kepada JPS adalah RM96.13 *million* dan saya amat berbesar hati, sehubungan itu saya memohon Kerajaan Negeri mempertimbangkan peruntukan pada tahun hadapan ini untuk membina dua biji kolam takungan air jenis *vertical tube* di kawasan disebutkan tadi.

Pada masa sama saya juga mencadangkan agar syarikat Juru Perunding dilantik bagi membuat kajian dan penilaian di kawasan tersebut agar dapat menyelesaikan masalah utama ini. Pada masa sama, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengarah JPS dan Pengurus Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengangkutan Negeri YB. Zairil yang selalu membantu DUN Batu Lancang apabila kawasan ini dilanda banjir walaupun dengan satu panggilan telefon, pegawai-pegawai JPS akan cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi komitmen dan kesungguhan kerja mereka ini amat-amat saya dan penduduk Batu Lancang hargai.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, cukuplah 20 minit sebelum saya mengakhiri ucapan perbahasan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat sesi perbahasan pada kali ini.

Sekian terima kasih dan saya memohon menyokong.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih YB. Batu Lancang. Air itam.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):**

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, salam sejahtera, selamat petang Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul anggaran Pembangunan Pulau Pinang 2021 di dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan syabas kepada pimpinan dari Kerajaan Negeri di atas inisiatif yang telah diambil sepanjang musim penularan COVID-19 serta ke semua bantuan yang telah diberi kepada penduduk bagi membantu mengurangkan beban mereka termasuk dari segi bantuan kebijakan dan demi kesejahteraan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan suatu sistem yang berteraskan kebersihan, kehijauan dan keselamatan dan kesihatan diwujudkan.

Di sini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Speaker yang juga merupakan Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang yang telah berjaya memimpin pasukan kita memenangi Liga Premier ini juga bermaksud Pulau Pinang berjaya melangkah ke Liga Super Malaysia pada tahun 2021 selepas menduduki tangga pertama Liga Premier musim ini. *"Haria Penang Haria"*.

Kejayaan ini juga telah menunjukkan bahawa sokongan pimpinan Kerajaan Negeri terhadap pasukan bola sepak Pulau Pinang telah merealisasikan hasil usaha mereka hingga ke tangga kejayaan. Walau bagaimanapun, saya ingin menekan di sini bahawa pemain bola sepak negeri ini merupakan aset yang penting buat kita. Maka kita juga harus memastikan agar kerajaan tidak terputus atau lewat memberi hak mereka contohnya gaji atau elauan yang layak diterima oleh mereka bagi memastikan pasukan bola sepak Negeri Pulau Pinang sentiasa menjadi juara di peringkat yang ditandingi.

Ahli-ahli Dewan sekalian, seperti yang anda semua telah sedia maklum ibarat lagu dengan irama, makanan dengan rakyat di Pulau Pinang tidak dapat dipisahkan lebih-lebih lagi di Air Itam iaitu satu bandar yang tradisional yang terkenal dengan pelbagai hidangan tempatan yang lazat serta tempat-tempat pelancongan yang menerajukan.

Oleh itu, ianya amat penting bagi kita dalam memastikan kebersihan dan keselesaan penduduk kawasan bagi mendorong lebih ramai lagi penduduk tempatan atau luar negeri untuk terus berkunjung ke Pulau Pinang. Bagi menikmati makanan dan keindahan tempat pelancongan ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, ramai rakyat yang terkesan akibat wabak COVID-19 contohnya, kehilangan pekerjaan yang mengakibat terputus sumber pendapatan. Oleh itu, kebanyakan daripada mereka telah mengambil inisiatif untuk mencari sumber pendapatan dengan menjaja secara kecil-kecilan seperti bermiaga gerai di tepi jalan untuk menampung pendapatan seisi keluarga. Kebanyakannya daripada golongan ini tidak mempunyai lesen menjaja yang sah oleh pihak PBT. Di sini saya berharap pihak PBT dapat membantu golongan ni dengan mengenakan pengecualian lesen penjaja dan mencari satu (1) tempat yang sesuai bermiaga bagi mereka yang tidak mempunyai lesen buat sementara waktu pada masa yang genting ini supaya dapat meringankan beban keluarga mereka.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, inisiatif Kerajaan untuk membina kos rumah sederhana rendah dan kos sederhana memang bagus dan amat disokong oleh semua pihak namun masih ramai rakyat menghadapi masalah pinjaman yang tidak diluluskan terutamanya pada waktu Pandemik COVID-19 ini. Kebanyakan rakyat telah kehilangan pekerjaan pendapatan terputus dan sebagainya. Selain itu halangan yang mendorong kepada masalah pemilikan rumah ini ialah nilai harta tanah melambung tinggi kesukaran mendapatkan pembiayaan, kos sara hidup semakin meningkat serta beban hutang. Kebanyakan rakyat masih ramai yang tidak mampu memiliki rumah yang diidamkan sepertimana yang kita tahu memang terdapat rumah kos rendah namun rakyat masih tidak dapat memiliki khususnya golongan pertengahan.

Oleh itu, saya memohon kepada pihak Kerajaan Negeri untuk mengkaji dan membina rumah PPR yang mampu untuk disewa oleh golongan rakyat yang tidak mampu memiliki rumah. Meskipun sebelum ini memang ada banyak projek PPR yang telah dibina demi manfaat rakyat di sebelah Pulau mahupun oleh pihak perumahan atau MBPP. Namun masih ramai rakyat yang tidak dapat manfaat menyewa rumah PPR tersebut. Jangka masa terakhir pembinaan rumah PPR adalah sudah agak lama.

Justeru saya berharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan untuk membina lebih banyak rumah PPR seperti ini demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Saya berharap dengan program sewa seperti ini kerajaan dapatkekalkan harta tanah ini sebagai aset jangka masa panjang demi faedah manfaat untuk rakyat daripada golongan pelbagai lapisan yang berbeza di Pulau Pinang.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan di sini bahawa terdapat beberapa sekolah yang terletak di sekitar kawasan Air Itam. Oleh itu, kesesakan lalu lintas sering berlaku terutamanya ketika waktu puncak contohnya waktu bermula sekolah atau ketika waktu habis persekolahan. Saya juga telah difahamkan bahawa Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah menjalankan satu kajian yang menyeluruh pada tahun 2018 bagi membendung kesesakan lalu lintas di kawasan Air Itam. Menurut laporan tersebut, beberapa cadangan dan projek infrastruktur telah dicadangkan namun sehingga kini masih tiada sebarang tindakan diambil oleh MBPP susulan daripada kajian tersebut.

Antaranya cadangan atau projek yang dicadangkan tersebut adalah pembinaan jejambat yang menuju dari Jalan Thean Teik ke Jalan Air Itam supaya *bottleneck*....(dengan izin) di persimpangan Jalan Air Itam - Jalan Thean Teik dapat diselesaikan.

Membina *flyover*....(dengan izin) dari Lorong Batu Lanchang ke Jalan Air Itam supaya *bottleneck*....(dengan izin) di hadapan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Ling dapat diatasi.

Yang ketiga menambah baik fasiliti *u-turn* di Jalan Air Itam supaya satu (1) *free flow u-turn* dapat diwujudkan. Sehubungan dengan ini, saya ingin memohon sekali lagi kepada Kerajaan untuk mempertimbangkan supaya projek-projek tersebut dapat dilaksanakan dalam masa terdekat bagi memudahkan kebijakan dan kesejahteraan warga Air Itam.

Pengangkutan awam, *Congestion Alleviation Transport* iaitu CAT merupakan satu (1) inisiatif yang amat berkesan dalam mempertingkatkan penggunaan perkhidmatan awam dan ia telah mendapat sambutan yang sangat baik di kalangan rakyat. Walau bagaimanapun,

perkhidmatan CAT Air Itam A dan B yang merangkumi Kawasan Air Itam, Bandar Baru Air Itam dan Paya Terubong telah dihentikan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), susulan daripada pemerhatian perkhidmatan ini pelajar sekolah dan ramai warga Air Itam, Bandar Baru Air Itam dan Paya Terubong terpaksa mengharungi pelbagai cabaran bagi mencari kemudahan pengangkutan awam yang alternatif.

Oleh itu, saya mewakili penduduk sekitar Air Itam ingin merayu kepada Kerajaan Negeri agar perkhidmatan CAT Air Itam A dan B disambung semula perkhidmatan di kawasan Air Itam memandangkan CAT Air Itam mempunyai *ridership*...(dengan izin) yang tertinggi di antara 12 laluan CAT di Pulau Pinang untuk manfaat warga Air Itam dalam aktiviti harian mereka.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya juga ingin menyeru semua pihak yang terlibat samada JKR, Pejabat Daerah, MBPP atau mana-mana jabatan sekalipun untuk memberi perhatian terhadap kemudahan pejalan kaki di sekitar kawasan Air Itam. Saya ingin memohon agar jabatan-jabatan ini dapat mengadakan satu (1) lawatan tapak bagi menilai dengan sendiri betapa sempitnya laluan pejalan kaki yang langsung tidak bersesuaian untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Kesinambungan laluan pejalan kaki juga perlu diwujudkan supaya keselamatan pejalan kaki dapat dijamin.

Tidak lupa juga kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Seberang Perai yang telah berjaya membuat pemasangan CCTV di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi memastikan keselamatan rakyat sentiasa terpelihara. Pendekatan sebegini telah memberanikan lebih ramai orang awam untuk keluar tanpa khuatir akan keselamatan mereka. Walau bagaimanapun, saya ingin menasihati agar kedua-dua PBT harus juga mengambil pendekatan untuk mewujudkan satu sistem penyelenggaraan secara berkala supaya ia dapat memberi manfaat yang sepenuhnya kepada rakyat jelata pada bila-bila masa. Ini disebabkan buat waktu sekarang didapati banyak CCTV yang tidak diselenggara dengan baik dan apabila dalam keadaan yang memerlukan ia tidak berfungsi.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, penggunaan basikal untuk aktiviti seharian dan bersenam semakin popular di Negeri Pulau Pinang. Banyak laluan basikal telah diwujudkan di sekitar Pulau Pinang dan ia merupakan satu (1) model kepada negeri-negeri lain. Sehubungan dengan ini, saya menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya mewujudkan satu (1) pelan laluan basikal di sekitar Air Itam supaya ia boleh digunakan oleh penduduk Air Itam untuk bekerja, bersenam ataupun bersekolah.

Ahli-ahli Dewan sekalian, di KADUN Air Itam saya telah menyewa gelanggang futsal di Taman Kejiran Padang Tembak di bawah seliaan MBPP pada setiap malam hari Selasa sepanjang tahun 2020 dengan memperuntuk dengan menggunakan peruntukan tahunan saya dan ianya mendapat sambutan yang baik daripada belia di kawasan Air Itam. Selain itu juga, Kelab Gusti Tangan iaitu *Arm Wrestling* telah ditubuhkan di Dewan MPKK Kampung Melayu dan latihan secara berkumpulan pada setiap malam juga telah mendapat sambutan yang baik dan pembinaan mini *gym* kini dalam proses. Semua usaha ini adalah selaras dengan Visi Penang2030, Sukan Untuk Semua.

Susulan lawatan tapak bersama YB. Soon Lip Chee (EXCO Belia Dan Sukan), dua (2) bulan yang lalu saya ingin mencadangkan bahawa Padang Suria di Kampung Melayu dijadikan dewan terbuka dan juga satu (1) gelanggang futsal dibina di sebahagian tanah kosong tersebut bagi kegunaan penduduk di kawasan Air Itam khususnya.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin menzahirkan rasa syukur dan menghargai atas segala usaha dan kejayaan semua pihak yang telah curahkan di Negeri ini dan juga negara. Besar harapan saya kejayaan-kejayaan dapat dicapai saban tahun ke tahun dan segala usaha dapat dipertingkatkan demi kesejahteraan rakyat yang dikasihi selaras dengan Visi Penang2030. Saya berharap kita bersama-sama cekal dan kuat dalam usaha menangani penularan wabak COVID-19 dengan lebih efektif. Semoga segala usaha semua pihak dapat mengecapi kejayaan dan tidak disia-siakan.

Dengan harapan permohonan dan cadangan yang telah saya bentangkan dalam ucapan saya ini akan mendapat sokongan dari semua pihak demi kepentingan rakyat. Mudah-mudahan tahun 2020 ini, memberi keazaman untuk kita terus bekerja kuat terutamanya waktu genting ini demi kepentingan semua pihak. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2021 yang dibentangkan oleh YAB. Ketua Menteri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih, Air Itam seterusnya Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):**

Terima kasih, salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua *frontliners* atas pengorbanan mereka untuk mengekang penularan COVID-19.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan dan juga Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Padang Kota.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kerana walaupun dengan keadaan negara yang berdepan dengan Pandemik COVID-19 dan juga detik yang sangat mencabar dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Namun kita lihat bagaimana Kerajaan Negeri dapat membentangkan satu Belanjawan yang terbaik untuk rakyat Pulau Pinang ini.

Saya mengucapkan syabas dan juga memuji usaha Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan juga Pakej Bantuan Khas iaitu (Penang Lawan COVID-19) menerusi tiga (3) fasa iaitu Bantuan Prihatin, Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) khususnya kepada rakyat Pulau Pinang dengan kos keseluruhan pakej bantuan mencecah hampir RM155.5 juta.

Syabas saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri dan Batu Uban juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana ketika kita menghadapi Pandemik COVID-19 ini Kerajaan Negeri telah membantu untuk memberikan bantuan *face mask*, *hand sanitizer* dan juga bantuan barang asas kepada mereka yang memerlukan bantuan walaupun kita dijanjikan akan ada bantuan daripada Kerajaan Persekutuan tapi malangnya bantuan-bantuan tersebut telah di *hijack* dan di mana dengan peruntukan khas yang diberikan oleh Kerajaan Negeri iaitu RM30,000.00 seorang ADUN maka kita dapatlah menggunakan bantuan tersebut untuk memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan dan di kawasan Batu Uban sahaja saya telah menyampaikan bantuan lebih kurang kepada 1,525 keluarga yang telah menerima bantuan barang asas ini daripada KADUN Batu Uban. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri.

Batu Uban juga ingin mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada Kerajaan Negeri kerana Pulau Pinang kekal sebagai antara enam (6) penyumbang utama kepada KDNK Nasional dengan nilai sebanyak RM94.7 bilion. Prestasi yang baik ini di dorong oleh pelaburan asing (FDI) dan usaha Invest Penang. Pulau Pinang juga tidak terlepas dengan kesan Pandemik COVID-19. Berdasarkan data yang telah diberikan melalui soalan bertulis saya, kadar pengangguran di Pulau Pinang pada suku tahun pertama tahun 2020 adalah sebanyak 2.1% dan telah meningkat pada suku tahun kedua kepada 4.4% dan berdasarkan laporan oleh Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang jumlah pekerja yang diberhentikan secara pemberhentian tetap ataupun sukarela bagi tempoh Mac hingga September 2020 adalah seramai 5,443 orang. Saya mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri dapat memperluaskan bantuan bersasaran kepada golongan yang terjejas ini dan agensi seperti CAT Centre, PYDC dan juga PERKESO juga perlu memberi sokongan dan juga membantu pencari kerja melalui latihan, kaunseling dan juga insentif kewangan. Kerana kita tahu kos sara hidup juga semakin

meningkat maka perbelanjaan kebajikan juga perlu dipertingkatkan dan sistem perlindungan sosial juga diperluaskan.

Selain itu Kerajaan Negeri juga perlu melipat ganda usaha menarik lebih ramai pelabur baru ke Pulau Pinang. Baru-baru ini saya telah membuat kunjungan ke Invest Penang untuk memahami peranan dan juga usaha yang telah diambil oleh Invest Penang untuk mempromosi dan juga membantu pelabur. Saya cukup kagum Yang di-Pertua Dewan, kerana dengan konsep One Stop Centre yang telah dibuat oleh Invest Penang iaitu kerjasama dengan MIDA, MATRADE MITI dan lain-lain agensi yang berkaitan untuk memudahkan pelabur-pelabur dan juga mengurangkan (dengan izin)...*red tape* iaitu birokrasi antara agensi maka tahniah saya ucapkan kepada Invest Penang kerana Invest Penang menjadi jambatan di mana menghubungkan antara pelabur yang berminat untuk melabur di Negeri Pulau Pinang ini.

Saya rasa Pulau Pinang kekal sebagai salah satu destinasi pelabur-pelabur daripada luar negara ini kerana fasiliti dan bantuan yang kita sediakan kepada pelabur-pelabur seperti ini maka mereka merasakan Pulau Pinang adalah negeri yang bagus untuk mereka melabur.

Dato Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri akan meneruskan perkhidmatan bas percuma (CAT) dengan kos yang memakan belanja sebanyak.....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB Lee Chun Kit)**

Maaf boleh saya celah sikit. Okay just nak tanya YB Batu Uban tadi cakap untuk mendapatkan pelabur-pelabur ke Negeri Pulau Pinang dan saya rasa rakyat Pulau Pinang juga ada bakat untuk memenuhi apa yang pelabur-pelabur mahu daripada pelaburan mereka tetapi saya nak tanya jugalah pelabur-pelabur juga mahu kerajaan yang stabil dan Pulau Pinang sudah ada kerajaan yang stabil sebab pemimpin-pemimpin kita stabil dan pemimpin pemimpin kita taat kepada apa yang rakyat mahu dalam sebuah pilihanraya. Saya minta pandangan Yang Berhormat Batu Uban adakah *you know* pelabur-pelabur juga mahu kestabilan ini di dalam Kerajaan Persekutuan sebab kena hormati mandat rakyat. Terima Kasih.

#### **Ahli Kawasan Batu Uban (Kumaresan a/l Aramugam)**

Terima kasih sahabat saya daripada Pulau Tikus kerana masa yang tidak mengizinkan maka saya punyai jawapan yang ringkas sahaja. Saya setuju dengan Yang Berhormat Pulau Tikus bahawa kestabilan politik itu amatlah penting kerana ianya memainkan peranan yang penting apabila pelabur ingin melabur di sebuah negeri ataupun negara dia akan melihat juga kepada kestabilan politik itu tetapi saya yakin kestabilan yang terdapat di Kerajaan Negeri ini dan kepimpinan yang diterajui YAB. Ketua Menteri dan juga barisan-barisan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang masih setia dengan perjuangan kita ini maka saya rasa tidak ada masalah menarik lebih ramai lagi pelabur yang berminat untuk melabur di Negeri Pulau Pinang ini.

Saya teruskan Dato' Speaker, Kerajaan Negeri akan meneruskan perkhidmatan bas percuma CAT dengan kos berjumlah RM15 juta juga disediakan untuk tahun 2021. Saya menyokong penuh perkhidmatan bas CAT ini kerana ia membantu golongan warga emas, pelajar sekolah, universiti dan juga golongan yang bekerja untuk menggunakan perkhidmatan awam sebagai mod pengangkutan untuk sampai ke destinasi dan juga mengurangkan kesesakan dan baru-baru ini Kerajaan Negeri juga telah mengumumkan untuk pengangkutan CAT di mana kita akan mengadakan pengangkutan CAT yang akan menghubungkan di antara Pulau dan juga Seberang. Salah satu mod pengangkutan selain daripada feri yang seringkali menghadapi masalah.

Namun, saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri juga perlu membuat penambahbaikan. Di sini saya ingin mengulangi cadangan saya daripada perbahasan yang lepas supaya Kerajaan Negeri memperkenalkan satu sistem kad khas untuk memberi keutamaan kepada pengguna rakyat tempatan untuk menikmati kemudahan perkhidmatan bas percuma

yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini. Saya pernah memberi cadangan kepada Kerajaan Negeri supaya kita dapat mengadakan satu kad contohnya *I Love Penang*, di mana dibekalkan kepada semua penduduk rakyat tempatan Pulau Pinang supaya mereka ini dapat menikmati perkhidmatan percuma bas CAT yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri walaupun saya tahu ini bukan satu diskriminasi tetapi cadangan saya ini lebih kepada konsep untuk menjaga kebajikan rakyat Pulau Pinang ini.

Dato Yang di-Pertua, saya ingin memuji usaha Kerajaan Negeri kerana komited untuk memastikan semua rakyat Pulau Pinang memiliki rumah. Tadi rakan saya daripada Air Itam ada menyebut tentang keperluan kita mempunyai lebih banyak lagi Rumah Mampu Milik dan pagi tadi kita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah mengenalkan satu langkah yang baru iaitu menurunkan harga siling Rumah Mampu Milik kepada RM270,000.00 untuk kawasan Pulau dan juga RM225,000.00 untuk Seberang untuk 850 kaki persegi. Saya rasa ini adalah langkah yang tepat pada masanya kerana kita tahu ramai yang memerlukan rumah ini. Maka dengan adanya pengurangan atau pun harga syiling yang ditetapkan maka ini dapat memberi peluang kepada lebih ramai orang untuk memiliki rumah.

Selain itu visi Kerajaan Negeri untuk memastikan penyediaan Rumah Mampu Milik sebanyak 220,000 menjelang tahun 2030. Dulu adalah sebanyak 180,000 tetapi dalam bajet yang dibentangkan YAB. Ketua Menteri baru-baru ini telah dimaklumkan bahawa menjelang tahun 2030 Kerajaan Negeri akan menyediakan sebanyak 220,000 unit rumah dan usaha yang diberikan ini perlu lah diberi pengiktirafan. Kita faham di Pulau Pinang kita menghadapi kekangan tanah yang terhad dan nilai pasaran yang tinggi namun, usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk menyediakan satu rumah satu keluarga perlulah dipuji dan saya juga bersyukur kerana Kerajaan Negeri memperkenalkan konsep *Rent To Own* untuk membantu mereka yang sukar mendapat pinjaman daripada bank terutama nya golongan belia yang baru mencebur dunia pekerjaan.

Konsep *Rent To Own* ini mampu meringankan bebanan dan mereka juga dapat membuat perancangan yang rapi untuk memiliki sebuah rumah dan saya juga ingin memohon supaya di kawasan Batu Uban juga tidak terlepas daripada projek perumahan Rumah Mampu Milik.

Dato' Yang di-Pertua saya ingin membawa berapa isu untuk perhatian Dewan yang mulia ini. Yang pertama, saya ingin membawa isu penjaja tanpa lesen di kawasan saya. Kita faham dengan keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan ramai yang kehilangan kerja ada yang tidak dapat mencari.....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh)**

Boleh saya minta izin sekejap. Terima kasih kepada rakan saya daripada Batu Uban. Tadi ada disebut satu perkara begitu penting sekali iaitu apabila kita lihat pada sudut pembekalan perumahan mampu milik walaupun kita telahpun naikkan atau pun pertingkatkan unit yang kita sasar daripada 180,000 unit kepada 220,000 unit sekarang, saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada Batu Uban kerana juga sentuh tentang ada satu kategori yang begitu susah untuk memiliki even Rumah Kos Rendah atau pun Rumah Mampu Milik A iaitu RM42,000.00 di mana pendirian atau pun pendekatan Kerajaan Negeri adalah sememangnya untuk melihat bagaimana kita boleh tangani masalah mereka dan oleh yang demikian apa yang disebut oleh Batu Uban tepat iaitu kita boleh melalui kaedah *Rent To Own* iaitu sewa beli lah.

Di mana kita ada beberapa projek sekarang yang kita akan salurkan kepada mereka melalui kaedah *Rent To Own*, let me just give you a little bit of background so how this work out, apa yang berlaku *Rent To Own* kita dapat beberapa skim perumahan yang ada dahulu kita akan jual sebagai Rumah Kos Rendah pada harga RM42,000.00 ataupun Rumah Kos Sederhana Rendah pada harga RM72,500.00 tapi dengan kaedah sewa beli apa yang berlaku kepada pembeli yang tidak dapat access pinjaman daripada bank, *that is the problem*. Lepas kita buat saringan mereka ini berhak untuk mendapat unit itu kita beri tawaran tetapi isu ialah

mereka pergi ke bank. Bank tak bagi *loan and that is even for the Low Cost or Low Medium Cost.*

*What happen is* kita buat beberapa skim yang mana rakan saya daripada Batu Uban nyatakan tadi dalam sasaran kita untuk visi Pulau Pinang 2030 kita telah pun membuat sasaran daripada keseluruhan unit itu 10% perlu menjadi penjualan melalui kaedah sewa beli. *So for your information* Batu Uban now the 18,000 original will be now 22,000 units and for your informations untuk maklumat kesemua rakan-rakan saya di Dewan ini, untuk maklumat di peringkat ini kita telahpun sampai ke satu tahap di mana kita ada pelbagai projek yang akan kita dapat salurkan melalui kaedah sewa beli iaitu hampir 2500 unit.

Dato' Timbalan Speaker for information so that this very important just let me put on record we are on track ,but of course it will take sometime to get to our 10% but this is something that we will continue to do but we will continue juga yang penting sekali saya nak nyatakan dalam hal ini adalah kita selalu ada perbincangan dengan pihak Persekutuan kerana isu dan cabaran terutama kita adalah bagaimana kita hendak tangani penolakan pinjaman yang begitu tinggi oleh pihak bank komersial. Jadi kita perlu satu keputusan daripada pihak Pusat bagaimana ini boleh ditangani Pusat Is the one Bank Negara Malaysia (BNM) boleh bantu kita Penang Club pun lead di dalam ada beberapa perbincangan dengan pihak Bank Negara Malaysia, kita harap ini dapat kita tangani dan rakan-rakan saya di situ.

Saya harap dapat bantu juga very important at the end of the day ,like I said I always said kita boleh cubalah saya boleh nyatakan ratusan ribu rumah dibina tapi at the end off the day kalau rakyat jelata tak boleh dapat Bank loan itu susah . In between kita boleh cuba bantu dengan kaedah Rent To Own tapi itu sememangnya sedang dibuat. Sekian.

#### **Ahli Kawasan Batu Uban (Kumaresan A/L Aramugam):**

Terima kasih. YB Datok Keramat kerana begitu memahami naluri hati anak muda syabas saya ucapan kepada YB Datok Keramat. Kita faham dengan keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan ramai yang kehilangan kerja ada yang tidak dapat mencari kerja baru maka kita lihat ramai usahawan ad-hoc yang timbul. Saya berharap majlis akan menggunakan approach yang lebih mesra rakyat apabila kita menangan isu penjaja tanpa lesen kerana ada antara mereka yang sudah menjalankan perniagaan mereka agak lama. Sebarang tindakan penguatkuasaan perlulah mengambil kira kebijakan peniaga dan juga mendapatkan maklum balas daripada wakil rakyat.

Baru-baru ini ada beberapa siri tindakan yang diambil ke atas peniaga-peniaga tanpa lesen di kawasan saya ini. Ada tindakan yang di luar pengetahuan saya dan saya hanya mendapat tahu apabila peniaga datang berjumpa dengan saya di Pusat Khidmat dan juga memohon bantuan saya untuk campur tangan. Saya menghormati tugas pegawai-pegawai majlis yang menjalankan tugas mereka namun saya sebagai wakil rakyat yang dipilih perlulah diberikan (dengan izin)...first hand information sebelum tindakan penguatkuasaan dibuat.

Saya sangat berharap selepas ini insiden seumpama ini tidak berlaku dan saya mengharapkan PBT mempunyai langkah penyelesaian yang strategik untuk menyelesaikan dalam jangka masa yang sederhana dan juga panjang.

Dato' Speaker saya juga ingin memuji bantuan yang diberikan untuk usahawan melalui Skim Pinjaman Harapan di bawah PDC. Tabung pinjaman sebegini adalah penting untuk memastikan kelangsungan perniagaan untuk industri SME . Namun saya mendapati mereka yang mengambil bahagian dalam skim pinjaman harapan Negeri Pulau Pinang ini, penglibatan daripada kaum Cina dan India masih rendah iaitu 9.3 peratus dan juga 4.1 peratus sahaja. Saya ingin memohon pihak PDC untuk merangka program atau pun mewarkan-warkan mengenai program ini pada golongan sasaran tersebut mungkin mereka boleh berganding bahu bersama dengan Pusat Khidmat ADUN, NGO-NGO dan juga rumah-rumah ibadat. Selain itu permohonan bantuan ini juga perlu diberikan kepada mereka yang kehilangan pekerjaan dan juga penganggur yang ingin memulakan perniagaan. Ada syarat

bahawa peminjam hanya layak setelah membuat perniagaan lebih enam (6) bulan maka saya mohon Kerajaan Negeri untuk memberi pengecualian untuk golongan sasaran ini.

Dato' Speaker, saya sangat bimbang dengan isu berkaitan dadah yang melibatkan golongan belia. Dadah adalah musuh negara, itulah ungkapan yang sering kita dengar. Namun saya amat bimbang apabila melihat data statistik daripada Polis Diraja Malaysia yang menyatakan bahawa statistik tangkapan yang melibatkan pelbagai kesalahan jenayah dadah bagi tempoh Januari hingga Jun tahun 2020 untuk 4 daerah di Pulau Pinang ini terdapat seramai 2,714 anak muda yang berumur 35 tahun dan ke bawah yang terlibat dalam pelbagai kesalahan seksyen dadah. Daripada jumlah seramai 4,507 orang yang ditangkap, seramai 2714 orang melibatkan anak muda iaitu hampir 60%, Dato' Speaker.

Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri agar kita perlu agresif untuk membanteras gejala dadah ini lebih-lebih lagi apabila melibatkan golongan belia. Agensi seperti PEMADAM, PYDC dan juga badan-badan NGO perlu mempunyai rancangan khas bagi mengatasi masalah ini.

Dato' Yang di-Pertua, penglibatan dalam bidang pertanian amat digalakkan untuk memperkasakan produktiviti industri makanan sekali gus dapat meningkatkan hasil pengeluaran makanan di negeri ini. Maka saya ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk memberi pajakan tanah untuk aktiviti pertanian dan juga penternakan untuk tempoh yang panjang untuk usahawan membuat perancangan rapi dan juga mendapat pendapatan yang lumayan. Ada segelintir pengusaha secara kecilan memberitahu kepada saya bahawa mereka hanya mendapat pajakan untuk tempoh kurang dari tiga (3) atau dua (2) tahun maka untuk mereka membuat perancangan kepada tanah itu adalah risiko kepada mereka. Maka saya mencadangkan supaya kalau boleh Kerajaan Negeri pertimbangkan untuk kita memberi pajakan untuk tempoh masa yang lebih panjang lagi.

Saya juga ingin bertanya status menaiktaraf Klinik Kesihatan Sungai Dua yang memerlukan perhatian khusus daripada JKR dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia kerana Klinik ini merupakan salah satu klinik yang menerima jumlah pengunjung yang ramai dan sebelum ini saya telah membuat permohonan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya kita dapat peruntukan untuk membuat lagi satu akses keluar masuk kenderaan kerana akses yang terdapat pada waktu ini hanya satu akses sahaja dan kemalangan kerap berlaku kerana jumlah pengunjung yang ramai dan juga keadaan klinik tersebut juga adalah amat usang. Maka saya minta kalau boleh Kerajaan Negeri ataupun melalui JKR kita mempercepatkan kelulusan untuk mendapatkan peruntukan untuk menaiktaraf.

Dato' Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin memuji Dato' Speaker juga atas kepimpinan dan juga FAP kerana telah membawa kegemilangan bola sepak selepas 19 tahun kita memenangi Liga Premier. Saya setuju dengan cadangan rakan saya Yang Berhormat Tambun supaya FAP mempunyai *venue* sendiri, kalau *Manchester United* ada *Old Trafford* maka saya rasa Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang ini perlulah mempunyai stadium yang tersendiri dan saya juga dimaklumkan bahawa Persatuan Bola Sepak ini akan dinaik taraf kepada Penang FC maka kita perlulah mempunyai fasiliti yang baik.

Saya juga ingin memohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri mengenai usaha yang sedang dibuat dan akan dibuat untuk pembangunan sukan bola di peringkat akar umbi. Ada beberapa akademik yang mengharumkan nama Pulau Pinang di peringkat Kebangsaan. Baru-baru ini Kelab MUFA United daripada Batu Uban telah dianugerahkan Keahlian Tahap Perak Piagam Suparima oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan pengiktirafan ini adalah suatu yang perlu dibanggakan kerana kelab akademik ini adalah satu-satunya kelab daripada Pulau Pinang yang mendapat pengiktirafan di peringkat FAM selain daripada Kelab JDT dan Selangor. Oleh itu, saya memohon supaya satu penghargaan diberikan kepada kelab ini. Ada juga permintaan kepada pihak saya supaya mereka mendapat sedikit sokongan daripada Pihak Kerajaan Negeri dari segi dana dan dari segi fasiliti untuk mereka membuat latihan. Saya memohon kerana kita tahu pasukan bola sepak ini sekarang telah berubah setelah kita mendapat kepimpinan yang bagus maka saya rasa kita juga jangan lupa mereka

yang di peringkat akar umbi ini kerana mereka yang nanti akan menjadi wakil dalam persatuan bola sepak Pulau Pinang.

Dengan itu saya mohon menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan Dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Sekian terima kasih.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Batu Uban, Dewan ditangguhkan sehingga esok pagi pukul 9.30 pagi sekian.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.40 petang.***